



SASTERAWAN  
NEGARA  
**SHAHNON  
AHMAD**



# SASTERAWAN ■ NEGARA SHAHNON AHMAD

**Mohd. Yusof Hasan**

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Kuala Lumpur  
1990

KK 898 - 4476 5101  
ISBN 983-62-1351-1

Cetakan Pertama 1990  
© Hakcipta Mohd. Yusof Hasan 1990

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diatur Huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka  
Muka Taip Teks: Times Roman  
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

M  
928 . 9923  
SHA. M

571500\*


Dicetak oleh  
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka  
Lot 1037 Mukim Perindustrian PKNS  
Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan

\$6.50

21 NOV. 1991

## KANDUNGAN

<b>BAB SATU</b>	
<i>Riwayat Hidup</i>	1
<b>BAB DUA</b>	
<i>Pengalaman, Sikap dan Pemikiran</i>	8
<b>BAB TIGA</b>	
<i>Perbincangan Karya</i>	25
<b>BAB EMPAT</b>	
<i>Petikan Karya Popular</i>	74
<b>BAB LIMA</b>	
<i>Ucapan Kertas Kerja Terpenting</i>	123
<b>GAMBAR-GAMBAR SHAHNON AHMAD</b>	137
<b>BIBLIOGRAFI</b>	147
<b>INDEKS</b>	153



## BAB SATU

# RIWAYAT HIDUP

SHAHNON AHMAD dilahirkan pada 13 Januari 1933, di Kampung Banggul Derdap, sebuah kampung pedalaman di daerah Sik, Kedah Darulaman. Dia adalah anak bongsu daripada dua adik-beradik. Bapa Shahnon, Haji Ahmad bin Haji Abu Bakar berasal dari Medan, Sumatera dan meninggal dunia pada tahun 1981. Waktu muda, Haji Ahmad telah mengembara dari tempat asalnya dan berkahwin dengan ibu Shahnon serta menetap di Sik. Pada mulanya dia bekerja di Jabatan Ukur dan kemudian menjadi posmen. Pada masa Perang Dunia Kedua, dia menjadi perisik kepada pihak British bagi mencari maklumat-maklumat rahsia tentang gerakan-gerakan pihak Jepun. Sesuai dengan tugasnya sebagai posmen, dia bebas masuk ke kubu-kubu<sup>1</sup> tentera Jepun untuk membantu pihak British ketika itu.

Haji Ahmad atau panggilan sehariannya Pak Mat, adalah seorang yang sedar akan pentingnya pelajaran kepada anak-anaknya. Ini disebabkan kedudukannya sebagai orang yang agak berpelajaran jika dibandingkan dengan orang-orang Kampung Banggul Derdap yang lain pada masa itu. Pengalamannya mengembara seorang diri, dari satu pekan ke satu pekan dengan kepayaan dari seberang memungkinkan dia mempunyai sikap yang berbeza dengan orang-orang kampung tersebut.

Tindakannya menyekolahkan kedua-dua<sup>2</sup> orang anaknya ke

<sup>1</sup>Kubu-kubu tentera Jepun ketika itu ialah di Gurun dan Guar Chempedak.

<sup>2</sup>Abang Shahnon bernama Mohd. Noh. Pernah memegang jawatan sebagai

sekolah Inggeris di Alor Setar yang jauhnya 72 kilometer dari Kampung Banggul Derdap, telah dipandang serong oleh orang-orang kampung. Mereka menganggap perbuatannya itu agak luar biasa, kerana sebelum ini belum ada lagi orang-orang yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris. Biasanya, seseorang anak di Kampung Banggul Derdap yang tamat sekolah Melayu, akan diserah untuk melanjutkan pelajaran di sekolah agama pondok.<sup>3</sup> Dengan mendapat pelajaran di sekolah rendah dan pelajaran agama itu, mereka merasakan seseorang itu sudah cukup untuk bekalan hidup di masa depan.

Bagi perbelanjaan persekolahan anak-anaknya, Pak Mat telah menggunakan wang hadiah perkhidmatannya yang diterima daripada kerajaan British. Pihak Inggeris yang berkuasa semula pada tahun 1945 telah menawarkan wang hadiah kepadanya atas perkhidmatannya sebagai perisik. Oleh kerana dia tidak mampu menyediakan wang untuk anak-anak bersekolah di luar daerah, Pak Mat mahukan wang hadiah itu ditukar dalam bentuk basiswa untuk anak-anaknya. Dia berjaya dalam permohonan itu dan kedua-dua orang anaknya merupakan anak Kampung Banggul Derdap yang pertama sekali mendapat pendidikan Inggeris.

Ibu Shahnon, Hajah Kelsum binti Haji Mohd. Saman, berasal dari Kampung Poseng, Pattani, Thailand. Dia merupakan generasi kedua daripada keturunan Pattani yang berpindah dan bermastautin di Kampung Banggul Derdap. Semua penduduk di kampung itu adalah kaum keluarganya sendiri. Seperti juga kaum keluarganya, Mak Kesum bekerja sebagai petani di sawah pusaka tinggalan bapanya.

Kedua-dua ibu bapa Shahnon adalah orang-orang yang gigih, cekal dan tabah dalam hidup. Dalam proses sosialisasi dan pendidikan awal Shahnon, ibunya juga menjadi pendorong yang kuat sesuai dengan jiwa bapanya yang ingin melihat anak-anak mereka berjaya pada masa depan. Gambaran tentang kedua-dua ibu

---

seorang pegawai tertinggi dalam Polis Diraja Malaysia dan menjadi Yang Berhormat di Sik.

<sup>3</sup>Sekolah agama yang bersistem pondok pada masa itu ialah Pondok Gajah Mati. Dekat Kampung Banggul Derdap itu sendiri terdapat sebuah sekolah agama pondok iaitu di Kampung Banggul Kiat.

bapa Shahnon itu terdapat dalam karya-karyanya. Dalam sebuah cerpen, bapanya digambarkan keras hati dan selalu bertelagah dengan abangnya.<sup>4</sup> Kedudukan bapanya sebagai orang luar sentiasa dicurigai oleh orang-orang Kampung Banggul Derdap.<sup>5</sup> Sikap dedikasi Shahnon terhadap keluarga di sebelah bapanya yang masih menetap di Medan, Sumatera digambarkan dalam novelnya.<sup>6</sup> Dalam sebuah novel lain, dia menceritakan asal-usul dan sikap bapanya yang keras hati melalui watak Awang Cik Teh.<sup>7</sup>

Dalam novel yang sama juga, Shahnon menggambarkan sikap dan sifat ibunya yang mula-mula keras hati tetapi senang dipujuk seperti "kerak nasi yang senang dilembutkan" melalui watak Keghesum. Dalam cerpen yang lain, dia mengisahkan ibunya yang selalu uzur dan dia rela ibunya itu menempuh maut jika dia ditakdirkan tidak dapat bertemu dengannya.<sup>8</sup> Ketika berjauhan daripada kedua-dua ibu bapa dan kaum keluarganya di Kampung Banggul Derdap itu, Shahnon menyatakan kerinduan dan kasih sayangnya terhadap mereka.<sup>9</sup>

Kehidupan Shahnon dapat dibahagikan kepada tiga zaman yang mempengaruhi bakatnya sebagai penulis kreatif. Suasana zaman itulah yang menjadi bahan dalam karya-karyanya. Zaman-zaman itu ialah zaman kanak-kanak, zaman remaja dan zaman dewasa.

Pada zaman kanak-kanaknya, Shahnon hidup sepenuhnya di Kampung Banggul Derdap. Shahnon merupakan seorang kanak-kanak yang pendiam, pemalu dan tidak suka bercampur-gaul dengan orang lain. Apa yang sering dilakukannya ialah mengikut ibunya ke sawah. Di situ lah dia bermain-main dengan air sawah,

<sup>4</sup>Cerpen "Di Tengah Keluarga", *Dewan Bahasa*, Mei 1960; *Debu Merah*, Melaka: Toko Buku Abbas Bandung, 1965 dan *Pertentangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.

<sup>5</sup>Cerpen "Bapa", *Dewan Masyarakat*, Februari 1964 dan *Debu Merah*, op. cit.

<sup>6</sup>Ranjau Sepanjang Jalan, Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu Berhad, 1966.

<sup>7</sup>Srengenge, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973.

<sup>8</sup>Cerpen "Kalau Ibu Sampai Takah Tiga", *Dewan Sastera*, Februari 1971 dan *Dalam Perjalanan* (antologi cerpen Hadiah Sastera, 1971), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972.

<sup>9</sup>Cerpen-cerpen "Mimpi di Carroll Street", *Berita Minggu*, 4 Ogos 1968, dan "Salam Sekeluarga", *Dewan Masyarakat*, Februari 1970.

mencari ikan serta menolong ibunya mencabut rumput dan sebagainya. Di belukar-belukar dekat sawah, dia memburu burung-burung dan di sungai serta di sawah dia mencari ikan dengan alat-alat yang direkanya sendiri.<sup>10</sup> Apabila masuk ke sekolah rendah,<sup>11</sup> Shahnon terpaksa menyesuaikan diri dalam suasana persekolahan yang penuh dengan keriuhan, perlumbaan dan cabaran.

Pada zaman remajanya, Shahnon bersekolah di Alor Setar,<sup>12</sup> sebuah tempat yang berlainan sekali dengan suasana di kampung atau sekolah asalnya. Di sini dia bertemu lagi dengan kanak-kanak daripada berbagai-bagai kaum, dari beberapa daerah di seluruh Kedah. Dunia hidupnya sudah terdedah kepada unsur-unsur dan nilai-nilai baharu. Di sekolah tersebut, Shahnon tidak menunjukkan kecenderungan pada kesusteraan, tetapi lebih suka berlawak jenaka sahaja.<sup>13</sup> Perwatakannya sebagai kanak-kanak yang datang dari "hulu" dan caranya bertutur pelat Pattani menjadi bahan ketawa dan sindiran kawan-kawan sekolahnya. Secara psikologi, ejakan dan sindiran mereka itu menambahkan lagi keyakinan diri, dan apabila hal itu sudah menjadi sebat, lantas menjadikan pula sebagai bahan jenakannya. Ini mungkin juga kerana sifatnya sebagai anak kampung yang suka tertawa dan ditertawakan. Cara dia menjadi pelawak itu sendiri memperlihatkan bakat dalam proses kreativitinya.

Ketika di sekolah menengah, Shahnon lemah dalam pelajarannya. Ini mungkin kerana dia tidak berminat dalam pelajaran dan berasa dirinya seolah-olah dipaksa oleh bapanya belajar di sekolah itu. Kemungkinan juga kerana suasana bandar tidak secocok dengan jiwanaya yang lebih bersifat kedesaan. Pernah beberapa kali pihak British memberi amaran untuk menarik balik biasiswa persekolahannya memandangkan kemajuan pelajarannya tidak memuas-

<sup>10</sup> Mengikut keterangan ibunya sendiri ketika ditemuramah oleh penulis.

<sup>11</sup> Di Sekolah Melayu Sik dari tahun 1940 – 1947.

<sup>12</sup> Di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar dari tahun 1948 – 1953.

<sup>13</sup> Lihat Ismail Hussein, 1974. *Sastera dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Pustaka Zakry Abadi, didedikasikan kepada Shahnon, Lahuma, Awang Cik Teh dan seluruh petani Kampung Banggul Derdap. Katanya: "Shahnon tidak pernah memperlihatkan bakat atau minat sastera yang tegas semasa di sekolah. Ingatan saya ialah anak desa yang tidak berasa kaku atau malu akan kedesaannya. Beliau seorang pelakon dan pelakar dan beliau tidak malu mempamerkan kelakar kedesaannya di atas pentas." (hlm 24).

kan. Walau bagaimanapun, dia berjaya menghabiskan persekolahannya dengan kelulusan gred ketiga dalam Peperiksaan Sijil Persekolahan Senior Cambridge. Kisah-kisah tentang persekolahannya, kelemahannya dalam pelajaran dan kisah-kisah kawan-kawan sekolahnya yang telah menjadi orang-orang besar terdapat dalam cerpen-cerpennya.<sup>14</sup> Cerita-cerita kenangan itu dapat menimbulkan semula suasana lucu dan sinis melalui pengalaman-pengalaman masa lalunya.

Selepas tamat sekolah menengahnya, Shahnon memperlihatkan bakatnya sebagai penulis. Kemunculannya mungkin daripada sebab-sebab peribadi dan alam sekitar yang pernah dilaluinya. Sifatnya yang sensitif mendorongnya menulis kisah-kisah hidup manusia yang berlaku di sekelilingnya. Keadaan keluarganya dan latar belakang hidupnya juga menjadi pendorong yang besar untuk dia menulis.

Dalam zaman remajanya, Shahnon menunjukkan bakatnya dalam seni lakon yang berunsur jenaka – satu gejala yang membawa kepada pemupukan bakat seni sasteranya. Minatnya terhadap kesusasteraan mula tumbuh daripada galakan seorang gurunya di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar.

Semasa di kolej itu juga, Shahnon banyak membaca hasil-hasil karya pengarang ASAS 50 seperti Keris Mas, Tongkat Warrant, Wijaya Mala, Awam il-Sarkam, Asraf, Hamzah, Masuri S.N. dan lain-lain lagi yang termuat dalam majalah *Mastika*. Tokoh-tokoh itu memperjuangkan konsep “Seni untuk Masyarakat” dan perjuangan kemerdekaan dengan tema-tema yang mengikut ASAS 50 sendiri ialah untuk mendaulatkan kemerdekaan tanahair dan membawa sistem baharu yang sesuai dengan hasrat bangsa yang merdeka.<sup>15</sup>

Selepas tamat pelajarannya di kolej tersebut, Shahnon bekerja sebagai guru sementara dalam mata pelajaran bahasa Inggeris di English Grammar School, Kuala Terengganu. Selepas satu tahun di

<sup>14</sup>Cerpen-cerpen “Dr. Zaqlol”, *Berita Minggu*, 28 Ogos 1960 dan *Debu Merah*, op. cit.; “Kisah Malam Lustrum”, *Majalah Fajar*, Universiti Malaya, Singapura, 1959 dan *Dua Zaman*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.

<sup>15</sup>Shahnon Ahmad, 1964–1965. “Peralihan Tema Dalam Cerpen Melayu Moden”, dlm *Bahasa*, Persekutuan Bahasa Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

negeri Pantai Timur itu, dia memasuki Askar Melayu di Port Dickson, Negeri Sembilan. Selepas setahun, dia meletakkan jawatan kerana kemalangan dan pulang semula ke Kedah. Dari tahun 1956 hingga 1959, dia menjadi guru bahasa Inggeris di Sekolah Melayu Gunung dan Sekolah Melayu Bukit Besar di Alor Setar.

Pada tahun 1960, dia ditukarkan ke sekolah lamanya, Kolej Sultan Abdul Hamid, sebagai guru Bahasa dan Kesusastraan Melayu. Dia mengajar di situ hingga tahun 1963, apabila ditukarkan pula ke Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra, Kedah untuk mengajar mata pelajaran yang sama.

Semasa di Jitra, Shahnon giat dalam politik dan menjadi ketua Penerangan UMNO di Kubang Pasu. Pada tahun 1956, dia bersama rakan-rakan penulisnya menubuhkan Gabungan Sasterawan Sedar (GATRA).

Pada pertengahan tahun 1968, Shahnon bertugas sebagai pembantu penyelidik, Projek Perkamusan Bahasa Inggeris-Malaysia di Department of Indonesian Languages and Literatures, Australian National University (ANU) Canberra, Australia, di bawah Prof A.H. Johns, ketua jabatannya. Di samping bekerja, Shahnon belajar secara sambilan hingga mendapat ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A.) dalam bidang Pengajian Melayu.

Selepas pulang ke tanahair pada tahun 1972, dia bertugas sebagai pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim, Perak.

Pada akhir tahun itu juga dia menjawat jawatan tutor di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang sambil melanjutkan pengajian siswazahnya. Shahnon berjaya mendapat ijazah Sarjana Sastera (M.A.) pada tahun 1975 dengan tesisnya yang bertajuk "Sajak-sajak A.S. Amin".

Selepas itu, Shahnon dilantik sebagai pensyarah kesusastraan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan seterusnya dilantik menjadi Timbalan Dekan. Pada tahun 1980, dia dilantik menjadi Profesor Madya dan Dekan pusat pengajian tersebut. Dia juga dilantik menjadi ahli Senat dan ahli Majlis Universiti. Pada tahun 1982, dia dilantik sebagai profesor Kesusastraan Melayu Moden.

Shahnon Ahmad mendapat banyak anugerah dan penghormatan. Pada tahun 1973, dia menghadiri Afro-Asian Writers Conference di Alma Ata, Soviet Rusia, bersama-sama Prof Dato' Ismail Hussein

#### RIWAYAT HIDUP

sebagai wakil Malaysia dan GAPENA (Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia). Pada tahun-tahun 1971, 1972 dan 1973, dia memenangi Hadiah Karya Sastera dalam bidang cerpen. Pada tahun 1974, eseи/kritikannya pula memenangi Hadiah Karya Sastera. Dia juga adalah pemenang tunggal Hadiah Karya Sastera dalam bidang novel dengan novelnya yang berjudul *Srengenge* pada tahun 1973. Pada tahun 1976, dia mendapat gelaran "Pejuang Sastera" bersama-sama dengan Ishak Haji Muhammad, Kamaluddin Muhammad (Keris Mas), Usman Awang (Tongkat Warrant), A. Samad Ismail dan A. Samad Said.

Shahnon juga pernah dilantik menjadi ahli panel pengadil Peraduan Mengarang Cerpen anjuran majalah *Asiaweek*. Di samping itu dia juga pernah menjadi pengurus Peraduan Mengarang Novel anjuran Yayasan Sabah dan GAPENA, dan Pengurus Peraduan Menulis Cerpen Islam anjuran Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Sehingga kini Shahnon masih menjadi anggota Panel Anugerah Sastera Negara dan Hadiah Sastera Malaysia.

Pada tahun 1982, Shahnon mendapat Anugerah Sastera Negara daripada kerajaan Malaysia.

Shahnon Ahmad telah dianugerah bintang Kesatria Mangku Negara (KMN) daripada Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1974 dan pada tahun 1980 pula dia dianugerah Dato' Setia Diraja Kedah (DSDK), dengan gelaran Dato'.

Kini Shahnon Ahmad memegang jawatan Pengarah Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia.

Begitulah kita melihat Shahnon Ahmad, seorang anak kampung yang berjaya dari satu tingkat ke satu tingkat. Setakat ini dia telah berjaya dalam bidang penulisan kreatif dan bidang akademiknya.

## BAB DUA

# PENGALAMAN, SIKAP DAN PEMIKIRAN

DARIPADA sejarah hidup Shahnon Ahmad, sejak dilahirkan pada tahun 1933 di Kampung Banggul Derdap, hingga kini iaitu selama 56 tahun, kita dapat mengikuti pengalamannya, sikapnya dan pemikirannya.

Kita dapat membahagikan kehidupan Shahnon kepada empat tempat penting: di Kampung Banggul Derdap, di Alor Setar, di luar negeri dan di Pulau Pinang.

Kampung Banggul Derdap terletak 2.4 kilometer dari Pekan Sik dan 35.2 kilometer di timur Gurun, sebuah pekan di antara bandar Alor Setar dan Sungai Petani. Gurun jauhnya 35.2 kilometer di selatan Alor Setar dan 22.4 kilometer di utara Sungai Petani. Jadi jarak Sik dengan Alor Setar ialah 70.4 kilometer dan dengan Sungai Petani ialah 57.6 kilometer.

Penduduk-penduduk Kampung Banggul Derdap berasal dari sebuah wilayah di selatan Thai, iaitu Pattani. Sekarang ini kebanyakannya mereka merupakan generasi yang ketiga daripada keturunan orang-orang Pattani yang membina perkampungan itu pada kira-kira akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Mereka berhijrah dengan cara berkelompok-kelompok dan berperingkat-peringkat.

Terdapat beberapa kumpulan orang Pattani yang berpindah ke beberapa tempat di daerah Sik itu. Salah satu kumpulan tersebut telah datang menetap di Kampung Banggul Derdap dan mereka itu berasal dari Kampung Poseng di Pattani. Jarak di antara Kampung Poseng dengan Kampung Banggul Derdap ialah sejauh lebih kurang

160 kilometer jaraknya. Sehingga kini pun penduduk di Kampung Banggul Derdap masih mempunyai ramai saudara-mara di kampung asal mereka.

Hari ini orang-orang Kampung Banggul Derdap telah mengalami pelbagai perubahan hidup sesuai dengan kemajuan zaman. Oleh sebab kampung itu berdekatan dengan Pekan Sik, keadaan hidup mereka sudah terdedah kepada kemajuan dalam beberapa bidang. Di Sik terdapat berbagai-bagai pejabat kerajaan dan sekolah. Pekan itu merupakan tempat mereka membeli-belah barang-barang keperluan, menjual hasil-hasil tanaman dan ternakan mereka dan juga tempat mereka bertemu dengan orang-orang luar dari kampung dan daerah di sekitar mereka. Gejala-gejala ini banyak mempengaruhi cara berfikir dan sikap hidup penduduk kampung tersebut.

Tetapi dalam pada itu, terdapat lagi setengah-setengah cara hidup lama yang masih dipertahankan oleh penduduk-penduduk Kampung Banggul Derdap yang berpegang kuat kepada adat lembaga dan kepercayaan agama. Ciri-ciri hidup mereka yang masih dipertahankan hingga kini kita dapat lihat dalam bidang sosial, kepercayaan, kesenian dan ekonomi.

Dalam bidang kesenian, orang-orang muda Kampung Banggul Derdap masih berminat pada seni silat, manakala seni berkasidah dan berzanji masih menjadi kegemaran golongan tuanya. Mereka mengadakan kedua-dua jenis kesenian ini pada waktu malam selepas musim menanam padi. Sementara menunggu musim menuai padi inilah jenis-jenis kesenian ini diadakan untuk memberi hiburan dan kepuasan kepada mereka setelah penat bekerja di sawah.

Pada masa awal perpindahan mereka dahulu, terdapat sejenis hiburan bentuk seni lakon yang digemari iaitu makyung. Mereka tersangat asyik dengan jenis hiburan tersebut sehingga mereka percaya bahawa kalau gendang makyung tidak "ditabuh" (dipukul) sebulan sekali, mereka akan ditimpa malapetaka seperti demam, muntah-muntah dan cirit-birit. Satu lagi jenis hiburan orang-orang Kampung Banggul Derdap ialah bersabung ayam. Acara sabung ayam biasanya diadakan dengan tujuan untuk berjudi dan bertaruh, tetapi ada setengah-setengah orang menganggapnya sebagai kudus dan ia dilakukan pada masa membayar nazar di tempat keramat sahaja. Sekarang acara itu jarang-jarang diadakan kerana

penduduk-penduduk sendiri sudah tidak memberi perhatian lagi dan dianggap sebagai merugikan masa serta menyeka binatang. Tambahan, pula perbuatan berjudi itu sendiri dilarang oleh agama dan kerajaan.

Sifat dan sikap baharu di kalangan penduduk Kampung Banggul Derdap ini mulai ketara selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, apabila kerajaan melancarkan rancangan pembangunan luar bandarnya. Sejak itu, penduduk kampung ini mula terlibat dalam bidang ekonomi pertanian secara moden yang mengubah corak dan nilai hidup mereka yang tradisional. Dari tahun 1962 lagi, mereka memulakan rancangan tanaman padi dua kali setahun. Peristiwa ini sangat bermakna kerana merekaalah penduduk pertama yang dapat menikmati Projek Pengairan Muda yang dilancarkan oleh kerajaan negeri Kedah pada tahun 1969. Sekarang ini mereka menggunakan alat-alat jentera pembajak moden, baja dan racun yang dibuat daripada bahan-bahan kimia. Kegiatan-kegiatan mereka bersawah padi secara moden ini diusahakan melalui syarikat kerjasama yang mereka tubuhkan.

Shahnon banyak menulis karya yang berlatarbelakangkan desa kelahirannya. Cerpen-cerpennya termuat dalam antologi *Anjing-anjing* dan *Debu Merah*. Novel-novel yang berlatar belakang Kampung Banggul Derdap ialah *Rentong* dan *Ranjau Sepanjang Jalan*. Manakala novel-novelnya, *Srengenge* dan *Seluang Menodak Baung*, berlatarkan desa yang hampir sama dengan Kampung Banggul Derdap juga.

Tempat kedua Shahnon menimba pengalamannya ialah di Alor Setar iaitu tempat dia menerima pelajaran menengah dan tempat kerjanya yang awal. Semasa tinggal di Alor Merah yang berhampiran dengan Alor Setar itu, Shahnon banyak menulis tentang jiran-jirannya, kawan-kawan kerjanya dan tokoh-tokoh politik seperti yang terdapat dalam antologi cerpen *Anjing-Anjing* dan *Debu Merah*. Dalam cerpen-cerpen itu, dia mengemukakan tema-tema penyelewengan, ketidakadilan dan kepura-puraan manusia.

Kemudian Shahnon bertukar tugas di Jitra, jauhnya 16 kilometer dari Alor Setar. Pada masa mengajar ini dia terdedah lagi dengan berbagai-bagai pengalaman dan pandangan hidup. Dia

banyak menghasilkan karya-karya pentingnya di sini. Shahnon menulis novel sulungnya *Rentong*. Kemudian diikuti dengan novel-novel *Terededah*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Protes* dan *Menteri*. Novel-novel itu mengisahkan kemiskinan petani, pendedahan kehidupan orang-orang kota, kehidupan para belia serta kegelisahan tokoh-tokoh politik.

Pada tahun 1968, Shahnon bekerja dan belajar di Australia National University (ANU), Canberra, Australia. Sekali lagi Shahnon terdedah dengan cara hidup baharu yang berbeza dengan cara hidup di tanahairnya sendiri. Di sinilah dia menghasilkan karya-karya cerpen tentang latar baharu itu seperti yang terdapat dalam antologi *Selesai Sudah*.

Pada tahun 1972, Shahnon bertugas sekejap di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim dan kemudian berpindah ke Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang untuk menyambung pelajarannya di peringkat Sarjana dan bertugas sebagai tenaga pengajar kemudiannya sebagai pensyarah.

Pada masa inilah dia menyiapkan novelnya yang bertajuk *Srengenge*. Kemudian diikuti dengan novel-novel *Kemelut*, *Sampah* dan *Seluang Menodak Baung*. Bermula dari tahun 1976, Shahnon mula menulis cerpen-cerpen yang membawa tema Islam, seperti "Riak", "Kemelut", "Ada", "Mayat dan Keluarga", "Tonil Purbawara", "Dongeng Merdeka" dan "Hati Seorang Pemimpin".

Kemudian diikuti pula dengan novelnya *Al-Syiqaq I* dan novel terbarunya berjudul *Tunggul-Tunggul Gerigis* dan *Tok Guru* (1988).

Begitulah kita melihat betapa luasnya pengalamannya Shahnon di empat tempat penting yang masing-masing memberi ilham kepada beliau untuk berkarya. Sesungguhnya karya-karya itu menerapkan dan menggarapkan pengalamannya dalam bentuk cerpen dan novel.

Daripada pengalamannya yang luas di beberapa tempat semasa bertugas dalam beberapa jawatan seperti askar Melayu, guru bahasa Inggeris di sekolah rendah, guru bahasa dan kesusasteraan Melayu di sekolah menengah, pembantu penyelidik sambil menjadi mahasiswa, pensyarah maktab perguruan, tenaga pengajar, pensyarah universiti, timbalan dekan, dekan dan profesor, Shahnon membentuk sikap dan sifatnya sendiri.

Sebagai anak kampung, Shahnon mempunyai sikap dan sifat sayangkan ibu bapa, kaum keluarga dan orang-orang kampungnya.

Dalam karya-karyanya, dia membela mereka yang disayanginya. Contohnya dalam cerpen "Bapa", dia menceritakan nasib ayahnya sebagai orang asing, dipulau oleh orang-orang lain. Dalam cerpen "Kalau Ibu Sampai Takah Tiga", dia menyatakan kasih sayang kepada ibunya. Dalam novel *Srengenge*, Shahnon menggambarkan watak ibu bapanya sendiri. Novel-novel *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Srengenge* dan *Seluang Menodak Baung* adalah karya-karya yang membela rakyat desa, terutama sekali di Kampung Banggul Derdap, Sik dan kawasan sekitarnya.

Shahnon juga mempunyai sikap dan sifat yang negatif terhadap penduduk-penduduk di kota. Kebenciannya jelas terlihat dalam karya-karyanya seperti novel-novel *Terdedah*, *Protes*, *Menteri* dan *Seluang Menodak Baung*. Cerpen-cerpennya yang memperlihatkan kebenciannya terhadap kota ialah "Pak Utih", "Dr. Zaqlol", "Tetamu dari Kuala Lumpur" dan cerpen-cerpen dalam antologi *Anjing-Anjing*, *Debu Merah* dan *Selesai Sudah*. Karya-karya itu banyak memperlihatkan kepura-puraan manusia kota yang hidup dalam perjuangan mengejar kebendaan semata-mata tanpa mempedulikan unsur-unsur kemanusiaannya.

Shahnon juga tersangat ghairah dalam kritikannya terhadap golongan birokrat dan wakil rakyat. Dalam karya awalnya, Shahnon menggambarkan dengan sinis golongan yang baru muncul selepas merdeka. Misalnya dalam cerpen-cerpen seperti "Nak Serang Tuan D.O.", "Jijak Kepala Nenek Moyang" dan cerpen-cerpen desa di dalam antologi *Anjing-Anjing* dan *Debu Merah*. Pada Shahnon, para pemimpin masyarakat inilah yang menyebabkan kehidupan rakyat desa ketinggalan. Mereka hanya mementingkan diri sendiri sahaja tanpa mempedulikan penderitaan orang lain.

Sehubungan dengan itu, Shahnon melibatkan para isteri pemimpin dan wakil rakyat yang lebih hebat perlakuannya daripada suami-suami mereka sendiri. Dalam novel *Terdedah*, isteri wakil rakyat digambarkan hidup dalam maksiat; manakala dalam novel *Menteri*, isteri seorang Menteri hidup dalam kekosongan jiwa dan dalam novel *Perdana*, isteri pejuang politik hidup dalam kejahilan. Cerpen "Miting di Kuala Lumpur" menggambarkan bagaimana seorang tokoh politik wanita yang tidak peka dengan isu-isu politik negara, tetapi lebih mementingkan kebendaan.

Shahnon mempunyai sikap yang jelas terhadap isu kemiskinan

negara sama ada di desa atau di kota. Gambaran kemiskinan dan akibatnya dapat dilihat dalam novel-novel desanya seperti *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Srengenge*. Punca-punca kemiskinan itu dapat dilihat dalam novel-novel tersebut. Dalam novel *Rentong*, kita melihat bagaimana sifat-sifat tamak dan ketidakjujuran menjadi punca kemelaratan. Dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, terdapat kepercayaan karut dan kejahilan menjadi punca kemiskinan rakyat. Novel *Srengenge* pula memperlihatkan bagaimana manusia taksub kepada adat dan tidak mahu berubah nasib hingga menjadi miskin di tempat sendiri.

Dalam novel *Seluang Menodak Baung*, Shahnon menggambarkan bagaimana kemiskinan berlaku di kedua-dua tempat, desa dan kota. Di desa, masyarakat amat memerlukan tanah sendiri untuk bercucuk tanam bagi menambah pendapatan. Manakala di kota ramai orang jadi miskin dan mereka tinggal di kawasan setinggan atau tanah haram.

Novel *Kemelut* mengisahkan bagaimana kemiskinan berlaku di tempat kaum nelayan memperjuangkan hidup mereka. Para nelayan mendapati hidup mereka terdesak kerana pencemaran air di kuala, tempat sumber rezeki yang diperolehi zaman-berzaman. Kehidupan mereka menjadi terdesak kerana golongan kapitalis telah membina kilang-kilang di tempat tersebut.

Seluruh gambaran sikap Shahnon ini dapat dilihat sepanjang zaman penulisannya dari tahun-tahun 1950-an hingga ke tahun-tahun 1980-an, yang boleh dianggap sebagai zaman pancaroba baginya sebagai seorang pengarang, pemerhati masyarakat dan pejuang keadilan. Dari tahun 1950-an, masyarakat menghadapi pembangunan luar bandar; pada tahun 1960-an, berlaku pergeseran politik dan perkauman; pada tahun 1970-an berlaku pula kebangkitan Islam; dan pada tahun 1980-an ini berlaku usaha-usaha pemantapan politik.

Jadi jelaslah daripada hidupnya sendiri itu terbentuk sikap Shahnon yang diterapkan ke dalam seluruh karya dan perjuangannya. Daripada antologi cerpen terjemahannya *Setanggi*, terdapat unsur-unsur perjuangan dan kritikan masyarakat. Dalam antologi-antologi cerpen *Anjing-Anjing*, *Debu Merah* dan *Selesai Sudah* terdapat cerpen-cerpen yang memaparkan gambaran sikapnya. Begitu juga dengan isi novel-novelnya selama ini yang

semuanya menggambarkan sikap dan sifat Shahnon sendiri.

Sepanjang penglibatannya dalam penghasilan kesusasteraan selama lebih kurang 30 tahun, Shahnon memperlihatkan pemikiran yang menjadi teras tema dan isi karya-karyanya. Sepanjang masa itu, terdapat beberapa peringkat perkembangan pemikiran Shahnon: perjuangan hidupnya, peralihan temanya, konsep "*Malay Power*"nya, tentang tradisionalnya kesusasteraan moden dan tema kesusasteraan Islamnya. Ternyata sambil menghasilkan karya-karyanya, sekaligus Shahnon sentiasa menyampaikan pemikiran tentang berbagai-bagai aspek penghasilan karya. Ertinya dia membentangkan teori-teori pemikirannya diikuti dengan praktis penulisan karya-karya.

Apa yang jelas pada awal pemikiran, Shahnon amat sedar tentang perjuangannya sebagai penulis yang bertanggungjawab kepada masyarakat. Daripada pemikiran ini ternyata Shahnon ingin melihat bagaimana kesusasteraan dapat berperanan sebagai alat perjuangan masyarakat. Kemudian, kita lihat Shahnon amat nasionalistik sifatnya. Dia tertarik dengan konsep "*Malay Power*" yang ingin diterapkannya dalam hasil kesusasteraan.

Pemikiran semangat kebangsaan ini mempunyai hubungan dengan situasi pergolakan negara pada masa itu. Gejala polarisasi kaum amat ketara sekali hingga mencetuskan peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Kebimbangannya tentang tragedi ini pernah diterapkan dalam novel *Menteri* yang diterbitkan pada tahun 1967, melalui kegelisahan Menteri Bahadur. Menteri itu sentiasa berfikir tentang nasib bangsanya dua puluh tahun yang akan datang iaitu pada tahun 1987.

Selepas mempersoalkan nasionalisme Melayu, Shahnon berada di Australia pada pertengahan tahun 1968. Hidup dan cara baharu yang moden mencabar kewibawaan Shahnon. Dia didedahkan dengan pemikiran baharu dalam penghasilan karya sasteranya. Apabila melihat semula kepada karya-karya di tanahair, Shahnon merasakan kesusasteraan "moden" Melayu masih "tradisional", kerana masih banyak menceritakan aspek-aspek fizikal dan bukan aspek-aspek kejiwaan atau spiritual.

Sebagai bukti peralihannya dalam teknik penceritaan itu, Shahnon sendiri telah menghasilkan karyanya yang membawa teknik arus kesedaran atau "*stream-of-consciousness*" dalam

novelnya *Sampah*. Sungguhpun novel ini tipis, tetapi teknik penceritaannya amat kental dengan teknik "moden" dan "kejiwaan". Di antara cerpen-cerpennya yang membawa aliran baharu ini ialah seperti "Kalbu", "Igau" dan "Tak Keruan" yang termuat dalam *Selesai Sudah*.

Perkembangan terakhir pemikiran Shahnon bermula pada sekitar pertengahan tahun-tahun 1970-an. Pada tahun 1976, dalam ucapan aluan Hari Sastera di Kedah, Shahnon bertanya ke mana tujuan kesusasteraan Melayu.

Selepas itu, Shahnon mengemukakan gagasan "Sastera Islam" dalam majalah *Dewan Bahasa* (1977). Isi sastera Islam, pada Shahnon, hendaklah berhikmah untuk manusia sejagat sebagai satu ibadat. Berteraskan gagasan pemikiran itu, Shahnon mula menghasilkan cerpen-cerpen untuk berhikmah kepada manusia. Cerpen pertama dalam tahap pemikiran Islam ini ialah "Riak" yang membawa tema keredaan seorang profesor yang mencari Allah dalam tugas dan amal makrufnya dan meninggalkan nahi mungkarnya. Kemudian diikuti dengan cerpen "Kemelut" yang membawa tema manusia menuju ke jalan Allah. Kedua-dua cerpen ini membawa tema pencarian dan pertemuan nur hidup dalam dakwah Islamiahnya.

Karya-karya yang bersendikan pendidikan Islam pula terdapat dalam cerpen-cerpen "Ada" dan "Mayat dan Keluarga". Kedua-dua cerpen itu menegaskan betapa pentingnya pendidikan Islam dalam pembentukan perwatakan belia-belia Islam yang berada dalam kekalutan untuk mencari arah hidup yang sebenar. Cerpen-cerpen bertemakan politik yang berteraskan Islam pula ialah "Tonil Purbawara" dan "Dongeng Merdeka". Cerpen "Tonil Purbawara" menggambarkan bagaimana kegagalan parti-parti politik yang tidak berpegang kepada Islam dan cerpen "Dongeng Merdeka" pula mengisahkan kegagalan pemikiran politik yang telah mengalpakan Islam.

Novel Shahnon yang menggarap unsur-unsur Islam ialah *Al-Syiqaq I*. Novel ini memperlihatkan perjuangan manusia dari peringkat kemungkaran ke jalan kemakrufan dari satu daerah. Manusia bermula daripada asal usulnya atau "roots"nya dan bertemu kebahagiaan.

Begitulah kita dapat melihat cantuman atau adunan

pengalaman yang membentuk sikap dan pemikiran pengarang Shahnon bermula dari tahun-tahun 1950-an hingga ke tahun 1980-an ini.

Hampir setengah daripada karya-karya Shahnon Ahmad mengisahkan kampung kelahirannya iaitu Kampung Banggul Derdap. Pada mulanya, dia banyak menulis karya yang berlatarkan kota tetapi akhirnya menjurus kepada karya-karya yang berlatarkan desa pula. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan Shahnon "pulang" ke desa dengan membawa bahan-bahan kedesaannya sebagai "ilham penulisan naratifnya?"

Faktor utama ialah hubungannya yang erat dengan Kampung Banggul Derdap. Di kampung tersebutlah dia dilahirkan dan dibesarkan. Sungguhpun dia bekerja di bandar-bandar seperti Port Dickson, Kuala Terengganu, Alor Setar, Jitra, Tanjung Malim dan Pulau Pinang, hubungannya dengan kampung tidak terputus. Pada waktu-waktu cuti, dia pulang ke kampung menziarahi ibu bapa dan kaum keluarganya. Semasa pulang ke kampung, Shahnon dapat menyesuaikan diri dengan suasana kampungnya. Dia sentiasa mendengar dan mengamati segala kisah suka dan duka orang-orang kampungnya dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Jika dibandingkan jangka masa kehidupannya sendiri, Shahnon lebih lama tinggal di kampung dan dia lebih mengerti tentang selok-belok kampungnya. Pengalaman hidup di kampung diterapkan ke dalam karya-karya kesasteraan dengan lebih yakin dan bertanggungjawab. Dalam ceramahnya yang bertajuk "Mengapa saya menulis *Ranjau Sepanjang Jalan*" kepada mahasiswa-mahasiswa Universiti Nasional Australia, pada tahun 1969, Shahnon menegaskan: "Saya dilahirkan serta dibesarkan di sebuah kampung kecil bernama Banggul Derdap. Selama 35 tahun kebelakangan ini saya tidur dan makan minum bersama-sama dengan orang Melayuku yang buta huruf dan mundur itu – mereka terbiar di tengah-tengah penyakit yang bermaharajalela."<sup>1</sup>

Perasaan sensitif terhadap apa yang berlaku di desa lebih banyak mendorong Shahnon untuk "pulang" ke kampungnya. Dia

<sup>1</sup>Lihat Mohd. Yusof Hasan, 1971. *Ulasan Ranjau Sepanjang Jalan*. Alor Setar. Dinas Penerbitan Pustaka Sekolah, hlm 2.

dapat merasa pahit maung, suka duka dan kelucuan dalam kehidupan orang-orang kampungnya. Ini ditambah pula dengan bakatnya untuk mengolah kisah-kisah itu ke dalam karya-karya kreatifnya yang setengah-setengahnya berdasarkan fakta-fakta benar yang diolah dengan daya imaginasinya sendiri.

Shahnon merasakan dirinya terikat dengan kampung halamannya. Selepas berada di kota-kota yang penuh dengan kemajuan, dia mendapati kampung halamannya begitu ketinggalan. Sebagai jalan keluar untuk menggambarkan kisah-kisah tersebut, dia menyampaikannya dalam bentuk cereka. Tujuannya berbuat demikian ialah untuk menerangkan aspek-aspek kehidupan dengan lebih jelas atau dengan cara yang lebih berkesan melalui watak-watak yang diambil daripada tokoh-tokoh di desa itu sendiri yang tidak banyak diketahui orang.

Ketika jauh dari kampung, Shahnon mempunyai perasaan rindu yang mendalam terhadap kampung halamannya. Katanya:

.... Timbulah perasaan yang selama ini diberi istilah jolokan RINDU. Rindu terhadap kampung halaman yang indah dan sepi. Rindu kepada kaum keluarga yang miskin tetapi aman. Rindu kepada angin malam, sinar matahari, riak air di sawah, bunyi lotong bersimpangan di pinggir bukit.<sup>2</sup>

Sifat "nostalgia" yang mendalam itu telah memberi Shahnon ilham untuk mencipta karya yang bertemakan kekampungan. Dan dengan penciptaan itu, satu perasaan puas terjelma dalam sanubarinya.

Pada akhir tahun-tahun 1950-an dan awal tahun-tahun 1960-an, iaitu pada peringkat kedua penulisannya (1959 – 1963), Shahnon banyak menulis tentang kota seperti dalam daftar angka di halaman 18.

Daripada 14 buah cerpen kedesaan yang ditulis itu, Shahnon membentangkan tema-tema ringan seperti soal-soal keluarga dan sifat kelucuan orang-orang kampung. Pengolahan cerita-ceritanya juga masih ringan. Jumlah cerpen kedesaannya di peringkat ini

<sup>2</sup>Shahnon Ahmad, 1972. "Keringnya Daya Kreatif Sendiri", dlm *Dewan Sastera*, September 1972, hlm 55 – 57.

**Daftar I**

Jumlah karya cerpen Shahnon Ahmad yang menggunakan latar kota dan desa dalam Peringkat Kedua (1959–1963)

Bil Antologi Cerpen	Latar Kota	Latar Desa	Jumlah
1. <i>Anjing-Anjing</i>	7	0	7
2. <i>Debu Merah</i>	12	7	19
3. <i>Perajurit yang Pulang</i>	3	1	4
4. <i>Dua Zaman</i>	2	0	2
5. <i>Angin Retak</i>	0	2	2
*6. <i>Konflik</i>	5	0	5
7. (Tidak diantologikan)	6	4	10
 Jumlah	35	14	49

masih kurang dan lemah dari sudut kualitinya. Walau bagaimanapun peringkat ini merupakan tapak untuk dia membuat eksperimen untuk menulis karya-karya kedaerahan yang lebih serius dan berjaya dalam peringkat ketiganya.

Dari tahun 1964 hingga tahun 1968, Shahnon menulis novel berlatarkan kota dan desa seperti di halaman 19.

Sungguhpun hanya dua buah novel berlatarkan desa berbanding dengan empat buah novel tentang kota di peringkat ini, tetapi ternyata Shahnon lebih berjaya dalam novel latar desanya. Melalui novel pertamanya, *Rentong*,<sup>3</sup> dia memperlihatkan unsur yang lebih

\*Dua buah cerpen daripada antologi ini terdapat juga dalam antologi *Pertengangan*.

<sup>3</sup>Lihat Shahnon Ahmad, 1972. "Rentong Berpusar Tiga: Egoisme, Cerita Damai dan Selfishness", dlm *Dewan Sastera*, Julai 1972, hlm 44–45/48–49. Katanya: Faktor kedua ialah tentang latar. Ini penting. *Rentong* terbit dalam tahun 1965; lebih kurang sembilan tahun sesudah merdeka. Berertiilah *Rentong* cuba menggambarkan hidup dan menganalisis hidup kaum tani di Kampung Bangkul Derdap dalam tahun-tahun 1960-an atau sebelumnya. Faktor utama perlu diketahui ialah *value* atau nilai hidup orang-orang kampung di situ." (hlm 48).

**Daftár II**

Jumlah karya novel Shahnon yang menggunakan latar kota dan desa (1964–1968)

Bil.	Tahun Terbitan	Judul Novel	Latar Kota	Latar Desa
1.	1965	<i>Rentong</i>		✓
2.	1965	<i>Terde dah</i>	✓	
3.	1966	<i>Ranjang Sepanjang Jalan</i>		✓
4.	1967	<i>Protes</i>	✓	
5.	1967	<i>Menteri</i>	✓	
6.	1969	<i>Perdana</i>	✓	
Jumlah			4	2

serius daripada cerpen-cerpen kedesaannya iaitu tentang hidup manusia yang penuh dengan konflik di Kampung Banggul Derdap. Novel ini menggambarkan konflik-konflik yang dialami oleh seorang ketua kampung, seorang pemuda petani, seorang pembantu ketua kampung dan orang-orang kampung yang lain.

Dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*,<sup>4</sup> Shahnon membawa plot cerita

\*Lihat Prof Lloyd Fernando, 1971, "Hubungan Kesusasteraan Sukuan dengan Kesusasteraan Kebangsaan", dlm *Dewan Sastera*, September 1971, hlm 54–59. Katanya: "Ranjau Sepanjang Jalan ialah sebuah novel yang ditulis daripada tulang sumsum penulisnya. Watak-watak Lahuma dalam kesedaran kebangsaan. Tidak lama lagi mereka tentu mencapai taraf mitos kerana mereka mewakili hakikat kehidupan desa yang tragik. Kejayaan Shahnon menunjukkan bahawa seorang penulis yang jujur kepada seninya akan benar-benar jujur juga kepada masyarakatnya. (hlm 57); Prof Mohd. Taib Osman, 1974, "Kesusasteraan Melayu dan Perubahan Sosiobudaya", dlm *Dewan Bahasa*, Ogos 1974, hlm 363–382. Katanya: "Ranjau Sepanjang Jalan, umpamanya, menceritakan tentang pergelutuan keluarga tani yang tidak pernah berakhir dengan kedurjanaan alam, tetapi kisah itu tersirat satu padangan bahawa sesuatu tidak berjalan lancar dalam masyarakat luar bandar walaupun berlaku pembangunan dan dalam kemajuan negara secara keseluruhannya", hlm 373; dan Achdiat Karta Mihardja, 1972, "Ranjau Sepanjang Jalan", dlm *Dewan Sastera*, Jun 1972, hlm 40–41. Katanya: "Seperti telah saya katakan, peristiwa-peristiwa dalam cerita itu sangat sederhana, juga latarnya hanya di dua tempat – di sawah dan di rumah Lahuma". (hlm 41).

yang ringkas, tetapi memperlihatkan suasana kemiskinan, penderitaan, kegelisahan, kesakitan, kegilaan, kesenian, keharuan dan kecemasan yang dapat menimbulkan perasaan simpati, gerun, loya, kesal, ngeri dan sedih pada para pembacanya. Kisah yang mengambil masa selama enam bulan – dari masa menyediakan bekas semai hingga ke musim selepas mengetam padi – dimulakan dengan suasana aman dan diakhiri dengan suasana murung. Kisah 16 bab itu dipaparkan secara kronologi mengenai peristiwa-peristiwa ular, duri nibung, kematian Lahuma, serangan ketam, kegilaan Jeha, serangan tiak dan Jeha gila lagi.

Dua buah novel, *Rentong* dan *Ranjau Sepanjang Jalan*<sup>5</sup> membawa tema penderitaan hidup pesawah-pesawah di tempat kelahiran pengarang sendiri. Manakala novel-novelnya yang empat buah lagi itu membawa tema-tema sosial, politik, kepercayaan dan falsafah yang pernah juga dibawa oleh pengarang-pengarang lain sebelumnya.

Kedua-dua novel *Rentong* dan *Ranjau Sepanjang Jalan* ini merupakan peneroka yang julung-julung kali ke daerah pedalaman yang penuh dengan masalah. Ia merupakan kemuncak bukan sahaja dalam sejarah kegiatan penulisan Shahnon sendiri tetapi juga dalam

<sup>5</sup>Lihat A. Bakar Hamid, 1967. "Beberapa Catatan Mengenai Kesusasteraan Melayu dari Sudut Pertumbuhan Masyarakatnya", dlm *Dewan Bahasa*, September 1967, hlm 388–402. Katanya: "Di samping itu kita lihat juga usaha penulis-penulis zaman ini membantah masalah masyarakat kampung. Khusus dalam bidang ini nama Shahnon Ahmad perlu disebut. Dengan *Rentong* dan *Ranjau Sepanjang Jalannya*, ia telah melukiskan manusia-manusia kampung dengan persoalan-persoalan mereka dan pertentangan-pertentangan di antara mereka", (hlm 401) dan "Arah Perkembangan Kesusasteraan Melayu", dlm *Dewan Bahasa*, Ogos 1973, hlm 338–356. Katanya: *Rentong* (1965) dan *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) merupakan puncak-puncak dari novel Melayu enam puluhan, keahlian mereka yang sama menempatkan *Ranjau Sepanjang Jalan* sebagai novel Melayu yang terkuat hari ini". (hlm 350). Lihat Kassim Ahmad, 1973. Pengarang Kita Hari Ini dan Masalah-masalahnya", dlm *Dewan Sastera*, Oktober 1973 (hlm 35–39). Katanya: "Dari tema-tema sosial kepada tema-tema kejiwaan. Umpamanya, Shahnon Ahmad di dalam *Rentong* adalah seorang realis, tetapi di dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*, adalah seorang mistik. Di dalam *Rentong* watak-wataknya menghadapi soal-soal yang nyata, konkret dan hidup, tetapi di dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* mereka menghadapi soal-soal yang dibuat-buat". (hlm 37) dan Prof Ismail Hussein, 1973. "Pengkajian Akademik Kesusasteraan Malaysia", dlm *Dewan Bahasa*, November 1973, hlm 486–493. Katanya: "*Rentong* dan *Ranjau Sepanjang Jalan* adalah tentang masyarakat *peasantry*". (hlm 489).

sejarah perkembangan sastera Melayu moden dari sudut pembaharuan<sup>6</sup> tema desanya.

Dari tahun 1968 hingga tahun 1975, Shahnon menghasilkan 14 buah cerpen dan dua buah novel, seperti dalam Daftar III.

### Daftar III

Jumlah cerpen dan novel Shahnon yang menggunakan latar desa dan kota

Bil	Karya	Tahun	Latar Desa/Judul	Latar Kota/Judul	Jumlah
1.	Cerpen	1968	a) "Mimpi di Carroll Street" b) "Tudawali"	a) "Temanku Afrika"	3
		1969	0	0	0
		1970	a) "Salam Sekeluarga" b) "Denak"	a) "Al"	3

<sup>6</sup>Lihat M. Noor Azam, 1967. "Tragedi Banggul Derdap", dlm *Dewan Bahasa*, Jun 1967, hlm 265–269. Katanya: "Rentong (1965) dan Ranjau Sepanjang Jalan (1966) merupakan suatu lagi titik pembaharuan dalam dunia sastera Melayu – khususnya novel. Kedua-dua novel ini melukiskan kisah sebuah kampung sahaja – Kampung Banggul Derdap – tidak sedikit pun kisah yang terkeluar dari kampung itu. Selama ini novel kita tentang kampung tidak banyak, dan kalau ada pun kampung itu sering menjadi tempat bertolak sahaja, bukan pusat cerita". (hlm 265); Yahya Ismail, 1972. "Persoalan Latar Belakang Sastera Malaysia", dlm *Dewan Sastera*, April 1972, hlm 50–51. Katanya: "Dalam penulisan novel orang mungkin mudah untuk melihat latar belakang Malaysia (dulunya Malaya) dengan perwatakan-perwatakan serta problem-problem yang khas Malaysia (Malaya). Dalam Rentong, pembaca bisa mengenali Semaun, Lebai Debasa dan Banggul Derdap" (hlm 50); dan Tham Seong Chee, 1974. "Sikap Negatif Konservatif dan 'Ritualism' dalam Sastera Melayu Moden", dlm *Mingguan Malaysia*, 21 Julai 1974. Katanya: "Ranjau Sepanjang Jalan dan Rentong bolehlah dianggap sebagai satu tragedi pertanian". (hlm 6).

**Daftar III (Sambungan)**

Bil	Karya	Tahun	Latar Desa/Judul	Latar Kota/Judul	Jumlah
1.		1971	2 a) "Kalau Ibu Sampai Takah Tiga" b) "Igau"	0	2
		1972	a) "Lagu Kit- Kitkit"	1 a) "Kalbu"	2
		1973	3 a) "Tak Keruan" b) "Kelapa Nan Sebatang" c) "Perempuan"	0	3
		1974	0	0	0
		1975	0	1 a) "Angan-angan Mr. Proudfoot"	1
2.	Novel	1973	1 a) <i>Srengenge</i>	0	1
		1974	0	1 a) <i>Sampah</i>	1
<b>JUMLAH</b>			11	5	16

Cerpen-cerpen teknik baharu dalam peringkat ini telah membawa wawasan yang baik daripada pengarangnya sehingga menimbulkan kesan kepada pembaca. Cerpen-cerpen itu telah mendapat perhatian pengkritik-pengkritik, mendapat hadiah-

hadiah kesusasteraan dan dikumpulkan dalam antologi-antologi cerpen.<sup>7</sup>

Dengan 10 buah cerpen dan sebuah novel yang dihasilkan, Shahnon memperlihatkan kecenderungan untuk pulang ke tema desanya. Dia berjaya menimbulkan suasana desa dengan penuh yakin dan bertanggungjawab.

Pada peringkat ini juga, Shahnon menghasilkan empat buah cerpen dan sebuah novel tentang latar kota. Dalam cerpen "Temanku Afrika", Shahnon memaparkan kisah kehidupan kota dengan watak utamanya berjumpa dengan seorang mahasiswa dari Afrika dan mereka membincangkan soal kebangsaan masing-masing. Cerpen "Al" adalah kisah seorang pegawai Pesuruhjaya Tinggi di Australia. Lagak watak utamanya yang lupa daratan dan mengeji bangsa sendiri itu akhirnya ditimpa penyesalan. Cerpen "Kalbu" dari segi tekniknya amat baik, tetapi dari segi temanya agak sederhana, kerana tema politik ini sudah banyak diutarakan oleh Shahnon. Cerpen yang akhir iaitu "Angan-Angan Mr. Proudfoot" jelas sekali menunjukkan sikap sinisnya terhadap peradaban yang kurang disenanginya seperti yang dibawa oleh Mr. Proudfoot dari Buffalo, Amerika ke Malaysia.

Novel *Sampah* juga memperlihatkan persoalan kota – bagaimana manusia terjerumus nasibnya di Tempat Letak Kereta (TLK) yang serba sibuk.

Dengan memaparkan tema-tema daerah, Shahnon juga memperlihatkan perwatakan orang-orang kampung melalui watak-watak desanya – dari seorang kanak-kanak yang tidak berdosa hingga kepada seorang nenek tua yang sudah nyanyuk.

Kejayaannya membentangkan tema-tema daerah, perwatakan daerah, suasana daerah dan kehidupan daerah itu adalah terletak pada penggunaan gaya bahasanya yang tersendiri.

---

<sup>7</sup>Antologi-antologi *Dalam Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972, terdapat cerpen-cerpen "Kalau Ibu Sampai Takah Tiga" dan "Igau"; *Suara Semusim*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, terdapat cerpen-cerpen "Tak Keruan", "Kelapa Nan Sebatang" dan "Perempuan"; dan *Jejak Langkah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975 terdapat cerpen-cerpen "Kalau Ibu Sampai Takah Tiga" dan "Lagu Kitkitkit".

SASTERAWAN NEGARA SHAHNON AHMAD

Pada pertengahan tahun 1970-an, Shahnon menulis tentang kota melalui cerpen-cerpennya dan tentang desa melalui novel-novelnya. Cerpen-cerpen kota ialah seperti "Riak", "Kemelut", "Ada", "Tonil Purbawara" dan "Dongeng Merdeka". Manakala novel-novel desanya ialah *Al-Syiqaq I* dan *Tunggul-Tunggul Gerigis*. Terdapat juga campuran latar desa dan kota dalam cerpennya "Mayat dan Keluarga" dan novelnya *Seluang Menodak Baung*.

## BAB TIGA

### PERBINCANGAN KARYA

SHAHNON AHMAD banyak menghasilkan karya kesusasteraan dalam bentuk novel, cerpen, cerpen terjemahan dan drama. Dia mula menulis pada tahun 1956 hingga ke hari ini. Dalam jangka masa 34 tahun itu, dia menghasilkan tidak kurang daripada 80 buah cerpen, 10 buah cerpen terjemahan, empat buah drama dan 13 buah novel. Dalam bab ini akan dibincangkan penghasilan karya-karya tersebut.

Di peringkat permulaan penulisannya Shahnon mencuba menulis cerita-cerita pendek. Dia mencuba bakatnya selepas membaca karya-karya terbaik pengarang-pengarang Barat dan Asia. Pengaruh ini nampak jelas dalam penulisan kreatifnya yang awal, terutama dari segi pemilihan tema. Shahnon mula-mula menumpukan perhatiannya kepada tema-tema yang dapat mengkritik masyarakat dalam bentuk kelucuan dan kegilaan seks yang masing-masing berlatarbelakangkan desa dan kota.

Cerpen permulaan Shahnon ialah "Bingung" (*Majalah Guru*, 1956) yang mengisahkan kebingungan watak utamanya dalam menghadapi dunia orang dewasa. Kemudian diikuti dengan cerpen-cerpen "Kawan-kawan dan Pangkat-pangkat" (1958), "Tiga Kali Gagal" (1958), "Ayam dan Manusia" (1958) dan "Nasib Seorang Buruh" (1958).

Dari desanya, dia menimbulkan unsur-unsur lucu pada watak-wataknya – sebagai lanjutan daripada jenaka-jenaka kekampungan-nya pada masa sekolah dulu. Unsur-unsur lucu ini terdapat dalam

cerpen-cerpen Shahnon seperti "Pak Utih",<sup>1</sup> mengisahkan sebuah keluarga petani "orang hulu" yang berkunjung ke kota; "Hikmat Bulan Sabit Haji Taha",<sup>2</sup> tentang seorang kampung mencari ilmu kebal daripada najis manusia lain; "Kipas Angin Mitsubishi Kami",<sup>3</sup> mengisahkan penggunaan alat kipas angin tersebut di kampung; "Kehilangan",<sup>4</sup> menceritakan seorang tua yang kehilangan cucunya dan "Cacingmu Bukan Cacingku",<sup>5</sup> tentang seorang petani yang menggunakan ubat cacing daripada bomoh kampung untuk anak-anaknya.

Sebagai tapak permulaan, Shahnon berjaya menimbulkan *sense of humour* daripada cerita-cerita kampung. Watak-wataknya hidup, sungguhpun terdapat unsur membesar-besarkan sesuatu. Gambaran kegelisahan watak-wataknya dilukiskan dengan jelas secara fizikal dan tindak-tanduk para watak. Shahnon berbuat demikian dengan tujuan untuk menonjolkan sifat-sifat tipikal kekampungan yang dibangga-banggakannya sendiri.

Tentang latar kekotaan, nada tulisan pada peringkat permulaan ini penuh dengan sindiran dan marah-marah kerana kebanyakannya daripada cerita-ceritanya itu berdasarkan kejadian-kejadian sebenar yang dilihat dan didengar dalam hidupnya dan kadang-kadang berdasarkan pengalamannya sendiri. Sebagai bahan terdekat pada kehidupannya sehari-hari, dia menulis tentang seks sebagai alat mengkritik dan menyedarkan masyarakat. Tema seks itu tidak bertujuan untuk menimbulkan keghairahan pembaca tetapi mengandungi unsur-unsur kemanusiaan seperti kepura-puraan, belas kasihan, penindasan, kecurangan dalam rumah tangga dan sebagainya. Cerpen-cerpen bertema seks berdasarkan unsur-unsur kemanusiaan itu dikumpulkan dalam antologi *Anjing-Anjing*.<sup>6</sup>

Di kota, kisah seorang pegawai kerajaan yang buas nafsunya, berzina dengan isteri orang terdapat dalam cerpen "Ayam dan Manusia" dan kisah pegawai muda, Nirwan, seorang yang bersifat

<sup>1</sup> Berita Minggu, 11 Mac 1962 dan Debu Merah, op. cit.

<sup>2</sup> Utusan Zaman, 12 April 1964.

<sup>3</sup> Perajurit yang Pulang, Melaka: Toko Buku Abbas Bandung, 1964.

<sup>4</sup> Dewan Masyarakat, November 1965, dan Angin Retak, Melaka: Toko Buku Abbas Bandung, 1966.

<sup>5</sup> Utusan Zaman, 28 Januari 1968.

<sup>6</sup> Anjing-Anjing, Kuala Lumpur: Penerbitan Jambatanmas (PTM), 1966.

"playboy" terdapat dalam cerpen "Ombak Kecil Berkocak". Cerita seorang gadis Kelantan yang terperangkap dalam skandal pelacuran di rumah Kak Don, seorang ibu ayam di Alor Setar terdapat dalam cerpen "Malam Begitu Indah"<sup>7</sup> dan kisah gadis pejabat, Rokiah, yang bekerja di Pejabat Menteri Besar menjadi mangsa seks kepada ketua-ketuaunya terlukis dalam cerpen "Catitanku".<sup>8</sup> Kisah Kinah, seorang pelacur yang terpaksa mencari wang untuk persekolahan anaknya terdapat dalam cerpen "Guntur".<sup>9</sup> Cerpen "Siplis" ialah cerita tentang Kudin yang menghidap penyakit "raja singa" selepas mengunjungi tempat-tempat pelacuran seperti Desker Road, Belakang Mati, Haadyai dan Lorong Merpati. Cerpen "Dunia Tuhan yang Indah" pula mengisahkan perbuatan "komosexual" guru bangsa Inggeris, Mr. Armstrong dengan anak muridnya, Ah Kow.

Selanjutnya dalam penulisan cerpen, kelihatan Shahnon begitu minat untuk menelanjangi sifat-sifat kepura-puraan di kalangan penghuni kota. Tokoh-tokoh yang menjadi sasarananya terdiri daripada para doktor, pegawai kerajaan, guru, orang bangsawan dan wakil rakyat. Cerpen "Dr. Zaqlol"<sup>10</sup> mengisahkan sikap seorang doktor yang memandang rendah kepada kesenian. Wakil rakyat, Muluk yang bermata keranjang sanggup membuat hubungan seks dengan adik pemandu keretanya, Abdul, yang pula sanggup menyerahkan adiknya kerana wang. Kisah ini terdapat dalam cerpen "Jangan Beritahu Orang Lain".<sup>11</sup> Cerpen "Bung Besar Punya Pasal"<sup>12</sup> ialah tentang wakil rakyat perempuan, Hayati yang melupakan tugas-tugasnya sebagai isteri dan ibu dalam rumah tangga. Cikgu Maimunah, Miss London, pula mengada-ada selepas pulang dari England dalam cerpen "Angin Timur Angin Barat".<sup>13</sup> Sifat angkuh dan kepura-puraan wanita diceritakan

<sup>7</sup>Mula tersiar dalam *Utusan Pemuda*, 3 Mac 1960.

<sup>8</sup>Mula tersiar dalam *Utusan Zaman*, 28 April 1963 dalam bentuk catatan buku harian.

<sup>9</sup>Mula tersiar dalam *Gema Dunia*, Kuala Lumpur: Penerbitan Bi Karya, Bil. 7, 1962.

<sup>10</sup>*Debu Merah*, op. cit.

<sup>11</sup>*Debu Merah*, op. cit.

<sup>12</sup>*Debu Merah*, op. cit.

<sup>13</sup>*Debu Merah*, op. cit.

dalam cerpen "Miting di K.L."<sup>14</sup> Sifat kepura-puraan pegawai-pegawai tinggi pula terdapat dalam cerpen "Kepulangan"<sup>15</sup> iaitu pegawai muda, Hamdan yang berasal dari kampung berasa malu membawa isterinya pulang ke kampung; cerpen "Penyambutan"<sup>16</sup> tentang lagak Tuan Mohd. Sutan Ali Muda, J.P. yang bermuka-muka dalam masa menyambut Minggu Bahasa Kebangsaan. Cerpen "Serangan",<sup>17</sup> tentang pegawai kerajaan yang mencuba membo-doh-bodoikan orang-orang kampung dan cerpen "Kodok",<sup>18</sup> kisah pegawai siswazah yang asyik mengangguk sahaja di depan ketua. Manakala cerpen tentang orang bangsawan yang kuat seksnya terdapat dalam cerpen "Nafsu".<sup>19</sup>

Di samping menbongkar kisah-kisah manusia kelas atasan, Shahnon juga tidak lupa pada kegelisahan-kegelisahan dan konflik-konflik jiwa golongan bawahan. Kalau pada golongan pertama dia membawa madah mengecam, tapi pada golongan kedua dia membawa nada simpati sebagai satu cara pembelaan kepada yang teraniaya. Mereka yang diperjuangkan nasib oleh Shahnon adalah terdiri daripada pemuda menganggur, watak orang yang salih, *broker* kereta "*second-hand*", pemuda yang tidak tetap kerjanya, pemuda yang gagal dalam cinta dan nenek tua yang nyanyuk. Ternyata pada Shahnon ketika itu bahawa karya cerekannya berfungsi sebagai alat membela nasib masyarakat.

Bagi penganggur, Shahnon menggambarkan bagaimana suarknya Mat Lantaran, hendak mendapatkan sekeping "Borang G. 147"<sup>20</sup> untuk memohon kerja dalam cerpen yang sama judulnya. Bagaimana satu komplot jahat hendak membinasakan Mohd. Sani yang warak digambarkan dalam cerpen "Jahanam".<sup>21</sup> Nasib seorang *broker* kereta "*second-hand*" yang ditipu orang tergambar dalam cerpen "Suamiku".<sup>22</sup> Kepada pemuda-pemuda yang tidak

<sup>14</sup> Dewan Bahasa, Julai 1961, dan Dua Zaman, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.

<sup>15</sup> Debu Merah, op. cit.

<sup>16</sup> Debu Merah, op. cit.

<sup>17</sup> Perajurit yang Pulang, op. cit.

<sup>18</sup> Utusan Zaman, 8 Mei 1966 dan Konflik, Alor Setar: Pustaka Utara, 1967.

<sup>19</sup> Utusan Zaman, Kuala Lumpur, 25 Oktober 1964 dan Debu Merah, op. cit.

<sup>20</sup> Utusan Pemuda, 15 Oktober 1960 dan Debu Merah, op. cit.

<sup>21</sup> Utusan Pemuda, 13 Jun 1963 dan Perajurit yang Pulang, op.cit.

<sup>22</sup> Mastika, Februari 1964 dan Debu Merah, op.cit.

ada kerja tetap yang ditipu juga terdapat dalam cerpen "Barang"<sup>23</sup> dan pemuda yang kecewa dalam cinta kerana dimain-mainkan oleh kekasihnya diceritakan dalam "Aku Tidak Cinta Padamu".<sup>24</sup> Si nenek tua yang nyanyuk dan tidak lagi diingini oleh anak cucunya dikisahkan dalam cerpen "Nadinya Masih Berdenyut".<sup>25</sup>

Ada dua perkara lagi yang menjadi tema karya cerpen-cerpennya iaitu cerpen-cerpen tentang keluarganya sendiri dan cerpen-cerpen tentang orang luar daripada masyarakat Melayunya iaitu tentang orang-orang asli. Cerpen-cerpen yang berhubungan dengan keluarganya sendiri terdapat dalam cerpen "Di Tengah Keluarga". Cerpen ini menceritakan pertikaian antara bapa dan abangnya kerana masalah perkahwinan abangnya dan melibatkan dirinya sebagai orang tengah. Pada masa konfrontasi Indonesia-Malaysia tahun 1963, orang-orang Kampung Banggul Derdap menganggap bapa Shahnon sebagai musuh kerana dia berasal dari Indonesia dan keluarganya dipulau oleh mereka. Sikap bapanya terhadap konfrontasi tersebut terdapat dalam cerpen "Bapa".

Perkara kedua dalam cerpen-cerpen Shahnon ialah tentang kehidupan orang-orang asli yang terdapat di Malaysia. Cerpen-cerpen ini diilhamkan daripada pengalaman hidupnya yang hampir sama dengan kaum tersebut iaitu di daerah Baling dekat dengan Sik berjudul "Babi Hutan"<sup>26</sup> iaitu kisah Nibung yang berusaha mencari mas kahwin yang berupa seekor babi bertaring kuning. Dan cerpen "Napuh"<sup>27</sup> ialah tentang ganjaran terhadap orang yang suka membunuh binatang.

Cerpen-cerpen yang mencakupi tema-tema yang tersebut di atas dalam peringkat kedua penulisannya itu banyak menggambarkan unsur-unsur pengalaman peribadi pengarang. Sebagai peringkat permulaan dalam penulisan kreatif itu, Shahnon berjaya membina

<sup>23</sup> *Mingguan Malaysia*, 30 Mei 1965 dan *Debu Merah*, op.cit.

<sup>24</sup> *Utusan Zaman*, 4 Jun 1967.

<sup>25</sup> *Debu Merah*, op.cit., tajuk asalnya "Jumpa Rasulullah", *Utusan Zaman*, 2 Mei 1964.

<sup>26</sup> *Debu Merah*, op.cit. Tajuk asalnya "Babi", *Mastika*, September 1962 – memenangi hadiah \$100.00 anjuran majalah itu sendiri.

<sup>27</sup> *Mahawangsa*, majalah Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra, Kedah, Tahun ke-3, 1966.

satu sikap yang kritis terhadap apa yang berlaku di sekeliling masyarakatnya.

Cerpen-cerpen tersebut menggambarkan sifat, sikap dan jiwa watak-watak yang terdiri daripada orang-orang kampung dan kota. Perwatakan-perwatakannya dilukiskan dalam bentuk gerak laku (aksi), dialog, gambaran terus daripada pengarang dan kurang sekali menyelami perjalanan fikiran watak-wataknya. Latar-latar digambar oleh Shahnon melalui sifat fizikal secara langsung dan pembaca dapat mengetahui dengan mudah akan tempat dan bila masanya sesuatu cerita itu berlaku.

Plot ceritanya sangat mudah diikuti kerana dia menyampaikan secara tradisional iaitu mengikut urutan biasa iaitu pengenalan cerita, perkembangan cerita, konflik, ketegangan, puncak dan penyelesaian cerita. Tidak ada perubahan atau pembaharuan dari segi teknik jika dibandingkan dengan apa yang terdapat dalam karya-karya ASAS 50. Kisahnya dipaparkan secara langsung tanpa menggunakan teknik seperti imbas kembali atau arus kesedaran, cuma dalam sebuah cerpen yang ditulis dalam bentuk buku catatan harian.

Pada peringkat permulaan penulisannya, Shahnon juga giat dalam bidang cerpen terjemahan. Dia menterjemahkan cerpen-cerpen pengarang dari Barat dan Timur. Kegiatannya itu merupakan sesuatu yang bermakna kerana pada masa itu amat kurang sekali penulis-penulis yang berpendidikan Inggeris dan amat sedikit cerpen-cerpen terjemahan yang bermanfaat kepada pembaca-pembaca yang berpendidikan Melayu. Cerpen-cerpen terjemahannya yang mempunyai berbagai-bagai tema itu terdapat dalam dua buah antologi, *Setanggi (Timur dan Barat)*<sup>28</sup> dan *Cepu Kencana*<sup>29</sup> serta dalam majalah-majalah *Mastika*<sup>30</sup> pada awal tahun 60-an.

<sup>28</sup> *Setanggi (Timur dan Barat)*, Sungai Dua, Province Wellesley: Pustaka Remaja, 1960, mengandungi sepuluh buah cerpen terjemahan daripada tujuh orang pengarang iaitu: tiga cerpen Guy de Maupassant (Perancis); sebuah cerpen Alphonse Daudet (Perancis); dua buah cerpen Lin Yu Tang (Negeri China); sebuah cerpen Stephen Leacock (Amerika); sebuah cerpen Leo N. Tolstoy (Rusia); sebuah cerpen Edgar Allan Poe (Amerika) dan sebuah Rabindranath Tagore (India).

<sup>29</sup> May, Derwent, 1961. *Cepu Kencana* (Antologi Cerita-cerita Pendek Dunia). Kuala Lumpur: Oxford University Press, terdapat sebuah cerpen terjemahan Shahnon daripada pengarang Honore de Balzac (Perancis).

<sup>30</sup> Majalah-majalah *Mastika*, November 1958 dari cerpen Khuswant Singh

Cerpen-cerpen yang diterjemahkan oleh Shahnon membawa tema seks dalam percintaan, pelacuran dan perkahwinan; tema kepura-puraan dalam rumahtangga, politik dan pemerintahan, tema penderitaan dan kemiskinan manusia dalam hidup dan tema lucu tentang tindak-tanduk manusia.

Shahnon menterjemah cerpen-cerpen tersebut secara bebas. Susunan-susunan ayat, ungkapan-ungkapan dan perkataan-perkataannya disesuaikan dengan keadaan latar tempatan. Terjemahan demikian boleh menghidupkan tema dan perwatakan cerita tersebut. Dalam bidang terjemahan ini, Shahnon bukan saja telah memperbanyak karya-karya asing dalam bahasa Malaysia tetapi berjaya memperkenalkan kesuasteraan luar kepada pembaca kita.

Kemudian Shahnon melanjutkan tema cerpen-cerpennya ke dalam bentuk drama. Dalam proses ini, dia membuat beberapa tambahan, penyesuaian dan juga penyimpangan daripada bentuk cerpen yang terdahulu.

Empat buah drama Shahnon terdapat dalam antologi *Si Anak Rempang Karam di Kota*.<sup>31</sup> Drama "Si Anak Rempang"<sup>32</sup> dan "Darah Daging"<sup>33</sup> menimbulkan unsur-unsur konflik seni di antara tokoh-tokohnya. Dua buah drama ini adalah lanjutan daripada tema cerpen "Tak Sehaluan"<sup>34</sup> yang juga membicarakan tentang konflik seni. Drama ketiga "Monyet" adalah lanjutan daripada cerpen terjemahan Shahnon, "Mata"<sup>35</sup> karya K.T. Mohamed dari India.

(India); Mac 1960 dari cerpen Rajaratnam (Singapura); September 1960 dari cerpen Dok Mai Sod (Negeri Thai); April 1961 dari cerpen N.V.M. Gonzalez (Filipina); Julai 1961 dari cerpen Patrick Ng Kah Onn (Singapura) dan September 1963 dari cerpen K.T. Mohamed (India).

<sup>31</sup> *Si Anak Rempang Karam di Kota*, Alor Setar: Pustaka MAHA, 1968. Buku ini terbahagi kepada dua: Bahagian pertama mengandungi empat buah drama Shahnon dan bahagian kedua mengandungi sajak-sajak karya Jihaty Abadi (Yahya Husin) yang diberi Pengantar oleh Shahnon sendiri.

<sup>32</sup> Dipentaskan di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra, Kedah pada 29 Mac 1967.

<sup>33</sup> Drama ini memenangi hadiah pertama dalam Sayembara Drama, anjuran Seri Kedah dan dipentaskan di Panggung Cathay, Alor Setar pada 18 September 1966. Juga tersiar dalam majalah *Mahawangsa*, Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra, Kedah, Tahun ke-3, 1966.

<sup>34</sup> *Perajurit yang Pulang*, op.cit.

<sup>35</sup> Cerpen ini berasal dari bahasa Mahayalam, India dan mendapat hadiah pertama Peraduan Mengarang Cerpen Sedunia.

Watak-watak asalnya ditukar kepada nama watak-watak bangsa Melayu. "Gembung-Gembung Jakarta"<sup>36</sup> drama keempat, membicarakan tentang konfrontasi Indonesia-Malaysia sebagai lanjutan daripada cerpen "Bapa". Kecenderungan mendramakan cerpen-cerpen tersebut adalah kerana pada ketika itu merupakan kemuncak perkembangan drama di tanahair iaitu pada pertengahan tahun 60-an, apabila muncul tokoh-tokoh drama seperti Kala Dewata, Kalam Hamidy, Aziz Jahpin dan sebagainya.

Shahnon gagal dalam penulisan drama ini, kerana tema yang dibentangkan sukar difahami oleh penonton seperti tentang konsep-konsep seni dalam drama pertama dan kedua di atas tadi, sama ada ia dipentaskan atau dalam bentuk buku. Drama ketiga merupakan hasil saduran daripada cerpen orang lain dan tidak memperlihatkan keaslian idea pengarangnya. Manakala drama keempat pula merupakan tema yang tipikal pada ketika itu dan persoalan tema itu juga merupakan isu yang sensitif bagi kedudukan politik negara pada masa drama itu dipentaskan.

Jika dibandingkan antara tema, persoalan, perwatakan dan teknik drama karangan Shahnon dengan apa yang terdapat dalam karya-karyanya yang terdahulu, nyatalah dia lebih berjaya dalam bidang penulisan cerpen dan novel.

Pada ketika itu, Shahnon muncul bersama-sama penulis-penulis muda yang lain seperti Arenawati, A. Samad Said, Adi Mas, Malungun, Alias Ali, Hasan Ali, Ajikik, Nora, Zulastry, Rosbiwo, Awang Had Salleh, Atan Long, Rokiah Abu Bakar dan Anis Sabirin. Mereka ini membawa berbagai-bagai tema<sup>37</sup> termasuk juga "cynicism", sindiran-sindiran dan *sarcasm*.<sup>38</sup>

Antara tahun-tahun 1964–1968 ini, Shahnon menghasilkan sebanyak enam buah novel dan tidak kurang daripada 60 buah cerpen yang membawa tema-tema kemanusiaan dan seks, kedesaan, politik, sosial, keagamaan dan sejarah. Karya-karya itu mempunyai hubungan yang erat dengan pengalaman-pengalaman hidup, pe-

<sup>36</sup> Pernah disiarkan sebagai drama radio dan dalam bentuk cerpen yang disiarkan dalam *Mingguan Malaysia*, 8 April 1964.

<sup>37</sup> Lihat Omar Mohd. Hashim, 1962. "Cerpen Melayu Selepas Perang," dim. *Dewan Bahasa*, Mac 1962.

<sup>38</sup> Lihat Shahnon Ahmad, *op. cit.*

kerjaan-pekerjaan dan kegiatan-kegiatannya. Dalam karya-karya tersebut terdapat juga penggunaan ciri-ciri psikologi, falsafah, wawasan dan keperimanusiaan.

Pada tahun 1964, ketika pengarang-pengarang lain banyak menghasilkan novel – kemuncak perkembangan penulisan novel dalam perkembangan kesusastraan Melayu di Malaysia – Shahnon julung-julung kali membawa tema kedesaan dengan munculnya novel *Rentong*,<sup>39</sup> yang berbeza sama sekali dengan tema-tema *Salina* oleh A. Samad Said, *Gersang* oleh Alias Ali, *Biru Warna* oleh Awang Had Salleh, *Subuh* oleh Atan Long, *Dahaga* oleh Yahya Samah, *Angin Hitam dari Kota* oleh A. Wahab Ali dan sebagainya.

Dalam novel *Rentong* terdapat persambungan tema pertentangan terhadap rancangan tanaman padi dua kali setahun seperti dalam cerpen “Jijak Kepala Nenek Moyang”<sup>40</sup> dan gejala pertentangan manusia dengan manusia dalam cerpennya “Gelungnya Terpukah”.<sup>41</sup> Dalam novel ini ditambahkan lagi beberapa aspek lain seperti kepimpinan ketua kampung, kejadian pulau-memulau terhadap keluarga yang dikatakan jahat, perasaan iri hati dan hasad dengki, sifat individualistik watak-wataknya dan bantuan-bantuan kerajaan yang disalahgunakan.

Dalam novel ini, Shahnon menggunakan latar Kampung Banggul Derdap, tempat yang menjadi latar bagi cerpen-cerpen ke-desaannya dahulu. Dari segi plot, novel ini merupakan rangkaian cerita daripada lima bab. Bab pertama “Jamung”, tentang usaha Pak Senik sebagai ketua kampung yang membawa obor untuk kemajuan kampung dengan rancangan tanaman padi dua kali setahun. Bab kedua, “Kerbau Jantan Terluka” pula tentang Semaun yang membangkang rancangan tersebut. Bab ketiga, “Melarat Hingga ke Senja” mengisahkan sikap orang kampung yang memulau keluarga Semaun sehingga apabila bapanya, Pak Kasa meninggal, jenazahnya dikebumikan terlalu lewat hingga ke senja. Bab keempat adalah tentang Dogol yang merupakan anasir jahat dalam “Jelaga Hitam”. “Harimau”, bab kelima menceritakan bagaimana Dogol dikerakah

<sup>39</sup> *Rentong*, Melaka: Toko Buku Abbas Bandung, 1965.

<sup>40</sup> *Utusan Zaman*, 14 Julai 1963.

<sup>41</sup> *Berita Minggu*, 21 April 1963 dan *Debu Merah*, op.cit.

oleh harimau dan Semaun diterima semula oleh masyarakat Kampung Banggul Derdap.

Daripada bab-bab itu jelas bahawa plot novel *Rentong* belum sempurna kerana episod-episod bagi tiap-tiap bab itu merupakan sebuah cerpen yang tersendiri. Novel *Rentong* adalah kumpulan cerpen yang diikat dengan satu latar, tema, persoalan dan gaya bahasa.

Novel keduanya, *Terdedah*<sup>42</sup> juga adalah lanjutan daripada tema cerita-cerita seks dalam antologi *Anjing-Anjing* dan cerpen "Nafsu" serta daripada cerita-cerita tentang kepura-puraan manusia seperti dalam cerpen-cerpen "Penyambutan" dan "Jangan Beritahu Orang Lain". Dalam novel ini, Shahnon menggabungkan keghairahan seks yang terdapat di kalangan manusia – dari kelas atasan, bangsawan, pegawai, wakil rakyat, setiausaha wakil rakyat, isteri wakil rakyat hingga kepada kelas bawahan seperti tukang kebun dan tukang masak. Semuanya memburu kepuasan seks semata-mata dalam persoalan politik, ekonomi dan kemasyarakatan rakyat Malaysia selepas merdeka.

Dari segi teknik penganalisisan jiwa watak-watak, novel ini membawa pembaharuan dengan mengisahkan "sifat kebinatangan manusia dalam satu hari satu malam". Dalam masa yang singkat itu, Shahnon menganalisis aspek-aspek psikologi yang menyebabkan mereka melakukan tindakan seperti yang terjadi pada watak Sharifah Shuhada seorang janda kaya; Syed Muhsin, pegawai muda M.C.S; Encik Adnan, wakil rakyat; Abdul Fakar, setiausaha Encik Adnan; Rohani, isteri Encik Adnan; Hamid, tukang kebun; dan Tijah, tukang masak di rumah Sharifah Shuhada. Semuanya memburu seks di samping terdapat unsur-unsur kemanusiaan di dalamnya.

Novel ketiga, *Ranjau Sepanjang Jalan*<sup>43</sup> membawa tema kemiskinan petani di pedalaman disebabkan oleh faktor-faktor kekurangan tanah, kekurangan modal dan kekurangan tenaga. Kegiatan pertanian itu juga dihalang oleh unsur-unsur bencana alam dan musuh-musuh padi. Gejala-gejala fahaman kolot, penyerahan

<sup>42</sup> *Terdedah*, Melaka: Toko Buku Abbas Bandung, 1965.

<sup>43</sup> Op.cit., diterjemahkan oleh Adibah Amin ke bahasa Inggeris bertajuk *No Harvest but a Thorn*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972.

petani, kelemahan wanita dan penindasan orang tengah menambahkan lagi kesusahan para petani di Kampung Banggul Derap. Gambaran-gambaran yang mendalam itu merupakan sebab-sebab kejayaan novel tersebut. Novel ini merupakan satu-satunya karya yang membawa tema kehidupan petani dan kedesaan yang belum disentuh oleh pengarang-pengarang lain secara mendalam.

Novel *Ranjau Sepanjang Jalan* ini dianggap berjaya kerana wawasan pengarangnya yang dapat memperlihatkan sesuatu secara terperinci seperti gambaran-gambaran suasana, tentang tumbuh-tumbuhan dan binatang perosak padi, bencana-bencana alam, penyakit-penyakit dan lain-lain lagi. Tema novel ini ialah kemiskinan, tapi ketelitian pengarang mempersoalkan kemiskinan itu memberi kesan kepada pembaca. Plot dan teknik penulisannya sangat mudah, tetapi ketajaman dan pendalaman perhatian pengarang terhadap sesuatu itu yang menambahkan kejayaan novel tersebut.

Dalam novel *Protes*,<sup>44</sup> Shahnon memperkatakan sahaman anak-anak muda terhadap soal keagamaan. Persoalannya berkisar kepada peranan agama Islam dalam kehidupan manusia di dunia dan di akhirat. Konfliknya timbul di antara lima orang tokoh yang berbeza pendapat terhadap agama yang mereka anuti. Dalam mempersoalkan hal-hal agama, Shahnon menimbulkannya melalui watak-watak dengan unsur-unsur "trancendental" dan "immanent." Apa yang dipersoalkan itu sesuai dengan watak-watak dan tahap pemikiran mereka. Di samping tema keagamaan yang sederhana itu, disisipkan pula persoalan percintaan yang membawa kepada kekecewaan dan melarat kepada tindakan watak-watak tersebut.

Secara sederhana, Shahnon membentangkan persoalan-persoalan agama yang berhubung dengan falsafah hidup manusia. Yang menarik dalam karya ini ialah gambaran kegelisahan jiwa anak-anak muda yang memang difahami oleh pengarang, yang kebetulan pada masa itu pengarang mengajar di sebuah sekolah menengah atas. Tokoh-tokoh yang terlibat dalam konflik agama dalam novel tersebut ialah Ferdaos, pemuda yang kecewa dalam percintaan lantas membawa konsep baharu tentang Islam; Lokman, pemuda

<sup>44</sup> *Protes*, Melaka: Toko Buku Abbas Bandung, 1967.

progresif yang mempertahankan kesucian Islam; dan Asrul, pemuda yang hanya asyik berlucu dengan agama. Manakala dua orang gadis, Isril dan Sopiah hanya menunggu kesempatan untuk memenangi salah seorang daripada pemuda-pemuda itu untuk dijadikan teman hidup.

Novel *Menteri*<sup>45</sup> memperlihatkan pemerhatian Shahnon yang mendalam terhadap masalah yang dihadapi oleh orang-orang Melayu selepas negara mencapai kemerdekaan seperti masalah perpaduan dengan orang-orang mendatang, masalah politik, masalah ekonomi dan masalah sosial.<sup>46</sup> Kegelisahan ini dibayangkan melalui watak seorang menteri yang bukan sahaja menghadapi masalah negara tetapi masalah-masalah peribadi dalam rumah tangganya. Perjuangannya tidak difahami dan tidak mendapat sokongan dari isterinya, anak gadisnya dan setiausaha politiknya yang bakal menjadi menantunya. Gejala-gejala ini yang menyebabkan menteri itu mendapat mimpi yang dahsyat tentang kedudukan orang-orang "kulit sawo matang" yang bakal ditelan oleh "naga-naga" dua puluh tahun yang akan datang.

Melalui novel ini, Shahnon berjaya memaparkan kegelisahan menteri Bahadur menghadapi pergolakan politik negara yang baru mencapai kemerdekaan. Dilema yang dihadapi oleh menteri itu digambarkan secara mengharukan dengan teknik mimpi dan "monolog dalaman". Puan Narimah, isterinya; Hawa, anak gadisnya dan Sidik, setiausahaanya digambarkan dengan teliti sebagai batu-batu penghalang dalam perjuangan menteri itu. Persoalan politik ini diterapkan dalam karya berdasarkan pada kegiatan Shahnon sendiri dalam bidang politik.

Novel yang berikutnya *Perdana*<sup>47</sup> mengisahkan perjuangan orang-orang Melayu dan pemimpin-pemimpinnya dari tahun 1946 hingga saat mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Apa yang lebih menarik dalam novel ini ialah gambaran tentang segala kegelisahan dan konflik jiwa watak-wataknya dalam pergolakan me-

<sup>45</sup> *Menteri*, Alor Setar: Dinas Pustaka Sekolah, 1967.

<sup>46</sup> Lihat C. Skinner, "A Note on Communalism in Malay Literature", Lee Kam Hing (ed) *The May Tragedy in Malaysia – A Collection of Essays* – Monash University Malaysia–Singapore Students Association, Australia, July 1969.

<sup>47</sup> *Perdana*, Singapura: Pustaka Nasional, 1969.

nuntut kemerdekaan. Karya ini adalah sebuah novel periode<sup>48</sup> yang berdasarkan realiti kehidupan dengan beberapa tambahan daya kreativiti pengarangnya untuk menggambarkan konflik jiwa tokoh-tokohnya.

Dari segi plot, novel ini agak kurang berjaya kerana ia mengisahkan detik-detik peristiwa dalam periode tersebut secara kronologi. Watak-watak dalam novel ini diambil daripada tokoh-tokoh di negara ini sendiri yang diberi nama baharu seperti Ketua Ahmad, Zulkifli, Lokman, Pak Nik dan lain-lain lagi. Dari segi penyorotan jiwa, memperlihatkan bagaimana tokoh-tokoh daripada berbagai-bagai persatuan politik itu bertelahah, berkonflik, berkomplot, berjuang dengan apa cara sekalipun untuk kepentingan diri atau kepentingan negara dan bangsa.

Pada tahun 1973, novel Shahnon yang ketujuh, *Srengenge*<sup>49</sup> diterbitkan. Karya ini mula dirangka sebelum dia pergi ke Australia dan disiapkan semasa berada di sana. Dari sudut teknik, novel ini tidak memperlihatkan kompleksitinya. Ia mengisahkan konflik nilai di kalangan orang-orang di Kampung Kaki Srengenge. Salah satu episod daripada novel ini dijadikan cerpen bertajuk "Denak".<sup>50</sup> Shahnon cuba membawa pembaharuan dalam plot iaitu dalam bentuk bab yang paling pendek dan paling panjang. Novel ini adalah karya yang dihasilkan dalam peringkat peralihan (1968–1972) iaitu semasa dia berada di Australia.

Novel ini memaparkan konflik nilai di kalangan watak-watak di sebuah desa. Ini berlaku kerana ada manusia yang bersikap dinamik untuk mengubah cara hidup sesuai dengan zaman moden, lalu bertelahah dengan manusia yang bersikap mahu mempertahankan nilai-nilai lama seperti percaya kepada penunggu dan mereka enggan memugar bukit itu untuk tanaman baru bagi kepentingan diri masing-masing. Keadaan ini ditambah pula dengan pendirian seorang ketua yang dalam keadaan serba-salah sama ada dia hendak menerima atau menolak nilai-nilai baharu itu. Akhirnya ketua itu

<sup>48</sup>Lihat Muir, Edwin, 1967. *The Structure of the Novel*. London: The Hogart Press, hlm 117 – diambil sebagai “the period novel” – iaitu, novel yang membincarkan perkembangan politik bagi sesuatu peringkat zaman.

<sup>49</sup>*Srengenge*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973.

<sup>50</sup>Dewan Masyarakat, Jun 1970.

mati akibat perbuatan kuasa ghaib yang dipercayai oleh golongan yang percaya kepada hantu tadi sebagai ganjaran daripada niat buruk ketua tersebut. Lagi sekali, Shahnon membentangkan unsur-unsur khayalan dan ingatan yang lebih memberi kesan dengan kehidupan desanya.

Pada tahun 1974, Shahnon tidak menghasilkan sebarang cerpen, tetapi menulis sebuah novelet yang berjudul *Sampah*.<sup>51</sup> Ia mengisahkan pergolakan jiwa seorang pengemis tua di TLK. Dalam novel ini, Shahnon mengeksplor teknik arus kesedaran, monolog dalam dan imbas kembali secara berleluasa. Penulisan novel ini membawa satu pembaharuan dari segi tema, latar, perwatakan dan teknik dalam perkembangan kesusastraan Melayu moden.

Pada tahun-tahun (1954 hingga 1958) Shahnon menghasilkan cerpen-cerpen terjemahan yang ketika itu sangat berkurangan. Di sekitar tahun 1959 hingga 1963 dia menghasilkan cerpen-cerpen yang menarik perhatian kerana tema-temanya berhubung erat dengan kejadian hidup masyarakat sehari-hari. Di tahun-tahun 1964 hingga 1968, di kala penulisan novel di tanahair sampai kepada kemuncaknya, Shahnon menghasilkan novel-novel yang membawa tema penderitaan petani, sosial, politik dan agama yang menarik hati. Manakala pada tahun-tahun berikutnya dia membuat eksperimen dengan teknik baharu dalam karya-karyanya.

Pada pertengahan tahun-tahun 60-an, ketika novel banyak dihasilkan, iaitu kemuncak penulisan novel dalam perkembangan kesusastraan Melayu di Malaysia, Shahnon buat pertama kalinya membawa tema kedesaan dengan lahirnya novel *Rentong*<sup>52</sup> dan *Ranjau Sepanjang Jalan*.<sup>53</sup> Novel *Ranjau Sepanjang Jalan* telah mendapat perhatian daripada sarjana, pengkritik<sup>54</sup> dan pembaca-

<sup>51</sup> *Sampah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.

<sup>52</sup> *Op.cit.*

<sup>53</sup> *Op.cit.*

<sup>54</sup> Seperti Prof A. H. Johns yang pernah menulis artikel tentang karya-karya Shahnon bertajuk "Manusia dalam Alam Tanpa Belas Kasihan", dlm *Dewan Sastera*, Mac 1971; atau "Man in a Merciless World", dlm *Search For Identity, Modern Literature and the Creative Arts in Asia*, Sydney: Angus & Robertson Publishers, 1974 dan juga dalam *Tenggara 6*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973; Prof Mohd. Taib Osman, 1974. "Kesusasteraan Melayu dan Perubahan Sosiobudaya", dlm *Dewan Bahasa*, Ogos 1974 dan Prof Llyod Fernando, 1973. "Hubungan Kesusasteraan-kesusasteraan Sukuan dengan Kesusasteraan Kebangsaan", dlm

umum hingga Shahnon digelar sebagai "Victor Hugo" Malaysia oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Abdul Razak. Novel tersebut diterjemahkan oleh Adibah Amin ke dalam bahasa Inggeris dengan judul *No Harvest but a Thorn*.<sup>55</sup>

Pada akhir tahun-tahun 60-an, penulis muda yang seangkatan dengan Shahnon tidak banyak menghasilkan karya. Mengikut Shahnon, "pengunduran" ini kononnya disebabkan adanya penyekatan daripada pihak pemerintah terhadap akhbar dan majalah supaya jangan menyatakan cerpen-cerpen yang berbentuk sinis. Pada masa "pengunduran" inilah, Shahnon tetap melanjutkan tulisan sebagai seorang "*committed writer*" dengan membawa pembaharuan dari segi tema, perwatakan, plot, gaya bahasa, teknik hingga sekarang ini. Karya-karya cerpen terus dihasilkan dan tersiar dalam akhbar-akhbar mingguan seperti *Berita Minggu*, *Utusan Zaman*, *Mingguan Malaysia* dan *Utusan Pemuda*, majalah-majalah seperti *Mastika*, *Dewan Bahasa*, *Dewan Masyarakat* dan *Dewan Sastera*, antologi-antologi perseorangan seperti *Anjing-Anjing* dan *Debu Merah* serta antologi bersama seperti *Perjurit yang Pulang*,<sup>56</sup> *Dua Zaman*,<sup>57</sup> *Angin Retak*,<sup>58</sup> *Konflik*,<sup>59</sup> *Pertentangan*,<sup>60</sup> *Dalam Perjalanan*<sup>61</sup> dan *Suara Semusim*.<sup>62</sup> Semenjak Hadiah Karya

*Asas Kebudayaan Kebangsaan*, (Kertas Kerja Kongres Kebudayaan dari 16–20 Ogos 1971) Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Malaysia, hlm 163–171; Pena Patriot, 1973. "Shahnon Ahmad's Novels: A Critical Evaluation", dlm *Truth*, Rahman & Co. Batu Pahat, Johor, Vol. 1, Nos. 2–3, May-June 1973 dan Kassim Ahmad, 1974. "Ranjau Sepanjang Jalan Karya yang Aneh", dlm *Sukses*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bil. 2, 1974.

<sup>55</sup> *No Harvest but a Thorn*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972.

<sup>56</sup> Bersama-sama Nora dan Ajikik, terdapat empat buah cerpen Shahnon.

<sup>57</sup> Bersama-sama Keris Mas, Tongkat Warrant, Awam il-Sarkam, Wijaya Mala, Aani, Bunga Raya, Arena Wati dan Kumbang Mas, terdapat dua buah cerpen Shahnon.

<sup>58</sup> Bersama-sama Alias Ali, Malungun, Anis Sabirin, Awang Had Salleh dan Ajikik, terdapat dua buah cerpen Shahnon.

<sup>59</sup> Bersama-sama Nirwan Ananda, terdapat lima buah cerpen Shahnon.

<sup>60</sup> Bersama-sama A. Samad Ismail, Awam il-Sarkam, Bunga Raya, Usman Awang, Wijaya Mala, Keris Mas, Asmin (Asni), Suman Mali, Hamzah, A. Samad Said, Bakhtiar Djamili, Malungun, Hasan Ali, Alias Ali, A. Wahab Ali, Anis Sabirin dan Ajikik.

<sup>61</sup> Bersama-sama Ahmad Kassim Endut, Ahmad Mahmud, Ali Majod, Anwar Ridhwan, Arena Wati, Baha Zain, Fatimah Busu, Khatijah Hashim, Noorjaya dan Shaari Affandi, terdapat dua buah cerpen Shahnon.

<sup>62</sup> Bersama-sama Azizi Haji Abdullah, Arena Wati, Mohd. Affandi Hasan,

Sastera diadakan pada tahun 1971, kebanyakan cerpen Shahnon telah mendapat hadiah, iaitu 1971 dengan cerpen-cerpennya "Igau" dan "Kalau Ibu Sampai Takah Tiga"; tahun 1972 dengan cerpennya "Lagu Kitkitkit" dan tahun 1973 dengan tiga buah cerpennya "Tak Keruan", "Kelapa Nan Sebatang" dan "Perempuan".

Cerpen-cerpennya "Borang G. 147", "Babi Hutan" dan "Kalau Ibu Sampai Takah Tiga" telah diterjemahkan ke bahasa Rusia oleh Prof Boris Parnickel, dari Universiti Moscow. Satu-satu novelnya yang dihasilkan pada tahun 1973, *Srengenge*<sup>63</sup> telah terpilih sebagai novel terbaik di antara 17 buah novel yang dihasilkan pada tahun tersebut.

Kejayaan Shahnon sebagai seorang pengarang disebabkan beberapa faktor. Pertama, kerana dia mempunyai sifat ingin berlumba dengan pengarang-pengarang lain dalam menghasilkan karya-karya yang bermutu. Kedua, dalam menghasilkan karya, dia gemar membawa sesuatu pembaharuan yang berbeza dengan penulis-penulis lain. Ketiga, dia mempunyai latar belakang pelajaran dan pengalaman yang luas untuk menikmati dan meneliti karya-karya yang bermutu. Keempat, dia mempunyai perasaan atau sensitiviti yang tajam dan dapat memahami sesuatu yang tersirat di sebalik keadaan luarannya. Kelima, Shahnon mempunyai disiplin yang kuat dalam menulis dan mencipta karya.

Penglibatannya secara langsung dalam polemik kesusteraan juga memberi imej dan cabaran yang kukuh kepada kedudukannya sebagai pengarang. Polemik pertama ialah antara dirinya dengan Hamzah, penulis veteran yang terkeluar daripada golongan ASAS 50. Dalam kesusteraan, Hamzah mementingkan persoalan sebuah karya, manakala Shahnon mementingkan teknik. Pertelaghan itu berlarut-larut hingga beberapa minggu dalam akhbar *Utusan Zaman* pada tahun 1965.<sup>64</sup> Polemik yang kedua, antaranya dengan Yahaya

S. Othman Kelantan, Fatimah Busu, Wahab Awangtih, Ali Majod dan Zaharah J. Ariff, terdapat sebuah cerpen Shahnon.

<sup>63</sup>Lihat ulasan-ulasan tentang *Srengenge*; Yahaya Ismail, 1973. "Srengenge", dlm *Dewan Sastera*, September 1973; Mustafa Mahmud, 1973. "Shahnon Gambarkan Kehidupan Masyarakat Kampung", dlm *Utusan Zaman*, 14 Oktober 1973 dan Mohd. Yusof Hasan, 1974. "Srengenge: Simbolisme Konflik Nilai", dlm *Dewan Bahasa*, Jun 1974.

<sup>64</sup>Polemik-polemik tersebut disiarkan dalam *Utusan Zaman*, terbitan 19

Ismail dalam majalah-majalah *Mastika* pada tahun 1970.<sup>65</sup> Punca polemik itu ialah berdasarkan kepada pendapat Yahaya yang mengatakan bahawa kalangan sasterawan Malaysia tidak mempunyai sikap berani dan pengetahuan yang mendalam terhadap teori-teori sastera Barat. Pendapat ini diulas oleh Shahnon yang menimbulkan "masalah krisis kritik sastera Melayu" yang banyak menentang pendapat Yahaya. Dalam kritikan, Shahnon mahukan "*Malay-Centric Approach*". Polemik ketiga ialah antaranya dengan Umar Junus<sup>66</sup> yang menganggap karyanya *Ranjau Sepanjang Jalan* sebagai tidak asli. Tuduhan ini telah dipertahankan oleh Shahnon dengan pengakuan bahawa karyanya ditulis dengan "titik peluh"nya tanpa sebarang peniruan. Polemik keempat ialah antara Shahnon dengan Prof Ismail Hussein tentang konsep kebebasan tema dalam kesusasteraan. Isu ini timbul berikutan dengan Sayembara Mengarang Novel Hadiah Tun Mustafa yang bertemakan Perpaduan Rakyat Malaysia. Shahnon mahukan kebebasan memilih tema dalam peraduan tersebut, tetapi bagi Prof Ismail Hussein, soal tema perlu ditetapkan.<sup>67</sup>

Dalam mencari matlamat dan fungsi kesusasteraan, Shahnon pada akhir tahun 60-an mencuba menimbulkan gagasan "*Malay Power*"<sup>68</sup> – satu konsep untuk mengembalikan kekuasaan Melayu melalui kesusasteraan di kalangan ahli Persatuan Gabungan Sasterawan Sedar (GATRA)<sup>69</sup> yang dipimpinnya di Kedah. Gagasan

---

September 1965; 26 September 1965; 17 Oktober 1965; 31 Oktober 1965 dan 7 November 1965.

<sup>65</sup>Polemik-polemik tersebut tersiar dalam *Mastika*, Januari, Mac, Mei dan Ogos 1970.

<sup>66</sup>Polemik ini timbul akibat daripada pendapat Umar Junus yang mengatakan, "Tapi buat sementara dapat kita duga ada kemungkinan bahawa *Ranjau Sepanjang Jalan* tidak asli", dalam jawapannya dalam ruangan tanya jawab sastera, *Dewan Bahasa*, Februari 1972 (hlm 92).

<sup>67</sup>Sikap Shahnon terhadap konsep kebebasan penulis terdapat dalam dua artikelnya: "Kebebasan dalam Ciptaan Karya Seni Penting", *Mingguan Malaysia*, 14 Julai 1974 dan "GAPENA dengan Salah Langkahnya", *Mingguan Malaysia*, 4 Ogos 1974. Sikap Prof Ismail Hussein terhadap sayembara tersebut terdapat dalam majalah *Mastika*, September 1974.

<sup>68</sup>Gagasan ini dilahamkan daripada cerpen Shahnon, "Temanku Afrika", *Dewan Masyarakat*, Disember 1968.

<sup>69</sup>Persatuan ini ditubuhkan pada 11 November 1965 di rumah Shahnon di Jitra dengan dipimpin oleh Shahnon sendiri sebagai Ketua Satu, Jihat Abadi sebagai

dan perjuangan ke arah melaksanakan konsep itu terdapat pada sajak penyair-penyair GATRA dalam antologi mereka, *Kehangkisan*<sup>70</sup> yang diberi pengantarnya oleh Shahnon<sup>71</sup> sendiri. Oleh sebab gagasan itu samar-samar dan sensitif, konsep itu ditinggalkan begitu saja.<sup>72</sup>

Sebagai seorang anak muda dari "hulu" yang penuh dengan sifat-sifat kekampungannya yang mendapat pelajaran menengahnya di kota, kemudian bekerja di bandar-bandar yang penuh dengan pengalaman-pengalaman dan cabaran-cabaran hidup, Shahnon merakamkan peristiwa-peristiwa itu dalam karya-karya prosanya. Sejarah kegiatan dan penulisannya bermula bersama penulis-penulis veteran ASAS 50, kemudian bersama penulis-penulis tahun 60-an. Dalam usia 40-an pada awal-awal tahun 70-an, Shahnon tetap menghasilkan karya-karya yang segar dengan teknik-teknik dan persoalan-persoalan baharu, manakala hasil-hasil karya penulis-penulis sezaman dengannya sudah merosot. Dengan itu Shahnon<sup>73</sup> muncul sebagai seorang pengarang dalam arus perkembangan kesusastraan moden Malaysia.

Pada bulan Mei 1968, Shahnon pergi ke Australia untuk bertugas di Projek Perkamusan Inggeris-Melayu di Universiti Kebangsaan Australia, Canberra dan di samping itu dia melanjutkan pelajarannya hingga mendapat ijazah Sarjana Muda di universiti yang

Setiausaha dan Noorjaya sebagai Bendahari. Semasa majlis penubuhan itu, Shahnon membentangkan kertas kerja berjudul "Penulis dan Persoalan".

<sup>70</sup>Lihat Ali Ahmad, 1970, "Tema Sajak-sajak Melayu" (1939-1969). Tesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, him 193.

<sup>71</sup>Antara lain Shahnon menegaskan: "Kami adalah bangsa Melayu, dalam perjuangan menegakkan identiti melalui sastera. Dan bila dalam sajak-sajak kami, kami menyebut "kami", "kita", "aku", ertiinya mudah sekali; bangsa Melayu. Lain tidak ada kerana bagi kami dan mengikut kaca mata kami bangsa lain tidak "exist" dalam tanahair kami. Kalaupun ada, maka itu wajib dijadikan "kami sepenuhnya".

<sup>72</sup>Antologi ini diterbitkan tiga bulan sebelum meletusnya peristiwa 13 Mei 1969 apabila Malaysia diisyiharkan di bawah pemerintahan Majlis Gerakan Negara (Mageran).

<sup>73</sup>Shahnon juga mendapat penghormatan-penghormatan seperti pada tahun 1973, menjadi wakil GAPENA bersama Prof Ismail Hussein, Ketua I GAPENA ke Persidangan Penulis-penulis Afro-Asia di Alma Ata, Republik Sosialis Soviet Rusia. Laporan dan terjemahan kertas kerja para perwakilan tersiar dalam majalah *Dewan Masyarakat*, 1973; dan pada tahun 1974, mendapat anugerah bintang, Kesatria Mangku Negara (KMN) dari D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

sama. Pada 20 Januari 1972 dia kembali semula ke tanahairnya.

Oleh sebab terdapat satu perkembangan baharu dari segi tema, teknik, bentuk, plot, setting, perwatakan dan gaya bahasa serta stilnya selepas pulang dari Australia, Shahnon maju ke peringkat kedua iaitu satu perkembangan yang sangat ketara.

Dalam sebuah ceramahnya, Shahnon pernah mengemukakan satu gagasan tentang perkembangan kesusastraan Melayu moden dari sudut kegiatannya. Katanya:

Plot dalam novel dan cerpen ini umumnya masih berpegang teguh pada aspek luaran (*external*) ... *Trend* perwatakan dan setting karya-karya prosa kita pun masih tradisional. Yang dipentingkan bukan kejiwaan manusia, bukan pemikiran manusia yang serba sofistikated, tetapi rata-rata kita bentangkan soal-soal luaran yang stereotaip pada watak-watak kita ... Setting karya-karya prosa kita masih bercorak fizikal, tidak berlatarbelakangkan kejiwaan manusia dan kehidupan dalaman. Begitu juga aspek isinya. Isinya masih tidak terkeluar daripada konvensyen-konvensyen yang ditatasiakan oleh masyarakat umum.<sup>74</sup>

Persoalan apakah Shahnon benar-benar telah terkeluar daripada belenggu atau kongkongan konvensyen-konvensyen yang didakwanya di atas itu ataupun masih belum, akan dipertimbangkan berdasarkan cerpen-cerpen yang ditulisnya pada akhir-akhir ini. Untuk membentangkan "kejiwaan manusia" dan "pemikiran manusia yang serba sofistikated", Shahnon membentangkan manusia Melayu yang masing-masing mewakili semua peringkat umurnya; seorang anak kecil yang belum tahu apa-apa; orang dewasa diwakili oleh pengarang sendiri; seorang pemimpin politik yang terlibat dengan rakyat dan negara dan seorang pengemis tua yang telah mengalami kepahitan hidup.

Cerpen "Lagu Kitkitkit" (*Berita Minggu*, 13 Ogos 1972) yang dianggap sebagai "cerpen yang paling baik ... dan barangkali paling istimewa sepanjang tahun sudah",<sup>75</sup> "cerpen yang telah memper-

<sup>74</sup>Shahnon Ahmad, "Kegiatan Sastera Melayu "Moden" Masih Tradisional?", *Mac* 1973.

<sup>75</sup>Ilyod Fernando, 1973. "Gambaran dari Kehidupan di Malaysia", dlm *Berita Harian*, 12 April 1973.

kukuhkan kedudukan Shahnon sebagai seorang sasterawan yang ulung" dan "cerpen yang menunjukkan keahliannya yang istimewa dalam perjalinan cerita dan pemakaian bahasa"<sup>76</sup> telah membentangkan pergolakan jiwa seorang anak, Montel, yang berusia lebih kurang empat tahun.

Montel berasa riang, "seriang maut", apabila emaknya jatuh sakit. Kedatangan tetamu menambahkan keriangannya lagi. Dia turun ke tanah mengejar rama-rama dan patung-patung yang cantik-cantik berterbangan. Montel semakin seronok apabila jumlah tetamu yang datang bertambah. Tetamu-tetamu yang ditunggu-tunggunya. Hari itu dia langsung tidak makan kerana terlampaui gembira. Dia menyanyi lagu: "Mak sakit ... kit ... kit ... kit." Dan memberitahu emaknya, "Mak, orang datang lagi."

Daripada latar belakang hidup Montel sendiri yang tinggal bersama-sama emaknya di pondok buruk dan tiap-tiap hari mengikut ibunya menoreh getah, kita dapat menduga betapa hebat rindunya kepada kasih sayang dan kemanjaan. Montel sengaja duduk di tengah-tengah ruang tempat tetamu lalu lalang untuk mendapat cubitan di pipi dan usapan di ubun-ubun.

Ibunya yang sakit tenat senyum mendengar suara anak kecilnya, kerana bagi perempuan tua itu sudah tidak ada lagi penderitaan kerana penderitaan sudah sebat dengan kehidupannya dua beranak. Anaknya itu dicium dan didakapnya. Dalam ciuman dan dakapan itulah, Montel mimpi dan khayal: rama-rama yang berwarna-warni datang hinggap di bahu kanan emaknya dan patung-patung raja hinggap di bahu kiri emaknya – rama-rama dan patung-patung itu hinggap di bahunya sendiri pula. Oleh sebab dia mengejar-ngejar binatang-binatang itu tadi, maka dibawanya ke dalam impian dan khayalan.

Sebagai anak kecil yang tidak tahu apa-apa, Shahnon melukiskan lagi perangai anak yang tidak jemu bermain-main sungguhpun ibunya semakin tenat. Montel tidak ambil kisah tentang penyakit emaknya. Lagu tadi diteruskan lagi tidak henti-henti. Apabila tetamu sibuk mencari-cari *al-Quran* untuk membaca surah *Yasin*, Montel bertanya dengan suara yang agak tinggi: "Cari apa?" dan dengan sebutan yang masih kurang fasih kitab suci itu disebut

<sup>76</sup>"Ulasan Panel Hadiah Sastera 1972", *Berita Harian*, 12 April 1973.

"kura". Apabila orang membaca surah *Yasin*, Montel asyik mencari-cari bantal untuk tidur. Montel terlena di tengah-tengah tetamu. Tidak lama selepas itu, ibunya mati dan tidak senyum lagi.

Melalui cerpen itu, Shahnon melihat seorang kanak-kanak sebagai insan yang tidak pernah tahu susah payah, penderitaan dan kesengsaraan. Hidupnya mementingkan perhatian dan kasih sayang daripada orang lain. Seseorang kanak-kanak itu ikhlas dan berterus terang dalam sesuatu perkara. Hidup kanak-kanak sentiasa dalam impian atau dunia "*make belief*". Dia manja kepada sesiapa saja yang sanggup memberi kemanjaan itu.

Penyelaman tentang perasaan seorang anak kecil begini adalah pertama kali dibuat. Walaupun tema sedemikian telah pernah disentuh sebelum Shahnon, tetapi cuma yang dibuat, ialah lukisan perasaan jiwa kanak-kanak sekolah seperti cerpen "Pelita Sebuah" oleh A. Rashid Ngah, "Pensel Sebatang" oleh Ali Majod, "Beruk" oleh Azizi Haji Abdullah dan lain-lain lagi.

Untuk memperlihatkan kegelisahan seorang manusia dewasa pula, eloklah dilihat cerpen-cerpen Shahnon yang mempersoalkan kegelisahan jiwa peribadinya sendiri. Daripada cerpen-cerpen tentang peribadinya ini, kita dapat mengetahui perasaan Shahnon yang begitu kuat ikatannya dengan keluarganya, bangsanya dan tanahairnya. Kasih sayang dan kerinduan yang mendalam itulah melahirkan cerpen-erpen yang agak emosional.

"Mimpi di Carroll Street" (*Berita Minggu*, 4 Ogos 1968) adalah cerpen yang pertama kali ditulisnya ketika berada di Australia. Kenangannya kepada keluarga begitu mendalam hingga terbawabawa ke dalam mimpi – ibu, bapa, keluarga dan kesemua orang kampungnya pergi ke Australia dengan tidak memakai baju, membawa buah-buahan seperti durian, rambutan, langsat, rambai dan manggis sampai berbakul-bakul banyaknya.

Di samping menunjukkan ingatan yang mendalam terhadap orang-orang yang dikasihinya itu, Shahnon cuba memberi satu gambaran tentang kehidupan moden dalam tamadun manusia dewasa ini. Lantas masyarakat "*rat-race*" yang dialaminya di benua itu dibandingkan dengan kehidupan masyarakat di kampungnya, sungguhpun "kaya dengan kemiskinan" tetapi dari segi kejiwaan dan kesopanan, mereka lebih sejahtera dan tenteram dalam hidup. Kedatangan mereka beramai-ramai ke Australia sudah melambang-

kan kesucian hati dan kemegahan mereka, walaupun tanpa memakai baju. Apa yang dipentingkan ialah keikhlasan dan kejujuran yang tidak ada tolok bandingnya. Pada pandangan Shahnon pula, tetamu yang datang ke Australia dalam mimpinya itu disambut dengan baik, juga dengan penuh kemesraan. Dia tidak memandang rendah atau menghina mereka, malah dia berasa bangga dengan orang-orang kampungnya yang sama-sama berkunjung ke pusat tamadun manusia itu walaupun dalam mimpi.

Implikasinya daripada cerpen ini ialah pengarang sengaja membesar-besarkan dan meninggi-ninggikan orang-orang yang dikasihi-nya. Walaupun tidak dapat membawa mereka secara lahirlah, tetapi memadai dengan membawa mereka melancong dalam mimpi. Itu merupakan satu kepuasan yang tidak ada tara baginya.

Kerinduan yang mengatasi segala-galanya itulah yang menambahkan lagi tersayatnya hati pembaca dan turut bersimpati dengan keadaan pengarang yang terasing dan terapung-apung di tengah-tengah gelombang orang-orang asing yang sama sekali berbeza kebudayannya.

Peristiwa-peristiwa pilihanraya 10 Mei 1969 dan pertumpahan darah 13 Mei 1969 menjadi bahan bagi Shahnon untuk menghasilkan cerpen, sungguhpun dia berada beribu-ribu batu jauhnya dari tanahair. Cerpen yang mendapat perhatian dan minat Prof A.H. Johns<sup>77</sup> itu ialah "Salam Sekeluarga" (*Dewan Masyarakat*, Februari 1970). Isinya merupakan isi surat daripada bapanya yang ditulis oleh Awang Cik Teh.

Lagi sekali Shahnon cuba menyelami hakikat politik yang benar-benar difahami oleh orang-orang kampung seperti ibu bapanya. Pada hari mengundi, mengikut surat itu, hanya ibunya saja yang pergi mengundi dan bapanya terpaksa menjaga kerbau. Si ibu telah memangkah di dinding tempat mengundi dan kertas undinya itu dibawa pulang.

Secara tersirat, Shahnon cuba menggambarkan betapa mustahaknya kerbau kepada petani seperti bapanya daripada soal negara, soal hak suara, soal demokrasi dan lain-lain lagi. Pada

<sup>77</sup> A.H. Johns, 1971. "Memperkatakan karya-karya Shahnon Ahmad: Manusia dalam Alam Belas Kasihan", dlm *Dewan Sastera*, Mac 1971.

mereka yang penting ialah cara hidup dan nilai-nilai moral.

Kalau kerajaan menyuruh keluar mengundi, salah seorang harus pergi, kerana sebagai orang Islam wajib menunaikan hajat orang. Soal apa yang perlu dibuat masa mengundi itu adalah soal kedua. Kalau pihak calon memberi wang, itu wajib diterima kerana rezeki jangan ditolak. Soal mengapa wang itu diberi, mengapa orang berkempen, mengapa orang-orang kampung dihantar pergi balik dengan kereta tidak perlu diambil pusing. Mengambil tahu hal orang atau mengumpat adalah maksiat.

Kegelisahan mendorong Shahnon menyoal tentang kejahilan orang-orang dalam pemerintahan negara melalui cerpen ini. Tanpa berat sebelah dan secara berlucu, pengarang menyoal siapakah yang sebenarnya bersalah dalam hal ini. Dalam keadaan begini, sudah layakkah kita berkerajaan sendiri? Benar-benarkah kita sudah merdeka? Apakah yang telah dibuat oleh kerajaan setelah 12 tahun merdeka, ketika itu?

Peristiwa rusuhan 13 Mei juga dijadikan bahan dalam cerita yang sama tentang orang-orang kampung yang sudah kelam-kabut bersiap sedia melawan musuh dengan berbagai-bagai cara: sembahyang hajat, belajar dan berlatih silat, mencari hikmat, memakai azimat, menuntut ilmu kebal dan ghaib dan bermacam-macam lagi. Soal-soal sensitif begini mudah benar menimbulkan semangat setiakawan mereka. Apalagi kalau soal itu menyentuh hak-hak dasar mereka. Tambahan pula yang mencemari dan mendai kesucian itu ialah orang asing, tentu kemarahan mereka cepat naik, keradangan mudah timbul dan kebengisan senang terjadi.

Menentang musuh adalah sesuatu yang dituntut oleh agama. Orang yang terlibat dalam Sabilillah ini akan diberi pahala yang berlipat ganda. Dan andainya dia gugur, dia digolong sebagai syuhada, bererti mati syahid dan ganjarannya adalah syurga bulat-bulat. Dengan semangat ini, maka parang diasah, ilmu dituntut, kemenyan diasap dan berbagai-bagai ikhtiar lagi dijalankan.

Nilai ikatan kekeluargaan yang erat juga terdapat dalam cerpen tersebut. Unsur yang mengikat persaudaraan dan silaturrahim ialah kiriman salam daripada tiap-tiap anggota keluarga dari tanahair. Nama-nama mereka disebut dengan gelaran pangkat kekeluargaan satu persatu hingga menjadi satu senarai yang panjang. Ikatan

"blood feeling" ini pernah menjadi bahan penyelidikan,<sup>78</sup> khususnya di Sik iaitu tempat kelahiran Shahnon.

Kalau cerpen "Salam Sekeluarga" merupakan surat daripada bapanya di tanahair, maka cerpen "Kalau Ibu Sampai Takah Tiga" (*Dewan Sastera*, Februari 1971)<sup>79</sup> merupakan surat Shahnon sendiri kepada adiknya di tanahairnya pula. Dalam kegelisahan dan kerinduan yang mendesak-desak terhadap kesihatan emaknya yang sudah tua, Shahnon mengambil sikap menyerah atau bertawakal kepada Tuhan. Memikirkan ibunya selalu uzur, dia berasa rela ibunya pergi, walaupun dia tidak berada di sampingnya, dengan kepercayaan dan keimanan bahawa mereka akan berjumpa lagi di akhirat kelak. Unsur kerelaan kematian ibu yang sama terdapat juga pada cerpen Sitor Situmorang berjudul "Ibu Pergi ke Syurga".<sup>80</sup>

Surat Shahnon kepada adiknya membawakan semangat baharu, keyakinan baharu supaya adiknya menjaga ibu yang sedang sakit itu dengan sebaik-baiknya – beri ubat, makanan yang diperlukan dan rawatan yang sesempurna mungkin. Hidup ini ada empat takahnya, nasihat Shahnon kepada adiknya, dan ibu sudah hendak ke takah tiga. Segala-gala persediaan harus dibuat seperti pengkebumian, kenduri-kendara dan lain-lain lagi. Dalam hal ini, satu perkara yang dipesan oleh Shahnon kepada adiknya: "Cakap orang apalah dia ... Biar orang luar kata kita membazir tidak apa. Asal hati kita senang. Asal kita melepas ibu pergi dengan aman. Asal hati kita lega. Orang lain apalah tahu, adik."

Shahnon menulis dari Australia, kalau agak susah tidak perlu lah ibu dibawa ke rumah sakit. Lagi pula tinggal di rumah sakit itu bukan senang, berbagai-bagai masalah akan timbul. "Kalau umur panjang, ibu sembuh di rumah kita. Kalau umur pendek, ibu meninggal di rumah kita."

Dia menyuruh adiknya meminta pertolongan daripada bomoh-bomoh kampung seperti Tok Kenali, Bomoh Udeng Batang Besar,

<sup>78</sup>David J. Banks, 1972. "Changing Kinship in North Malaya", *American Anthropologist*, vol. 74, 1972.

<sup>79</sup>Terdapat juga dalam, *Dalam Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972. Cerpen ini juga diterjemahkan ke bahasa Rusia.

<sup>80</sup>Lihat Harry G. Aveling, 1971. "Satu Analisa Cerpen Sitor Situmorang "Ibu Pergi ke Syurga", dlm *Bahana*, April-Jun 1971.

Useng Kapak Api atau Bomoh Saad Cik Awang Teh di Durian Burung. Minta tolong orang lain pergi menjemput dan nama-nama itu disebut. Persediaan di dapur perlu juga untuk makan minum dan begitu juga dengan persediaan lain seperti rokok tembakau dan sirih pinang.

Ibu perlu direlakan pergi kerana dia sudah memenuhi syarat sebagai seorang Islam. Urusan mengoyak kain kafan, mengetam papan keranda, menggali kubur, memandi mayat, mengikis cendana, sembahyang mayat, bersedekah kepada orang sembahyang, mengusung jenazah dan baca talkin mesti disediakan awal-awal dan tentukan orang-orang untuk membereskannya. "Pendek kata kita bersyukur apa saja kehendak Allah. Kalau ibu diajak pergi, kita lepaskan ibu dengan syukur. Kalau ibu dilarang pergi, kita terima ibu dengan syukur."

Di akhir surat itu kita melihat satu nada yang tradisional yang dilahirkan oleh seorang manusia moden yang hidup di kota pusat tamadun manusia. Dengan segala macam unsur penyerahan, keyakinan dan kepercayaan ini kita rasa seolah-olah Shahnon bersikap sinis terhadap orang-orang kampungnya. Tetapi cintanya kepada keluarga dan orang-orang kampungnya amat kuat dan dia turut menjunjung nilai-nilai tradisional itu.

Kepada orang kampung, apa yang dipentingkan ialah ketenteraman hati dan suasana yang baik untuk beribadat kepada Tuhan. Apabila kedua-dua perkara ini sudah tercapai, hidup mungkin mencapai kebahagiaan. Tetapi jikalau dipandang dari sudut ekonomi, daripada pendapatan dan pengeluaran dan dibandingkan dengan kehidupan di kota, memanglah mereka ini mempunyai kekurangannya. Walau bagaimanapun, hati mereka cukup bahagia dengan "kekurangan-kekurangan" tersebut. Itulah yang dimaksudkan oleh pengarang sebagai "rahmat Allah".

Kerana itu, kita bertanya, adakah Shahnon cuma menimbulkan satu ironi terhadap kehidupan di kampungnya yang agak jelek jikalau dibandingkan dengan kemajuan yang serba pesat dewasa ini? Saya rasa tidak. Dengan mentaati segala oknum-oknum dan institusi-institusi tradisi kekampungan ini, saya dapat mengatakan bahawa Shahnon adalah seorang tradisionalis. Terdapat satu kecenderungan juga pada perkembangan penulisan Shahnon, iaitu kecenderungannya mengemukakan nilai-nilai desanya di dalam karya-

karya moden seperti juga dalam novelnya yang kemudian<sup>81</sup> yang membentangkan unsur-unsur animisme di kalangan orang Kaki Bukit Srengenge.

Pada pandangan orang-orang Melayu, Hari Raya adalah waktu pertemuan sanak saudara, dengan ahli-ahli keluarga yang jauh pulang bertemu di rumah ketua keluarga di kampung. Tetapi pada Shahnon semasa dia berada di Australia, hal tersebut tidak mungkin dilaksanakan. Tinggallah dia bersama-sama lima orang anak dan isterinya terkatung-katung di rantau orang. Cerpen "Igau" (*Dewan Sastera*, Disember 1971)<sup>82</sup> menggambarkan kenangan Shahnon dalam suasana hari lebaran itu di desanya. Dia terkenangkan sawah padi desanya, Bukit Srengenge, datuk neneknya, ayah bondanya, pak long mak longnya, pak lang mak langnya, pak ngah mak ngahnya, pak cik mak ciknya dan seluruh orang kampungnya.

Pada pagi Hari Raya pengarang menyoal dirinya selepas "seribu mata terbelalak setiap ruang kepala". "Aku bukan pacal", jawabnya. "Jadi kau siapa?" ... Terkenang dia ke kampung yang indah permai ... Terlihat dia sepasang pemuda dan gadis berasmara di beranda rumah depan ... Berhadapan dengan anak isteri yang dicintainya ... Sejuta mata terbelalak menyoalnya lagi ... Pemuda dan gadis tadi masih belum selesai berjilatan ... Kenangan ke kampung berhari raya, jumpa sanak-saudara ... Pemuda dan gadis bergelutan ... Nampak gadis dan *mini skirt*nya, gadis itu dirogol ... Kusentap *mini skirt*nya yang sejengkal tiga suku labuh, kusentap baju sonder lengannya, kusentap colinya, kusentap *underpan*nya ... Mrs. Furlonger di juring tong sampah ... Hujan dan guntur ... Mrs. Furlonger membiarkan anak bermain hujan dan dia di sisi tong sampah kehujanan ... Bongkoknya macam bongkok tua Nyang Limah ... Tentang Nyang Limah, mendodoi cucu dengan lagunya, Nyang turun melihat kailnya di tengah hujan mencurah-curah, halilintar mengguntur, yang rebah, yang mati di halaman ... Anak-anak datang beraya, diikuti oleh isteri, lututku dicium ... Desa mati ... Jeritan "ibu", "bapa", "pak long", "mak cik" – semuanya ditelan

<sup>81</sup>Shahnon Ahmad, 1973, *Srengenge*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973.

<sup>82</sup>Terdapat juga dalam *Dalam Perjalanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972.

Bukit Srengenge ... Ingatan rumah batu dan rumah atap bertam, penghuni putih dan sawo matang, anjing dan ayam itik, gereja dan masjid, Jesus dan haji ... Barisan didahului oleh gadis genit berbogel diikuti oleh kaum keluarga ... Hujan sudah berhenti, anak-anak ajak keluar berjalan ... Sama-sama kami tersenyum mendera jiwa.

Imaginasi dan daya khayalan manusia tidak ada batas dan hadanya. Ia mengembara beribu-ribu batu jauhnya. Di samping melihat kenyataan-kenyataan di depan mata, daya asosiasi manusia juga mengambil peranannya. Contohnya, Mrs. Furlonger yang kehujanan dikaitkan dengan peristiwa Nyang Limah dipanah petir di kampung dulu.

Manusia juga bertindak dalam fikirannya. Contohnya, gadis yang *bermini skirt* itu dirogol dalam khayalan.

Hidup manusia sentiasa gelisah dengan memikirkan segala persoalan: dirinya, adakah dia seorang pacal? Anak isterinya, yang perlu diberi hiburan; kaum keluarga, yang perlu ditemui dan berkasih mesra; orang luar, seperti pemuda dan gadis, gadis *bermini skirt* dan Mrs. Furlonger. Ini semua menimbulkan persoalan dalam hidup.

Persoalan hidup peribadi pengarang ini terdapat lagi dalam cerpen "Tak Keruan" (*Dewan Sastera*, April 1973) yang membawa lagi banyak masalah hidupnya:

Melihat daun-daun hijau, sebenarnya daun-daun kering yang renggeh ... Persoalan maut ... Persoalan usia yang tua ... Anak memanggil, bermain dengan anak dan makan nasi ... Persoalan kerenggangan di antara dua benda ... Kerenggangan di antara jasad dan jiwa ... Antara "ada" dan "tidak ada" ... Persoalan perseimbangan ... Kesedaran diri ... Anak-anak masih bertengkar ... Tentang kegigihan daya khayal ... Anak-anak bertengkar lagi ... Persoalan nama ... Persoalan penderitaan dalam hidup ... Persoalan pertolongan dalam hidup ... Kesedaran tentang diri sendiri.

Cerpen di atas mempersoalkan kewujudan manusia di maya ini dengan unsur-unsur falsafah di dalamnya. Sebagai manusia yang sudah dewasa dan sudah berusia 40 tahun, Shahnon menimbulkan persoalan yang agak berat untuk difikirkan. Contohnya, masalah penderitaan dalam hidup: dicarinya punca pangkal penderitaan. Apabila dicari, Adam dan Hawa merupakan punca pangkalnya.

Merekalah "punca peperangan, ketegangan, kerisauan, kesepian dan menyebabkan hidup sepanjang hayat penuh penderitaan". Dalam hidup ini, "siapa goblok, siapa pikul segala malapetaka. Kita hanya bahan. Kita hanya karya. Penciptanya ada".

Apabila memikirkan hal itu dalam-dalam, manusia ini tidak ada satu apa, cuma, seperti kata Shahnon bagi dirinya, mempunyai seorang isteri, empat orang anak, seekor kucing, sebongkah jantung dan darah yang mengalir tanpa kentalan.

Cerpen ini menampakkan unsur-unsur aliran eksistensialisme yang membicarakan kewujudan manusia: tentang penciptanya, kejadiannya, kelahirannya, namanya, kehidupannya, masalah-masalah dalam kehidupannya, kematiannya dan sebagainya. Di samping memikirkan hal-hal tersebut, manusia mempunyai tanggungjawab yang mesti dihadapi dan kenyataan-kenyataan itu perlu diakui.

Kalau orang dewasa bertentangan pendapat dan memikirkan tentang sesuatu kewujudan, anak-anak juga bertengkar tentang sesuatu yang mungkin membawa kepada perkelahian. Contohnya dalam cerpen ini, pengarang memikirkan tentang "ada" atau "tidak ada"nya sesuatu, anak-anaknya bertengkar tentang "ada" atau "tidak ada"nya nasi dalam periuk. Walau bagaimanapun masalah kewujudan itu tetap menjadi persoalan manusia.

Dalam cerpen "Tak Keruan", Shahnon banyak menggunakan simile atau bahasa perbandingan yang ada hubungan dengan manusia yang terjebak dalam politik. Penggunaan unsur bahasa ini menunjukkan sikap yang kurang enak daripada pengarang terhadap politik terutama tokoh-tokohnya yang menyeleweng. Bahasa perbandingan itu ialah seperti: "... kusut-misut macam hati menteri ... terkejang-kejur seperti wakil rakyat dihinggut wabak pilihanraya ... terhinggut-hinggut ranting-rantingnya macam hati-nadi MP dikeung pertanyaan rakyat ... dihinggut-hinggut macam pertanyaan rakyat menghinggut wakil rakyat yang gubra dan ... dia gubra segubra wakil rakyat yang sentiasa kosong otaknya."

Contoh-contoh ini saya berikan untuk menunjukkan bahawa Shahnon memberi satu perhatian yang agak istimewa kepada politik dan pelaksanaannya walaupun dalam bahasa kiasan tadi. Masalah

politik ini pernah ditimbulkan dalam cerpen-cerpen dan novel-novelnya<sup>83</sup> dulu.

Dalam cerpen terbaru Shahnon, yang membawa unsur "monolog dalaman" memperlihatkan kegelisahan seorang pemimpin politik, terdapat sikapnya yang amat ketara iaitu dengan membongkar segala rahsia hidup tokoh tersebut. Cerpen "Kalbu" (*Dewan Bahasa*, Mei 1972) yang dianggap "masih sukar ditafsirkan dan kerana itu menghindarkan penikmatannya",<sup>84</sup> menceritakan "pemimpin rakyat" yang bernama Sdr. T:

Sdr. T berhadapan dengan rakyat yang mahukan kejujuran ... Sdr. T memikirkan tentang dirinya sendiri yang munafik ... Sdr. T pernah berjanji pada rakyat goblok untuk memberi kebahagiaan ... Sdr. T telah mendapat kemenangan dalam hidupnya dengan menindas dan membohongi rakyat ... Sdr. T juga rasa bersalah terhadap Si Itu kerana maksiatnya ... Sdr. T telah bersubahat dengan kunang-kunang yang masuk ke dalam biliknya yang putihscimurni ... Sdr. T terjepit di antara kancan yang bertentangan ... Sdr. T tetap mendakwa "Aku Cakrawati yang teragung" dalam zaman kejatuhananya.

Tokoh politik, Sdr. T, adalah pemimpin politik yang menipu rakyat jelata yang dianggapnya goblok dan bodoh dengan sikap dan sifat kepura-puraannya. Dia sendiri hidup dalam "kekotoran", "kejijikan", "maksiat", "dosa" dan "noda". Dia berdampingan dengan "iblis", "nyai", "syaitan", "selir" dan sebagainya.

Walaupun begitu, rakyat tetap meminta keikhlasan dan kejujuran daripadanya dan sepanjang hidupnya bukan saja kepada rakyat yang bodoh-bodoh dan tongong-tongong, tetapi pada Tuhananya sendiri. Dia mengakui dirinya sebagai munafik: "Benar aku Islam, tapi aku juga kafir".

Perasaan "*self-guilt*" inilah yang menyebabkan dia gelisah dan jiwanya sentiasa berkonflik. Dia terpaksa menipu rakyat yang telah memberi kepercayaan kepadanya dan menipu Tuhananya kerana "kunang-kunang" yang disayanginya. Dan "kunang-kunang" itu telah memberi segala kesenangan dan kebahagiaan material pada masa dia berkuasa.

<sup>83</sup>Novel-novel: i) *Menteri*, Alor Setar: Dinas Penerbitan Sekolah, 1973.  
ii) *Perdana*, Singapura: Pustaka Nasional, 1972.

<sup>84</sup>Abu Bakar Hamid, *op.cit*.

Pernah dia berjanji kepada rakyat untuk membawa mereka ke negara Yang Yang (Utopia) dan rakyat segera percaya. Kerana ilusi yang dibuat oleh Sdr. T, rakyatnya menunjuk perasaan. Rakyat berkelahi antara satu sama lain.

Pada masa itu, Sdr. T meminta belas kasihan daripada rakyat dengan janji-janji palsunya dan dia masih mendakwa bahawa dia berkuasa. Begitu hidupnya yang bergelumang dengan "selir-selir dan nyai-nyai dalam lopak-lopak lendir dan kahak" dengan disaksikan oleh rakyat jelata dari semasa ke semasa hingga halah kepada kejatuhannya.

Apa yang sangat menarik perhatian dalam cerpen ini di samping memperlihatkan keburukan watak Sdr. T, ialah penggunaan bahasa dengan ungkapan-ungkapan yang luar biasa seperti: tersusup-sasap, papakerma, putihscimurni, becuitgamitlah, bersumbangkadim, bertelanjang bogang dan sebagainya.

Pergolakan jiwa seorang tua, penyelaman sifat dalam seorang pengemis terdapat dalam cerpen Shahnon iaitu "Kelapa Nan Sebatang" (*Dewan Sastera*, September 1973). Wak Da hendak menyeberang titi pokok kelapa yang tumbang untuk ke seberang kerana hendak meminta sedekah:

Budak-budak di seberang sana mencabar Wak Da supaya ia melangkah ... Budak-budak di seberang sana begitu riang bermain ... Wak Da melangkah dan terjerembab dengan pandangan yang dahsyat di bawah titi ... Wak Da undur kembali dan mengenang nasibnya: usianya, kulitnya, uratnya, nafasnya dan matanya ... Budak-budak mencabar Wak Da lagi ... Wak Da mencuba kali kedua ... Wak Da tersentak, di bawah sudah pasti lubuk-lubuk membiar arus berpusar ... Budak-budak mencabar Wak Da ... Wak Da mencuba kali ketiganya dengan penuh azamnya, pandangannya terjunam ke arah bawah dan ia terhenti lagi ... Wak Da mengenang nasibnya yang telah lalu ... Hajatnya ia mahu berechat ... Ia memikirkan tentang maut ... Harapannya ... Wak Da mencuba lagi ... Budak-budak bersorak ... Wak Da berjaya dan tersenyum ....

Dengan mengemukakan watak seorang pengemis tua yang bernama Wak Da itu, Shahnon mencuba memberi satu lambang hidup manusia yang penuh dengan kesengsaraan. "Selama ini dia hanya berada dalam perjalanan yang penuh rintangan". Dalam hidup ini, Wak Da, lambang kemanusiaan, mencuba seberapa daya

untuk mencari kejayaan hidup. Beberapa kali dicubanya tetapi gagal.

Tetapi dalam hidup ini pasti ada cabaran dan cabaran itu mesti disambut dengan penuh azam: "Nah! Ini Wak Da anak sepanjang zaman. Biar mereka melihat sendiri keupayaan dan kegigihan Wak Da ... Biar Wak Da melompat-lompat di atas kaki sebelah macam anak kijang". Budak-budak bukan saja mencabar tetapi bersikap sinis terhadap Wak Da. Begitu juga dalam hidup ini. Sindiran sudah menjadi adat hidup manusia. Sesiapa yang tidak tahan akan patah balik semula. Siapa yang gigih, akan berjaya.

Wak Da tetap dengan keyakinan dan harapan dan akhirnya dia berjaya dan dia tersenyum. Demikianlah kejayaan seseorang jikalau dia mempunyai azam yang kuat.

Satu lagi lambang yang mungkin ditemui dalam cerpen ini, ialah kisah bagaimana roh manusia hendak menyeberang titi Siratul-Mustakim untuk ke syurga. Wak Da hidup di dunia yang fana dengan penuh penderitaan. Ini bererti dia terpaksa menghadapi berbagai-bagai dugaan hidup. Apabila dia dicabar oleh budak-budak sebagai orang-orang tidak berdosa dalam syurga, Wak Da akhirnya berjaya. Beras yang disedekahkan dengan penuh keikhlasan itu merupakan nikmat Tuhan dan senyuman Wak Da adalah lambang kebahagiaan.

Kesemua cerpen Shahnon yang berunsur "*stream-of-consciousness*" ini membicarakan soal maut yang pasti dihadapi oleh setiap manusia, sebagai penamat hidup. Dan kesemua cerpen ini mencerminkan sikap pesimistik dalam kehidupan manusia daripada pengarangnya yang memandang hidup dalam serba kegelisahan.

Cerpen Shahnon yang lain berjudul "Perempuan" (*Berita Minggu*, 21 Oktober 1973) menyorot tentang kegelisahan seorang gadis sunti desa yang dikongkong dan dipingit oleh tradisi kekampungannya. Siti, gadis yang bernafas dan berdarah daging seperti manusia lain, tetapi dia sendiri menganggap dirinya sebagai "senduk, sudu dan sudip" di dapurnya, kerana dalam menentukan nasibnya pada masa depan, kata putus hitam atau putihnya terletak di tangan bapanya.

Ayahnya, lambang kuasa di dalam rumah, memberi kata muktamad bahawa dia akan diperisterikan oleh Haji Rahmat, seorang tuk guru yang pernah berada di Tanah Suci selama 10 tahun.

"Raya Puasa gantung, Raya Haji jumpa" – demikian katanya ringkas dan tak boleh dibangkang tentang. Siti, gadis kampung yang ditanam kukuh dengan nilai-nilai agama dan konsep taat setia tetap tunduk, diam mendengar kata-kata ayahnya itu. Tak sepatah pun diajawabnya – sama ada bersetuju atau tidak.

Tetapi, sebagai manusia, Siti mempunyai hati dan perasaan, tetapi perasaan itu dipendamnya hingga meletus dalam bentuk tindak-tanduk yang lain: kucing kesayangannya dilempar ke tungkul ciku; ikatan kain dilontar ke sarang labah-labah di pokok nona, labah-labah terpelanting ke atas pelantar, dihenyaknya dan semut-semut diraup dan diramasnya hingga lumat. Kalau badannya boleh dikecilkan, dia mahu menyelinapkan dirinya ke bawah lantai; kalau dia mempunyai sayap, dia hendak ke tempat lain dari rumah yang penuh dengan seksaan itu. Apabila dia membuat kerja, dia melakukannya kasar-kasar – bawang dicincang-cincang dan ditakik-takiknya; air di periuk nasi dikacau-kacau hingga tumpah dan ketika di dalam bilik, hidungnya dipenyet-penyet ke cermin.

Namun begitu, kata-kata "Aku tak mahu" tidak pernah terlahir, dia rasa sepi dan dia rasa dirinya ibarat "tanah yang bakal dijajah". Kata-kata kasar seperti "bedebah" dan "babu" sering disebut-sebutnya. Dan kemuncaknya dalam mencari simpati, dia menujah jarinya ke dalam api dan mengikut rancangannya, esok jari manis dan lusa jari kelingkingnya akan dikelar-kelar.

Daripada cerpen ini, kita dapat membuat beberapa tanggapan mengapa Siti tidak mahukan Haji Rahmat. Adakah haji itu sudah tua dan tidak secocok dengan dirinya sendiri? Adakah haji itu kolot dan tidak moden yang tidak sesuai dengan jiwanya? Adakah Siti menganggap perkahwinan itu akan ditertawa-tawakan oleh kawan-kawan yang sebaya dengannya? Adakah haji itu sendiri duda yang mempunyai anak seorang dua untuk Siti jadi ibu tiri? Inilah kemungkinan-kemungkinan yang Siti tidak mahu berkahwin dengan Haji Rahmat.

Kemudian dapat kita membuat "kesimpulan" tentang apa-apakah pengaruh dalam dirinya yang menyebabkan Siti menolak untuk berkahwin dengan tuk guru itu. Dan bagaimana pengaruh-pengaruh itu meresap masuk ke dalam jiwanya yang sentiasa dipingit itu? Mungkinkah dari radio kecil di rumahnya sendiri atau daripada bahan-bahan bacaan yang diseludup ke rumahnya atau daripada

kawan-kawannya sendiri atau daripada pelajaran yang diperolehi dari sekolah. Inilah pengaruh yang menyebabkan jurang generasi yang berleluasa dalam masyarakat kita umumnya.

Daripada cerpen ini juga terdapat unsur-unsur taat setia anak gadis kampung terhadap ibu bapanya, unsur kahwin paksa yang mencengkam hidup diri gadis yang lemah, unsur kuasa mutlak ibu bapa terhadap anak, unsur pembebasan wanita dalam masyarakat Melayu dan juga unsur kecemasan seorang gadis yang lemah kerana hak mutlaknya diganggu-gugat sehingga dia menyakit-nyakitkan dirinya untuk meminta simpati. Dia mahu mati, tetapi oleh sebab hukum-hukum agama, mlarangnya membunuh diri dan tindakannya itu sudah cukup membuktikan bahawa dia melihat dunia ini gelap-gelita.

Konsep-konsep "tuk guru", "berkat", "rahmat" dan "karisma"nya merupakan sesuatu yang utuh di kalangan orang tua-tua. Tuk guru dianggap manusia yang unggul, istimewa pula berada di Tanah Haram Mekah selama beberapa tahun. Daripada kealimannya, diharapkan membawa zuriat yang baik dan ibu bapa kepada si gadis mengharap zuriat itu bercambah melalui keturunannya. Dan upacara itu pula diadakan pada kedua-dua hari raya yang mulia. Berbeza dengan kegelisahan Siti, seorang lagi anak muda menghadapi dunianya sendiri dalam cerpen Shahnon bertajuk "Al" (*Dewan Bahasa*, Mei 1970). Kalau Siti dikongkong dan hidupnya terbelenggu, Al anak muda Malaysia yang bertugas di Suruhanjaya Tinggi di Australia hidupnya lepas bebas sungguhpun sudah beranak isteri. Al saban malam asyik dengan gadis-gadis Jacqueline, Brigitte Epoque dan lain-lain di hotel-hotel, bar-bar, pub-pub, cocktail-cocktail, tempat lumba kuda dan sebagainya.

Al tidak ambil pusing dengan apa yang berlaku di tanahairnya, Malaysia. Dia memandang rendah dengan petani-petani, nelayan-nelayan, penarik-penarik beca dan buruh-buruh kasar di negaranya. Dia tidak peduli sama ada mereka hidup atau mati. Dia hanya asyik bergelumang dengan "siput-siput babi" di bar.

Cerpen-cerpen "Perempuan" dan "Al" itu mengisahkan dua dunia dalam hidup dua orang anak muda Melayu yang sangat jauh jarak bezanya, dari sudut seting dan persoalan-persoalan masing-masing. Siti dan Al merupakan dua unsur kemanusiaan yang sangat

bertentangan sungguhpun mereka manusia Melayu yang berkulit "sawo matang".

Daripada cerpen-cerpen *post-Australia* karya Shahnon Ahmad yang dibincangkan di atas terdapat ciri-ciri baharu. Dari sudut bahasa, ternampak gejala istilah yang baharu – terutama dalam cerpen "Kalbu", seolah-olah direka sendiri oleh pengarangnya, yang pada satu sudut ternampak kemas padat dan pada sudut yang lain agak luar biasa dan keterlaluan.

Dari sudut perwatakannya, Shahnon cuba menyoroti aspek-aspek kejiwaannya yang menyebabkan watak-watak itu di dalam kegelisahan. Biasanya, Shahnon mengemukakan tumpuannya kepada seseorang watak sahaja dalam satu-satu cerpennya dan dia mencuba menyoroti jiwa manusia daripada seluruh peringkat umur seperti yang diperkatakan di atas tadi.

Biasanya, dalam cerpen-cerpen terbaharu Shahnon ini, terdapat jangka waktu peristiwa yang sangat singkat – iaitu hanya beberapa jam sahaja. Ini berlaku kerana ditumpukan kepada seorang watak sahaja. Ketika mengisahkan ceritanya, Shahnon memberi penjelasan dan keterangan yang minimum dalam lingkungan seting yang sempit atau secara babakan.

Tema dan persoalannya benar-benar merupakan kegelisahan manusia dengan hidupnya yang banyak khayalan, impian, mimpi, angan-angan dan sebagainya. Selepas manusia berdepan dengan dirinya sendiri, dengan manusia lain, dengan alam sekitarnya dan dengan Tuhan, lalu manusia mengingatkan maut atau mati inilah yang banyak dipersoalkan oleh pengarang dalam cerpen-cerpen terbaharunya.

Persoalan hidup di dunia nyata dengan dunia ghaib, kenyataan dan pembayangan fikiran itu dijalin berselang-seli dalam plot yang agak kompleks.

Berbalik kepada gagasan dan sikap baharu Shahnon dalam penulisan yang dibentangkan di awal perbincangan ini, adalah dirasakan bahawa Shahnon telah mencuba melarikan diri daripada kongkongan konvensyen-konvensyen penulisan cerpen dalam kesasteraan Melayu yang dianggap moden itu. Tetapi suatu perkara yang nampak jelas, iaitu dalam membawa bentuk moden itu, Shahnon masih membawa isi yang tradisional dari desa. Dan sebagai menggambarkan realiti hidup yang berunsur kekampungan, se-

sungguhnya ini pasti berlaku. Dan unsur ini juga ditimbulkan oleh Shahnon dalam novelnya yang terakhir, *Srengenge*.<sup>85</sup> Dan dalam hubungan ini, Yahaya Ismail<sup>86</sup> menyatakan apakah tanpa unsur-unsur tradisional kekampungan itu Shahnon boleh muncul sebagai pengarang besar?

Dalam membawa dan menimba unsur-unsur tradisional itu, Shahnon bersikap agak pesimistik dalam hidup kedesaan yang sudah sedia pesimistik itu, berbeza dengan setengah-setengah cerpennya dulu yang penuh dengan unsur "humour".

Ini berlaku kerana sikapnya yang semakin serius terhadap perkembangan kesusasteraan dan terhadap kehidupan dirinya dan bangsanya. Dia sendiri hidup di dalam dua dunia – dunia moden yang sofistikated dari segi fizikalnya seperti di Australia dan dunia tradisional yang sofistikated dari segi kejiwaannya di Kampung Banggul Derdap – menurut pandangannya sebagai penulis.

Dilema ini terbawa-bawa dan tertanam serta tersemat kuat, di dalam jiwa seniman Shahnon yang emosional dan sentimental dalam karya sasteranya!

Kata Shahnon: "Kesibukan lalulintas di jalan raya dan manusia entah apa sibuknya tak ubah seperti tikus beribu-ribu, berjuta-juta bekejar-kejaran (*rat race*) lantas dibandingkan lagi dengan lenggangnya suasana kampung. Ah! Sesungguhnya aku anak tersisih; anak desa yang benar-benar tersisih ... Ini konfliknya".<sup>87</sup>

Tahun-tahun 1974 hingga 1975 merupakan masa kekecewaan petani-petani desa di Malaysia akibat daripada inflasi dunia. Ketika itu berlaku demonstrasi-demonstrasi petani besar-besaran di Kedah dan mencetuskan banyak demonstrasi lagi di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Bagi Shahnon, peristiwa ini amat dekat dengan hati dan perasaannya kerana tempat mula tercetusnya demonstrasi itu ialah di Baling dan Sik, tempat lahirnya sendiri dan demonstrasi oleh para pelajar Universiti Sains Malaysia, tempat kerjanya sendiri. Dia sen-

<sup>85</sup> Shahnon Ahmad, *Srengenge*, op.cit.

<sup>86</sup> Yahaya Ismail, 1973. "Srengenge: Sebuah Ulasan Novel", dlm *Dewan Sastera*, September 1973.

<sup>87</sup> Shahnon Ahmad, 1972. "Keringnya Daya Kreatif Sendiri", dlm *Dewan Sastera*, September 1972.

diri berjuang dalam pergolakan kemiskinan ini.

Pada masa itu Shahnon menulis tiga buah cerpen dan diikuti dengan dua buah novel. Cerpen-cerpen itu ialah "Angan-Angan Mr. Proudfoot", "Tetamu dari Kuala Lumpur" dan "Moyok"; dan novel-novelnya ialah *Kemelut* dan *Seluang Menodak Baung*.

Cerpen "Angan-Angan Mr. Proudfoot" mengisahkan pencemaran yang dibawa oleh budaya kuning ke dalam kebudayaan-kebudayaan Malaysia. Cerpen "Tetamu dari Kuala Lumpur" pula adalah kisah perjuangan materialisme di kalangan orang Melayu di tengah-tengah kemajuan. Cerpen "Moyok" pula mengisahkan penderitaan petani-petani di kampung-kampung dalam menghadapi inflasi.

Novel *Kemelut* adalah tentang pembaharuan yang dibina, telah mengakibatkan penderitaan para nelayan. Mereka merasa bahagia dengan hasil tangkapan ikan dan hidup sejahtera di Kuala Indah Permai. Tetapi apabila kilang-kilang didirikan di tepi-tepi kuala itu, pencemaran mulai terasa, airnya kotor dan beracun dan ikan mulai mati.

Kisah di dalam novel ini adalah berdasarkan kejadian benar yang menimpa para nelayan di Kuala Juru. Kisahnya bermula dari pada gambaran perkampungan nelayan yang indah dengan penduduknya yang hidup bahagia. Tiba-tiba berlaku peristiwa apabila kucing kepunyaan anak gadis Rokiah mati selepas makan ikan dari kuala yang tercemar itu. Selepas itu berlaku lagi kematian burung dan kemuncaknya ialah kematian manusia. Para nelayan menjadi gelisah dan mereka menghantar wakil untuk menemui Ketua Menteri. Para nelayan itu diketuai oleh Pak Mat dan mengadakan tunjuk perasaan dan mengancam hendak membakar kilang-kilang di tepi kuala tersebut.

Novel ini tinggi nada protesnya terhadap pemerintah yang cuai dalam tugas mereka dalam membela rakyat. Diperlihatkan juga bagaimana kepimpinan rakyat dapat mengatasi masalah mereka dengan kerajaan. Akhirnya, rakyat menang dalam perjuangan itu. Novel ini adalah karya pertama Shahnon yang membawakan tema pencemaran dan perjuangan para nelayan dalam membaiki nasib mereka.

Novel *Seluang Menodak Baung* juga amat ketara nada protesnya daripada rakyat kampung terhadap pemimpin mereka seperti

juga dalam novel *Kemelut*. Kedua-dua novel ini adalah merupakan perjuangan semula Shahnon untuk kepentingan rakyat selepas dia mementingkan teknik dalam berkarya. Kali ini lagi sekali dia mementingkan isi perjuangan di dalam karyanya demi kepentingan rakyat.

Plot cerita novel *Seluang Menodak Baung* adalah hebat. Ia dipenuhi dengan detik-detik konflik dan pertarungan. Novel yang panjang ini terbahagi kepada dua: pertama, tentang perjuangan dua keluarga miskin dan kedua, sokongan moral yang membawa kejayaan perjuangan mereka. Novel ini menumpukan kisahnya kepada keluarganya Suman dan keluarga Fatah.

Apa yang menarik di dalam novel ini ialah gambaran kemiskinan di dua latar iaitu di kampung dan di kota. Ia digambarkan di sekitar kehidupan Fatah di Terenas, Sik, Kedah dan Lembah Gelugur, Pulau Pinang. Fatah tidak tahan menderita di kampung, lantas berpindah ke kota dengan menarik beca, tetapi nasibnya sama juga, terus hidup miskin. Dia terpaksa pulang ke Terenas semula dan mengajak rakyat meminta tanah daripada kerajaan dan dia mendapat sokongan kuat daripada Suman bin Salam. Banyak halangan dan cabaran yang dihadapi oleh Fatah dan Suman, tetapi akhirnya mereka berjaya, seperti berjayanya para nelayan di dalam novel *Kemelut*.

Jadi ternyata novel-novel *Kemelut* dan *Seluang Menodak Baung* ini adalah kisah kebangkitan rakyat melawan pihak-pihak atasan yang mengecewakan mereka. Kedua-duanya menggambarkan kemenangan rakyat dan kekalahan pemerintah yang terpaksa tunduk kepada tuntutan rakyat.

Perkembangan terakhir Shahnon, dalam pertengahan tahun-tahun 70-an, ialah memasukkan perbincangan Islam dalam karyanya selanjutnya. Mungkin selepas menghasilkan novel-novel yang pernah kegelisahan itu, Shahnon mencari jalan penyelesaiannya dengan mengalihkan perhatian kepada Islam. Bermula dari tahun 1976 hingga kini, dia telah menghasilkan lapan buah cerpen yang berunsur Islam: "Riak" (1976), "Kemelut" (1977), "Ada" (1978) "Mayat dan Keluarga" (1981), "Tonil Purbawara" (1982), "Dongeng Merdeka" (1982), "Hati Seorang Pemimpin" (1983) dan "Ungkapan" (1985). Manakala novelnya yang membawa nada keislaman ialah *Al-Syiqaq I* (1985) dan *Tungkul-tungkul Gerigis*

(1988). Novel *Al-Sviqaq I* menggambarkan penghijrahan "roots" watak-wataknya dari Pattani, Selatan Thailand ke Kedah. Novel *Tunggul-tungkul Gerigis* cuba menyelami dan mengutarakan punca masalah yang membengkak dan menanah di kalangan ummah hari ini.

Enam buah cerpen Shahnon memberi tumpuan kepada tiga aspek kehidupan dalam Islam. Pencarian manusia terhadap nur Islam dan penemuannya kepada jalan kemakrufan, berjaya digambarkan dalam cerpen-cerpen "Riak" dan "Kemelut". Aspek-aspek sosial dan pendidikan terdapat dalam "Ada" dan "Mayat dan Keluarga". Manakala aspek-aspek politik dan kepimpinan terdapat dalam "Tonil Purbawara" dan "Dongeng Merdeka". Cerpen-cerpen ini juga memperlihatkan konflik dan kegelisahan manusia seperti yang pernah ditulis oleh Shahnon sebelum 1976 lagi, tetapi yang ternyata ialah tema-temanya, tujuan pengarangnya dan kesan yang dialami oleh para pembacanya adalah mengarah kepada kesedaran dan pandangan dunia Islam.

Cerpen pertama Shahnon dalam Sastera Islam ini ialah "Riak" yang mengisahkan kehidupan seorang profesor, Prof Zaqlol yang hidup dalam kekufran. Segala tindak-tanduk, cara berfikir dan gaya hidupnya terarah kepada sesuatu yang sekular. Hidupnya berdasarkan kepada materialisme semata-mata. Begitu juga isterinya, Faridah, yang terikut-ikut dengan cara hidup Prof Zaqlol. Dia bersikap sinis terhadap apa yang berhubung dengan Islam.

Kehidupan Prof Zaqlol dan Faridah telah didatangi oleh cahaya Islam dalam bentuk yang berbagai-bagai. Misalnya dalam bentuk azan dari masjid yang berkumandang pada setiap kali sembahyang. Bentuk manusia iaitu tukang masak, Mak Minah; tukang kebun, Pak Usop; pemandu Sudin; serta anak mereka sendiri, Nurulhuda. Begitu juga kegiatan pelajar-pelajar Islam di kampus tempat Prof Zaqlol bekerja.

Sikap, sifat dan perangai mereka inilah yang menggerakkan hati Prof Zaqlol menemui nur Islam di tengah-tengah pencarian sekularismenya. Di satu maghrib yang hening, Prof Zaqlol mengajak tukang kebunnya sendiri mengajarnya sembahyang dan rukun-rukunnya serta cara hidup Islam.

Cerpen kedua "Kemelut" adalah sambungan tema daripada cerpen pertama tadi. Kalau dalam "Riak", Prof Zaqlol telah

menemui Allah, maka pada permulaan cerpen "Kemelut" kita melihat watak Kudus sudah dapat mengenali kebesaran Allah melalui kejadian di sekeliling rumahnya. Secara kudus, Kudus menunggu waktu maghrib untuk bersembahyang jemaah bersama-sama keluarganya. Watak Faridah sudah menjelma dalam watak Hasnah yang sudah menjadi wanita solehah.

Ternyata dalam hidup Kudus ada suatu petanda untuk dia dan keluarganya membuat iktibar. Pada waktu mereka sedang bersembahyang jemaah sekeluarga, tiba-tiba Badrul, anaknya membawa pulang kekasih ke dalam biliknya. Selepas sembahyang, Kudus bertindak memukul anaknya dengan bengis sekali. Ternyata waktu dia memukul itu, Kudus telah merasai bahawa dia memukul dirinya sendiri kerana dia dulu hidupnya seperti Badrul juga. Demikian betapa satu-satu kejadian itu menjadi pengajaran kepada manusia.

Dua buah cerpen "Riak" dan "Kemelut" ini memperlihatkan bagaimana manusia yang dalam kesesatan telah menemui cahaya Islam dan selepas mengenali Allah, Allah pula memberi dugaan supaya manusia dapat membuat penyelaman diri dan mencari jalan yang hak mengikut lunas-lunas Islam dengan keredaan Allah. Dua buah cerpen ini menganjurkan dengan baiknya perjalanan hidup manusia daripada kemungkaran ke jalan kemakrufan dan seterusnya ke jalan kemakrifikatullah.

Cerpen ketiga "Ada" adalah sebuah kisah nasib seorang anak gadis yang bernama Ada. Dia menghadapi konflik-konflik dalam keluarga seperti perceraian ibu bapanya dan akhirnya dia diperkosa oleh bapa tirinya. Dia berada di pusat pemulihan akhlak dan di sini dia bertemu lagi dengan mangsa-mangsa seks.

Dari sejarah hidup anak-anak gadis ini ternyata betapa pincangnya masyarakat yang telah membelakangi ajaran-ajaran Islam. Anak-anak muda itu ternyata hilang pedoman hidup kerana kurang pendidikan, asuhan dan pelajaran agama.

Sehubungan dengan keruntuhan moral anak-anak ini, Shahnon menghasilkan sebuah lagi karya yang bertajuk "Mayat dan Keluarga" – "ditujukan kepada hati; bukan kepada kepala". Cerpen ini mengisahkan bagaimana dua adik-beradik remaja, Zakuan dan Fauzana yang kadang-kadang berkelakuan tidak senonoh mengikut cara hidup Barat. Ini membimbangkan bapa mereka Husin, seorang

pegawai tinggi yang juga hidup dalam kejahilan seperti Prof Zaqlol dulu.

Peristiwa yang menyayat hati ialah apabila Zakuan dan Fauzana pulang menziarahi mayat datuknya dalam keadaan yang tidak senonoh pakaianya, di tengah-tengah para alim ulama dan guru-guru agama pondok kepunyaan bapa saudara mereka sendiri, Haji Solih. Keadaan seperti itu telah mencemarkan suasana yang penuh dengan keheningan. Dari segi pendidikan pula, ternyata anak-anak Haji Solih semuanya diasuh dengan ajaran-ajaran agama, manakala anak-anak Husin terumbang-ambing dalam kekusuran. Begitu renggangnya hubungan di antara keluarga dan pupu-poyang.

Cerpen-cerpen "Ada" dan "Mayat dan Keluarga" memperlihatkan betapa proses sosialisasi dan pendidikan, terutama pendidikan agama dan moral, penting dalam pembentukan keperibadian manusia. Anak-anak gadis dalam "Ada" telah terjebak dalam kedu janaan dan anak-anak muda dalam "Mayat dan Keluarga" telah terperangkap dalam malapetaka keruntuhan moral yang cukup membimbangkan.

"Tonil Purbawara" dan "Dongeng Merdeka", dua buah cerpen yang mempersoalkan politik dan kepimpinan dalam Islam. "Tonil Purbawara" memperlihatkan tiga kelompok parti sebangsa dan seagama yang bergelut menjelang pilihanraya: Jemaah Al-Falah, Jemaah Etek dan Jemaah Waluku. Kedua-dua Jemaah Etek dan Jemaah Waluku berhempas-pulas dan saling tuduh-menuduh dan fitnah-memfitnah antara satu sama lain. Jemaah Al-Falah pula memerhati kedua-dua jemaah berkelahi dan kedua-dua parti itu memerlukan sokongan daripadanya. Jemaah Al-Falah sekadar berperanan mencari kebenaran sebagai hamba dan khalifah Allah. Punca kehidupan manusia terletak pada hati dan keimanan.

Kalau cerpen "Tonil Purbawara" mengisahkan kelompok-kelompok manusia yang ingin memerintah dalam politik, cerpen "Dongeng Merdeka" pula memberi tumpuan kepada individu pemimpin politik. Kisahnya ialah tentang Datuk Mahbub yang menjadi wakil rakyat yang membawa banyak penyelewengan. Datuk Mahbub dalam usaha-usahanya dulu telah berusaha menjatuhkan seorang tokoh nasionalis, Muhammad Zaki.

Cerita mengisahkan bagaimana anak Datuk Mahbub, Yuyi

setiap hari meminati "Merdeka" yang gila, yang selalu berlalu di depan rumahnya. Ternyata "Merdeka" itu adalah Muhammad Zaki yang kini sudah gila dan memekik-mekik "Merdeka". Oleh kerana perasaan bersalah tidak dapat dihindar dan dilupai, Datuk Mahbub sendiri akhirnya menjadi gila.

Begitu sinis dan ironinya nada cerpen-cerpen "Dongeng Merdeka" dan "Tonil Purbawara". Tajuk-tajuknya sendiri memberi gambaran seolah-olah kisah itu hanya khayalan tetapi sebenarnya tetap berdasarkan kenyataan. Kumpulan manusia dan manusia individu, tetap bertelagah mencari kuasa dan membuat penyelewengan.

Kedua-dua cerpen ini menyarankan supaya segala tindak-tanduk politik dan kepimpinan mesti berteraskan kepada Islam yang menganjurkan keikhlasan, kejujuran, kebenaran, keimanan dan ketauhidan. Tanpa unsur-unsur ini manusia akan terjerumus ke lembah yang hina.

Inilah mesej yang hendak disampaikan oleh Shahnon Ahmad melalui enam buah cerpennya yang terakhir – semuanya berbalik kepada Allah. Jalan hidupnya, pendidikannya, politiknya, kepimpinannya, mestilah mengarah kepada Allah.

Novel *Al-Syiqaq I* yang mengandungi 85 bab yang pendek-pendek membentangkan persoalan hidup ahli-ahli zuriat sebuah keluarga daripada empat generasi dalam tiga latar tempat yang berlainan. Kisah bermula dari generasi Sasaels di Matarusa, Pattani Selatan, Siam; generasi Pataeng Sagalas dan Saman di Teloi Tua, Kedah; dan generasi Hasanuddin yang bangsat dari Medan, Sumatera dan tinggal di Selarong Batang, Kedah juga.

Di sekitar watak-watak itu terdapat watak-watak lain pula yang turut terlihat dalam aneka konflik dan dilema sepanjang plot novel ini. Konflik yang datang bertalu-talu dan silih berganti dengan dugaan dan ujian bermula di Matarusa, berpindah ke Teloi Tua dan berpindah lagi ke Selarong Batang. Perpindahan itu memperlihatkan usaha-usaha manusia untuk mencari kesejahteraan tetapi kadangkala terperangkap dengan kedu janaan dan malapetaka.

Kumpulan watak yang mencari-cari erti hidup dalam latar-latar yang penuh gawat dapat dilihat dalam rajah di sebelah:



Petunjuk:

+ = Perkahwinan

↓ = Anak

Watak-watak dalam *Al-Syiqaq I* mempunyai berbagai-bagai sifil dan kelakuan: yang baik dan yang jahat. Mereka dipengaruhi oleh keadaan dan alam sekitar tempat mereka berada dan Allah telah mentakdirkan destini hidup mereka.

Sasaelos menjalani hidup penuh mungkar, asyik dengan judi laga binatang seperti kerbau, ayam dan ikan kareng serta kulit biji getah. Malah dia berkahwin dengan isterinya, Sippit pun hasil daripada pertaruhan laga kumbang tahi. Hidupnya "sentiasa buas dan kejam", penuh pembunuhan dan darah.

Suasana dan keadaan di sekeliling kehidupan Sasaelos itu sendiri penuh dengan kekejaman. Desakan dan kesempitan hidup menjadikan manusia hilang kemanusiaannya. Oleh sebab perbalahan tentang harga beli kerbau, Sasaelos, telah dikelar badan "seperti mengelar ikan sembilang" oleh orang-orang Siam. Isterinya Sippit dan anak daranya Cuit dirogol dan juga dikelar-kelar.

Dengan pembunuhan, perogolan dan pengelaran yang dahsyat terhadap keluarganya, Pataeng Sagalas mengambil keputusan meninggalkan Matarusa untuk berpindah ke Teloi Tua, Kedah. Dia berkahwin dengan Huduh dan mendapat tiga orang anak: Awang Kecik, Saman dan Dollah. Selepas berada dalam kemungkaran, Pataeng Sagalas menemui jalan Allah dan membina sekolah agama sistem pondok.

Hidupnya sebagai tuk guru pondok penuh dengan kealiman dan kesalihan, tetapi dia diduga dengan kegilaan Awang Kecik dan kejahatan Dollah. Awang Kecik amat dahsyat gilanya hingga terpaksa dikurung dan Dollah amat buas menjadi penyamun, merompak dan merampas harta orang. Dollah telah mati ditembak polis dalam satu rompakkannya. Tuk guru menghadapi persoalan besar apabila mayat anak penyamunnya itu dibawa pulang ke pondok untuk disembahyangkan dan dikebumikan. Akhirnya Pataeng Sagalas mati meninggalkan anaknya Saman yang mengambil alih sebagai tuk guru pondok.

Saman, selaku orang alim, juga terpaksa menghadapi ujian daripada Allah. Abangnya Awang Kecik semakin bertambah gila. Anak sulungnya, Yaakub lebih cenderung belajar silat daripada menuntut ilmu agama. Saman dikatakan inginkan seorang anak lelaki lagi dengan berkahwin seorang gadis, Siti Hajar. Zainab yang dimadukan tidak dapat berkata apa-apa.

Dalam pondok yang dikelilingi suasana kezaliman pada zahirnya, tetapi di sebalik itu semua, iblis dan syaitan cuba menggoda. Siti Hajar yang tidak mendapat banyak kepuasan daripada suaminya yang telah tua itu telah bermukah dengan anak tirinya sendiri, Yaakub. Siti Hajar kemudian diceraikan oleh Saman. Demikian betapa '*bizarre*'nya dan dahsyatnya kebuasan manusia yang tidak kenal batas tempat dan masa. Yaakub bertindak liar dan buas dengan memukul dan mencederakan bapa saudaranya yang gila dan akhirnya Awang Kecik itu mati akibat perbuatan Yaakub.

Cerita berakhir dengan kematian Zainab, kenyanyukan Saman dan harapan keluarga Hasanuddin di tempat yang baharu dalam memperjuangkan hidup mereka.

Novel *Al-Syiqaq I* memperlihatkan sejarah perkembangan awal Islam di Selatan Thailand yang berperingkat-peringkat. Pada peringkat awalnya, para penganut Islam yang "asal-usulnya orang Siam" itu berada dalam kemungkaran seperti yang terdapat pada watak Lokmang dan anaknya Sasaelos. Pada peringkat generasi Pataeng Sagalas, syair Islam meresap dengan tebalnya di kalangan penduduk di Pondok Teloi Tua. Namun begitu anak Tuk Guru Pataeng Sagalas iaitu Dollah menjadi penyamun. Kemudian apabila Saman menjadi Tuk guru, anaknya Yaakub pula seolah-olah mengikut jejak langkah bapa saudaranya dan menjadi jahat – berzina dengan ibu tirinya dan mencederakan bapa saudaranya dan terus menghilangkan diri. Walau bagaimanapun, manusia tetap bermunajat kepada Allah untuk mencari rahmat-Nya.

Sejarah kehidupan keluarga zuriat daripada Lokmang kepada Saman dengan persemedaanannya ini dipenuhi dengan kesejahteraan dan keimanan diselang-seli dengan maksiat dan kekusuran. Sejarah ini dapat memperlihatkan tentang asal-usul kelompok orang-orang Melayu di Kedah yang berasal dari Thailand seperti yang ternyata dalam novel ini. Mereka menyusuri jalan ke Betong, ke Sik di Kedah Selatan dan ada yang "membuka kampung di Cangloon, Asson, di Hosba sehingga melarat ke Yatra dan Kodiang" di Kedah Utara.

Sepanjang perjalanan hidup keluarga ini ternyata dipengaruhi oleh kekuasaan Allah dengan qadak dan qadar dalam hidup setiap insan. Diperlihatkan bagaimana manusia berhubung dengan Allah sebagai hamba dan bagaimana manusia berhubung sesama manusia

sebagai khalifah. Hubungan-hubungan itu telah membawa kesejahteraan dan juga telah menjebak manusia ke dalam kemungkaran. Terdapat banyak amal ibadat yang baik dilakukan oleh manusia tetapi kurang terdapat maksiat yang dibuat oleh manusia. Tidak kurang juga manusia hidup dengan penuh nikmat, tetapi sebaliknya menerima dugaan dan ujian daripada Allah. Ternyata Allah mencuba keimanan manusia termasuk alim-ulama dengan segala dugaannya.

Bentuk-bentuk perbuatan maksiat yang terdapat dalam novel ini ialah seperti perjudian, samun-menayamun, rampas-merampas, pembunuhan dan runtunan hawa nafsu. Misalnya dalam soal seks, ditimbulkan peristiwa-peristiwa rogol, pencabulan, kerakusan dan penzinaan. Dollah mempunyai ramai isteri yang dikahwininya silih berganti; Yaakub bermukah dengan ibu tirinya dan Siti Hajar mencari kepuasan dengan anak tirinya sendiri. Malah Tuk Guru Saman sendiri pun berkahwin seorang lagi kerana hendak memuaskan nafsunya tetapi dia cepat-cepat insaf dan balik ke pangkal jalan.

Di dalam novel *Al-Syiqaq I* ini, Shahnon ada juga menerapkan semula sedikit tema dan plot seperti yang terdapat di dalam karya-karya fiksyen desanya yang awal; persoalan kejahatan manusia dalam *Rentong*; kematian dan kegilaan dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*; konflik nilai dalam *Srengenge*; gambaran keganasan dalam *Seluang Menodak Baung*; dan gambaran kealiman bertentangan dengan kekufuran di kalangan ahli keluarga dalam cerpen-cerpen "Riak", "Kemelut" dan "Mayat dan Keluarga".

Dalam novel *Al-Syiqaq I* terdapat gambaran kegilaan dan pergelutan yang lebih dahsyat. Gambaran tentang kegilaan Awang Kecik yang berada di dalam "kandang yang penuh dengan tahi dan kencing" di bawah rumah lebih dahsyat daripada gambaran kegilaan Jeha dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*. Gambaran keganasan Yaakub terhadap bapa saudaranya Awang Kecik lebih hebat daripada kebengisan Salam terhadap anaknya dalam novel *Seluang Menodak Baung*.

Novel ini memperlihatkan hubungan manusia dan tempat-tempat yang sebenar di Pattani, di Kelantan, di Kedah dan di Sumatera. Penggunaan nama-nama latar tempat dan latar masa dan waktu ini memperjelaskan betapa gerak-geri dan tindak-tanduk

manusia dikawal dan dipengaruhi oleh unsur-unsur tersebut. Banyak sekali tempat yang ditimbulkan bagi memberi kesan keintiman dan nostalgia pembacanya.

Jalinan plot novel ini memperlihatkan simbol-simbol yang tertentu. Hampir pada setiap babnya, Shahnon menyatakan unsur-unsur masa dan waktu, mencakupi tahun, bulan, minggu, hari, siang malam, pagi petang dan subuh senjanya. Ini semua adalah simbol bagaimana pentingnya masa pada manusia seperti yang ditegaskan oleh Allah dalam *al-Quran*. Sesungguhnya manusia akan rugi kalau mengalpakan masa. Ternyata novel ini memperlihatkan manusia-manusia sejahtera dan manusia-manusia yang derita lahir dan batin.

Perjalanan waktu itu sendiri adalah simbol kepada perjalanan hidup manusia yang penuh cabaran dan dugaan. Sepanjang perjalanan waktu itu, berlaku peristiwa-peristiwa yang menyentuh rasa kemanusiaan, misalnya kebakaran, kemarau, pergaduhan dan keganasan. Semua itu adalah iktibar dan ibarat untuk manusia mencari erti kemanusiaan.

Perjalanan ini ada hubungkait dengan perpindahan manusia yang secara simbolis juga seperti penghijrahan Nabi Besar Muhammad S.A.W. Hijrah sebenarnya adalah perpindahan daripada kemungkaran kepada kemakrufan; dari jalan kehinaan ke jalan kemuliaan; dari jalan kemunduran ke jalan kemajuan; dari jalan kemalapan ke jalan yang terang-benderang. Kata Pataeng Sagalas: "Berpindah bukan bererti kalah menentang musuh. Bukan bererti lari. Rasulullah pun berpindah juga dari Mekah ke Madinah. Kita pulang lagi menebus segala hak kita. Kalau kita tak boleh pulang, anak cucu-cicit kita pasti akan pulang juga."

Betapa pun, novel *Al-Syiqaq I* ini memberi erti konflik manusia sepanjang perjalanan hidupnya. Novel ini menerapkan jiwa Islam dengan unsur-unsur dakwah yang dipenuhi dengan institusi-institusi Islam seperti sekolah agama, pondok dan madrasah; tuk guru dan alim ulama, pegangan tauhid, penyerahan, ketakwaan dan kemakrufan.

Sesungguhnya, novel ini dapat menepati hasrat Shahnon Ahmad untuk membawa makna gagasan sastera Islam yang berfungsi "kerana Allah" dan "untuk manusia".

Ternyata sebagai seorang pengarang dan seniman, Shahnon menitikberatkan teknik dan stylinya; sebagai seorang Melayu,

Shahnon mementingkan kesejahteraan bangsanya; sebagai seorang manusia, Shahnon memperjuangkan persoalan-persoalan kemanusiaannya; dan sebagai seorang Islam, Shahnon memperhebatkan persoalan-persoalan demi pengembangan syiar Islam.

Shahnon Ahmad berjaya sebagai penulis kerana dia mempunyai kekuatan dalam reaksi dan refleksi terhadap masyarakat Melayunya; penyampaian tema dan penggambaran perwatakannya; dan kehebatan penggunaan bahasa dan stylinya. Karya-karyanya merupakan suatu sumbangan penting terhadap perkembangan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan Malaysia. Shahnon adalah penulis berbakat besar dengan kecemerlangan seninya dan kehebatan kemahirannya. Penglibatan sosialnya, tema-temanya, perwatakannya, bahasa dan stylinya berserta dengan penggunaan disiplin-disiplin bantu seperti psikologi, sosiologi, sejarah, falsafah dan keagamaan menjadikannya sebagai penulis Malaysia moden yang berwibawa.

Demikian, kita melihat karya-karya Shahnon Ahmad yang menggambarkan perubahan-perubahan dalam masyarakat Melayu. Dengan secara langsung, dia menumpukan perhatian kepada peristiwa-peristiwa dan perasaan manusianya lalu mengubahkannya, melalui kreativiti imaginasinya, untuk menjadikan sebuah karya sastera. Dia amat ghairah menimbulkan isu-isu kesedaran kebangsaan, pembangunan negara dan identiti bangsanya. Dengan mendedahkan masalah-masalah masyarakat semasa, dia ingin mengajak para pembaca untuk menyelesaikannya sebagai tanggungjawab moral dan sosial mereka. Dalam karya-karya terbaunya, dia secara jelas dan eksplisit memperlihatkan satu penglibatan peribadi dalam usaha-usaha penerapan nilai-nilai Islam dalam kesusasteraan.

Shahnon dapat dianggap sebagai penganalisis masyarakat dan pengarang kerana tanggungjawab sosialnya yang sentiasa berkesinambungan melalui seluruh karyanya. Dalam pembicaraan sosial, dia amat peka dengan perubahan-perubahan masyarakat dan karya-karyanya mencerminkan perubahan-perubahan tersebut. Sebagai pengarang, dia merasa terlibat terus untuk menjadikan kesusasteraan sebagai agen perubahan dan dia menulis "kerana Allah dan berhikmah untuk manusia".

Daripada persepsi dan sensitiviti inilah Shahnon terus-menerus

menghasilkan karya-karyanya dari tahun 1956 hingga 1989 ini bermula dengan cerpen-cerpen yang ringan terus kepada masalah desa dan kota; ke dalam satu era penulisan novel-novel pergolakan; hinggalah ke kemuncak perbicaraan hubungan manusia dengan Allah Azzawajalla.

Karya Shahnon yang terbaharu yang dihasilkan pada tahun 1988 ialah *Tunggul-Tunggul Gerigis*. Kalau novel *Seluang Menodak Baung* membicarakan tentang kemiskinan Baling, maka novel *Tunggul-Tunggul Gerigis* adalah berilhamkan peristiwa berdarah Memali. Kalau novel *Al-Syiqaq I* menjelaskan sejarah dari Poseng, Pattani hingga ke Selarung Batang di Kedah, maka novel *Tunggul-Tunggul Gerigis* ini menyambung sejarah tersebut di tempat yang bernama Poseng juga, tetapi di negeri Kedah.

Novel *Tunggul-Tunggul Gerigis* membicarakan tentang pergolakan kepimpinan Melayu dan Islam yang pada satu pihak berjuang berlandaskan semangat nasionalisme dan pada satu pihak lagi lebih universal kefahaman Islamnya. Hal kepimpinan ini pernah ditimbulkan oleh Shahnon Ahmad dalam novel-novelnya dulu terutama sekali dalam *Seluang Menodak Baung*.

Dua pihak yang bertentangan itu berpunca daripada masjid Poseng yang usang. Ini bertentangan pula dengan kewujudan sebuah syarikat balak yang bernama Merbau Holdings. Dua institusi ini melambangkan dua gejala spiritualisme dan materialisme yang dimalkan oleh dua golongan manusia.

Imam Itam dengan anak buahnya hidup dalam suasana "zuuq tahap tinggi" selepas dia dipecat daripada jawatan imam oleh pihak "kuku besi dan gigi besi" yang "cepat sangat merasai diri begitu kurus dan bersih sedangkan orang lain itu hanya najis dan anjing yang tak boleh disentuh". Pergolakan di Poseng tetap berlanjutan di antara puak yang mungkar dan puak yang makruf.

Akhirnya meletuslah satu pertentangan fizikal yang dahsyat di antara puak-puak itu. Pihak yang berkuasa menyerang pihak Imam Itam dan anak buahnya dengan buldozer di tengah-tengah keasyikan ratiban dan zikrillah. Masjid Poseng dan buminya akhirnya roboh, hancur dan ranap juga. Tetapi roh para alim ulama yang "zuuq" itu tetap hidup dan bersemarak menghadapi kemungkaran yang berterus-terusan.

Begitulah kuatnya mesej novel *Tunggul-Tunggul Gerigis* yang

#### PERBINCANGAN KARYA

melambangkan kepimpinan politik yang rapuh selepas *Seluang Menodak Baung* yang melambangkan nada protes terhadap kepimpinan politik sebelumnya.

## BAB EMPAT

# PETIKAN KARYA POPULAR

DALAM bab ini, kita meneliti petikan-petikan karya fiksyen Shahnon Ahmad dalam bentuk cerpen dan novel yang popular. Petikan-petikan karya ini bertujuan untuk melihat kekuatan Shahnon dalam berbagai-bagai aspek, misalnya: gambaran latar, gambaran perwatakan, gambaran peristiwa, gambaran konflik, gambaran suasana, pendalamian tema dan kekuatan mesejnya. Gambaran-gambaran itu adalah melalui teknik yang sangat-sangat diberi perhatian oleh pengarang, iaitu bahasa dan stil.

Dalam bab ini kita mulakan dengan petikan-petikan daripada cerpen-cerpen pilihan dan diikuti dengan petikan-petikan daripada novel-novel pilihan yang popular karangan Shahnon Ahmad.

### Petikan-petikan Cerpen

Di bawah ini diberi petikan-petikan daripada cerpen-cerpen Shahnon Ahmad. Oleh sebab cerpennya banyak iaitu tidak kurang daripada 80 buah cerpen, maka petikan-petikannya diambil dari pada antologi-antologi *Debu Merah* dan *Selesai Sudah* sahaja.

Dalam antologi *Debu Merah* terdapat 19 buah cerpen. Di antara yang popular ialah seperti "Di Tengah Keluarga", "Gelungnya Terpokah", "Kahwin Kerekot Tiga Tiga" dan "Bapa". Di bawah ini diberi petikan-petikan daripada cerpen-cerpen tersebut.

#### "Di Tengah Keluarga":

Lagi-lagi ayah berselisih faham dengan abang. Sekarang pun muka masing-masing masih menebal. Tak siapa yang

hendak mengangkat bendera putih; baik ayah, baik abang. Ayah sudah sememangnya begitu. Ibu sering memberitahu ku tentang kedegilan ayah semasa muda dahulu. Dia berkepala batu, pantang menyerah walaupun pihaknya betul-betul bersalah. Lebih-lebih lagi keadaan sekarang ini: anak sendiri yang memusuhi dia. Sampai mati pun ayah tak akan tunduk. Abang pun hampir-hampir sama perangainya dengan ayah: degil dan berkepala batu. Bengkok batang bengkoklah bayangnya, kata orang tua-tua. Dan untuk mendamaikan perselisihan antara dua manusia yang berkepala batu adalah suatu perkara yang betul-betul rumit; lebih rumit daripada mendamaikan dua buah benua besar yang sedang gelut bertempur. Apalagi orang yang bersangkutan itu ayah dan abangku sendiri.

Aku terlibat dalam angkara ini sebagai orang tengah; ke kiri pun tidak ke kanan pun tidak. Susah betul hendak memikirkannya.

#### "Gelungnya Terpokah":

Matahari nyaris-nyaris tenggelam di kala Jusoh melucutkan cakuk tenggala teras nangka dari tengkuk kerbau bertanduk songsangnya. Kerbau gagah itu membedal-bedalkan kedua telinganya tanda kelegaan. Sehari suntuk membahang. Petak satu-satu itu menelan tiga pagi tiga petang. Tanahnya masih utuh dan berbongok-bongok. Kadang-kadang mata tenggal tertonyoh perdu jerami yang masih belum reput. Tak hairanlah kalau ia banyak menelan tenaga: tenaga Jusoh yang beranak tujuh dan tenaga kerbau besar yang bertanduk songsang. Kini cincung semua. Jusoh tepuk punggung kerbaunya sekali. Kerbau itu bergerak kegelian sambil sebelah kaki belakangnya mengodek-ngodek belulang perut. Gatal. Dibiar kerbau itu meliar berhampiran agar sempat meragut-ragut rumput-rumput bulu landak jarang-jarang yang tercacak di permataang. Jusoh menyentak cangkul bermata buayanya serta dilambung hulunya ke atas bahu yang kejap dan berkematu itu. Dan dengan kasar melangkah ke atas permataang bahagian bawah. Malam ini air wajib digenangi. Permataang yang tembus mesti dikambus. Lubang-lubang ketam mesti disumbat. Gelung yang terkangkang luas itu mesti diasak erat-erat dengan ketul-ketul tanah liat. Biar petak itu digenangi air sekurang-kurangnya dua hari dua malam. Biar tanah tunggang-langgang yang baru ditenggala itu diresapi air. Rumput-rumputnya akan terus kecut dan masam. Tanah-tanah yang keras pasti lemah semangat. Perdu-perdu jerami pasti hancur. Air akan mengerjakan semuanya, fikir Jusoh. Membongkok-

bongkok ia sepanjang permatang itu meneliti kebocoran. Yang bersua dihenyak-henyak dengan tumit kaki yang beretak scribu itu. Sampai di gelung yang terpokah hampir-hampir sehasta anak-anak itu dikambus dan dipijak-pijak. Dan tak puas dengan pijakan itu ditumbuk-tumbuk dengan hulu cangkul bercap buayanya. Sendat dan ketat macam permatang semula jadi. Permatang di bahagian bawah tak ada lagi yang berlubang. Melarikan pula ia ke permatang bahagian atas. Gelung yang berlurah sebesar takuk di batang kepala itu diperluas hingga ternganga macam mulut buaya kejemuran. Ganas air mengalir masuk ke petaknya. Berkuak-kuak macam air paip pecah di jalan raya tengah kota serba kelam-kabut. Beberapa saat kedua mata Jusoh tertuju pada air yang tersembur-sembur itu. Semalam suntuk ia mengalir masuk petak. Besok paginya petak itu akan memutih dengan air. Dan akan terus menakung selama dua hari. Hari ketiga akan dibuka gelung bahagian bawah semula. Kemudian disisir. Kemudian ditanam. Bukankah anak semainya sudah berusia lima puluh hari. Terbayang di mata Jusoh yang beranak tujuh, petaknya kali ini akan menjadi petak yang paling tersubur. Padinya lebat. Dan besar-besar pula bijinya. Dan anaknya yang tujuh orang itu bukan saja tidak kebuluran tapi juga dapat makan nasi tiga kali sehari ... pagi, tengah hari dan malam. Dan dengan itu dia berjalan hala ke kerbau bertanduk songsangnya yang sedang meragut rumput jarang-jarang di permatang. Disentaknya jerat. Diheretnya pulang. Gagah kedua-dua itu mengatur langkah bagaikan berbangga besar. Kerja sudah beres. Malam itu kerbau bertanduk songsangnya akan mengeruh hingga ke subuh. Dan Jusoh sendiri sedar tentang kelesuan tenaganya. Sudah pasti tidur macam batang pisang. Hampir masuk isyak baru sudah mandi dan menambat kerbau di kandang.

### “Kahwin Kerekot Tiga Tiga”.

Kegamatan sekonyong-konyong lenyap, yang tertangkap kупing hanya bunyi biji loto berlompatan dalam takar; tak ubah macam anak-anak seluang segar bergelumpuran mencari gelung keluar dari nadi buluh dinding berumpan anai-anai itu. Jasad juara kocak menggeletar. Kedua-dua biji mata hitamnya berkisar-kisar mengikuti lengkok takat di tangannya. Dan tiba-tiba terloncat keluar dua biji loto ke atas papan berbulu.

“Bujang sanggul lintang .... lapan,” laungnya. Dan laungan itu disambut dengan pekikan dari keempat-empat sudut kamar itu. Seorang dua terlonjak-lonjak macam kongkang dapat canggung. Seorang dua lagi tersengih-sengih memamerkan gigi lintang-pukang. Dan ada pula seorang dua

yang lain tergedik-gedik seperti mempelai dirasuk syaitan.

Semaun tidak berganjak dari sarangnya. Lidahnya kelu. Tangan kanannya mencekak dahi. Dan bila tangan itu terasa basah, diubahnya ke punggung. Dilari-larikan tapak tangannya di atas kain yang membungkus punggungnya. Dan kembali semula tangan itu mencekak dahi. Sesudah lama dia menunggu nombor kahwin kerekot tiga, tiga, tapi kahwin kerekot tiga tiga tak pernah melompat keluar dari takar juar kocak.

Kalau kahwin kerekot tiba-tiba muncul, Semaun rasa dia mahu menamatkan saja permainan malam itu. Sia-sia kalau terus menunggu lagi. Dalam kepalanya terlukis raut muka Mak Embah, bininya. Kadangkala raut muka yang terlukis itu berubah menjadi raut muka Si Deris, anaknya. Tentu kini sedang bertinggung di muka pintu menunggu kepulangannya. Tapi bagaimana boleh kaki melangkah keluar dari kamar serba gamat itu kalau kahwin kerekot tidak lompat keluar dari takar juara kocak. Kantung Semaun sudah kempis. Sisanya tak ada satu sen pun. Dan Semaun pantang bertengkar dengan Mak Embah di tengah-tengah malam buta. Dia malu kepada dunia.

"Bapa":

Paman Jana meninggal dunia.

Berita murung ini tiba ke telinga kami seminggu sebelum konfrontasi melalui secebis surat dari Paman Jael, adik bapaku yang termuda. Begitu sekali menyayat berita keluarga dari seberang lautan itu hingga keduanya belah mata bapaku manganak sungai.

Kami seisi gubuk yang belum pernah menatap raut muka Paman Jana itu pun turut tersedu-sedu.

Suasana gubuk kami yang sekian tahun redup itu melipat ganda keredupannya bagaikan sebuah punjung di pinggir huma di tengah-tengah rimba, dan seperti lazimnya bila kisah keluarga menjelma, bapa menghidupkan semula kenangan-kenangan lamanya.

"Pamanmu mati akibat banyak membuang tenaga," kata bapa memecah keredupan suasana di tengah-tengah sedu-sedannya. "Cuba dengar apa kata surat Paman Jael: Dia dihenyak tong karet waktu memikulnya dari Belawan ke gudang, hidup sungguh kejam."

Dan kedua belah mata bapaku kembali manganak sungai, dia mengesat air di lurah-lurah pipinya yang serba lusuh itu dengan tapak tangan seribu retaknya.

Dan titik-titik air bertakung dalam lopak-lopak kecil di tapak tangan itu dibiarkannya disedut sinar matahari yang menembusi dinding pelupuh gubuk kami.

"Paman Jana kau bukan seperti aku," sambung bapa, "orangnya kurus, tulang dadanya menonjol-nonjol, otot-otot di betisnya timbul macam akar pinang, lima tahun dia menarik beca di Kota Medan. Dan waktu aku hendak pindah ke mari dulu, dengan becanyalah dia menghantar aku ke tongkang di sana. Kini dia sudah mati. Dia sudah meninggal dunia! Sudah mati! Sudah mati! Mati ditindih tong karet kepunyaan orang lain."

Keharuan bapa memuncak, dadanya sebak, abang menerpa sambil memiciti-micit bahu bapa. Ibu bingkas berlari ke kamar mengambil minyak urut lalu dada bapa diurut-urutnya turun naik.

"Sabar," Kedengaran suara ibu menasihati bapa. "Hidup lawannya mati."

Dada bapa yang lusuh itu terus diurut-urutnya. Abang tidak berhenti-henti memiciti-micit bahu. Sekali-kali dia menetak belakang bapa dengan belakang tangannya supaya urat cekang, kelihatan menggancing-ngancing gigi dan memencung-mencung dahinya mengumpul tenaga. "Aku mesti pulang ke Deli." Tiba-tiba tercetus suara keluar dari mulut bapa.

"Anak Jana akan mati kebuluran, mereka harus dibawa ke gubuk kita. Biah juga berada dalam kemiskinan. Bawa tongkatku ke mari! Ah! Sudah sembilan tahun merdeka masih juga kebuluran."

Dalam antologi *Selesai Sudah*, terdapat 11 buah cerpen yang dihasilkan dengan menggunakan teknik arus kesedaran. Di antara cerpen yang popular ialah: "Kalau Ibu Sampai Takah Tiga", "Lagu Kitkitkit" dan "Kelapa Nan Sebatang". Lihat petikan-petikan daripada cerpen-cerpen tersebut:

#### "Kalau Ibu Sampai Takah Tiga":

Kalau sudah begitu kata adik, elok sangat. Lagipun, susah. Beginilah. Begitulah.

Hendak turun tangga kayu kupas pun bukan senang. Tergeleeh saja orang atas, orang bawah tergeleeh sama. Jatuhlah ibu.

Usungan pun mesti dibuat. Dan hendak mengusung pula lagi satu hal. Tambah-tambah sekarang ini musim lekah. Batas bendang banyak yang pecah. Terpokah gelungnya entah sedepa entah dua. Ibu tentu lebih tenat kalau terpaksa diusung dari rumah kita ke jalan raya. Di jalan raya kena pula tunggu prebet sewa.

Lagipun adik-beradik kita semua sekampung bukan boleh tunggu di rumah sakit. Adik-beradik kita semuanya kena balik. Tinggallah ibu seorang terkatung-katung di sana.

Tanya ibu sendiri pun, kalau ibu masih boleh bercakap, tentu dia tidak mahu. Tanya kaum keluarga kita pun tentu mereka tidak suka.

Elok sangatlah kata adik itu. Kalau umur panjang, ibu sembah di rumah kita. Kalau umur pendek, ibu meninggal di rumah kita.

Terserah kepada Allah yang Maha Esa. Cakap orang apalah ada. Yang fardu cakap kita. Cakap anak buah kaum keluarga kita. Kalau kata mereka tak usah bawa ke rumah sakit, tak usahlah bawa. Kalau kata mereka balas ubat akar kayu Tok Kenali, balaslah. Sekali makan tak mujarab, balas lagi. Dua kali pun tak mujarab, balas lagi.

Tentang Tok Kenali itu apalah yang adik segan-segan. Kalau tiga empat kali balas ubatnya, tidak juga ibu berubah, katakan. Katakan terus terang kepada Tok Kenali. Dia pun lebih maklum. Minta nasihat dia. Kalau Tok Kenali kata pergi ambil Bomoh Udeng Batang Besar, pergila ambil. Kalau Tok Kenali kata pergi ambil Useng Kapak Api, pergila ambil. Kalau Tok Kenali kata pergi ambil Bomoh Saad Cik Awang Teh di Durian Burung, pergila ambil walaupun Durian Burung jauh. Minta tolong Kaseng. Minta tolong Kitol. Minta tolong Cik Awang Dollah.

Kalau tak mujarab juga, barulah baca Yasin. Tapi ubat-ubat jangan buang. Air tawar dalam geluk biar ada di kepala ibu selalu. Senang dititik dengan ekor sirih ke bibirnya. Sirih pinang semburlah selalu. Sekali ambil bomoh baru, sekalilah tukar kemenyan. Sekalilah tukar air geluk. Sekalilah tukar piak pinang. Dan pekerasnya janganlah lupa."

#### "Lagu Kitkitkit":

Montel melonjak-lonjak riang; seriang maut. Matanya suci. Dan rambut halus jarangnya beriaik bersama-sama hati kudus.

Pagi cukup baik. "Mak! Orang datang lagi." Mak terkedang di atas tikar dalam bilik. Kedua belah mata tertutup rapat. Dia tersenyum. "Mak! Mak! Orang datang lagi." Montel melonjak-lonjak; lari masuk bilik, berlutut di sisi Mak dan mulut kecilnya dipendap ke telinga Mak.

Mak tidak membuka mata. Mak tersenyum. Mak hanya boleh tersenyum. Montel koyak kelopak mata kiri Mak. Pucat mata itu berurat hijau; berbatas, bercabang, beranting.

"Mak! Itu dah orang datang." Mak hanya tersenyum. Mak

hanya boleh tersenyum. Montel bingkas berdiri melompat tiga kali, lari ke tingkap, menjenguk keluar, menggamit-gamit, lari keluar bilik, melonjak-lonjak lagi ke pintu depan, terjun ke atas beranda, duduk kukuh-kukuh di tengah-tengah anak tangga atas.

Para tamu tiba. Entah empat entah lima. Mereka melangkah naik tangga. Seorang usap kepala Montel. Seorang cubit pipi Montel. Seorang tepuk ubun-ubun lembut Montel. Seorang dua lagi cuma pandang wajah Montel yang riang gembira. "Mak ada dalam." Para tamu angguk-angguk, melihat sama sendiri, tunduk dan berjalan jengket-jengket masuk rumah dan terus ke bilik.

Hari mula meninggi. Dalam bilik. Mak terkedang atas tikar. Dia hanya tersenyum. Montel bingkas berdiri melonjak keriangan. Tentu ada lagi orang datang. Kali ini biar dia cuba duduk di tepi anak tangga; bukan di tengah anak tangga. Ataupun dia turun ke tanah pura-pura sekat orang datang. Dia boleh depa tangan. Dia akan beritahu mereka Mak ada dalam.

Dia melompat masuk bilik. "Mak sakit! Mak sakit! Kitkitkit. Kitkit." Montel berjalan cepat-cepat depan tetamu yang baru datang dan terus tidur sebantal dengan Maknya yang terkedang atas tikar. Montel dakap Maknya. Kemudian Montel guling badannya ke atas badan Mak; jatuh sebelah sana.

Mak angkat tangan sedikit. Mak buka mata sedikit. Mak senyum sedikit. Montel kapuk Maknya erat-erat. "Mak sakit! Mak sakit! Kitkit kit kit kit." Seorang tetamu bangun berjalan perlahan-lahan hala ke kaki Mak. Dia gamit Montel. Montel bingkas berdiri, melonjak-lonjak, melangkah dada Mak yang terkedang, disambut oleh seorang tetamu lain. "Mak sakit! Kitkitkit. Kit kit." Para tetamu pandang-memandang, tunduk kejip-kejip mata."

#### "Kelapa Nan Sebatang":

Batang kelapa itu tumbang melintang arus. Pucuknya tersembam di tebing seberang. Patah. Terkobak kulit muda, berkecaci umbut-umbut, berlipat-lipatan mayang-mayang. Dan buah-buah – tak kira tua tak kira dara – terpelanting berselerak bersepah.

Beberapa detik batang yang melintang sungai itu terbedan terkial kecekangan. Jauh di atasnya berjuntaian ranting-ranting buluh berdaun hijau bugar, burung-burung berciapan penuh kegirangan dan langit biru cerah bertompok-tompok awan-awan yang indah permai.

Di bawahnya terhampar arus keruh yang deras mengalir

mengiringi sampah-sampah busuk, lumut-lumut berselut, bangkai kembung berumutan ulat, tin-tin kosong berkarat dan maut.

Wak Da berdiri terhinggut-hinggut di antaranya – di antara kehidupan yang maha segar-bugar di langit biru dengan kemautan yang ngeri sepanjang detik di dasar sungai. Kakinya terketar-ketar memijak perdu kelapa yang terbokeh menonjol seribu akar berbalutan tanah merah.

Dia mendongak cuba menjangkau awan yang indah permai itu. Memang langit biru memberi harapan kukuh padanya; ditokok lagi dengan kesegar-bugaran daun-daun buluh hijau tua yang bergamitan di atas kepala. Tenaganya cepat terkumpul. Dia berdiri tegak memegang urat betis yang berbatas sambil kedua-dua belah tangannya mencekak guni kosong. Paling tidak guni itu akan terisi beras juga. Paling tidak sekerat guni. Mungkin lebih. Rezekinya tak pernah lokek. Anak-anak desa di seberang selama ini memang cukup murah hati. Pulangnya tak pernah lenggang kosong. Setiap rumah sekepul. Ada pula yang secupak; malah pernah waktu habis mengetam dulu, sebuah rumah sedekah secupak lebih bahagian baru.

“Langkah Wak! Langkah!” Sudah ada budak-budak di seberang sana mencabarnya. Pagi masih awal. “Langkah Wak! Langkah!” Mereka bertolak-tolakan, melontar kelapa-kelapa dara ke dalam sungai yang berarus deras, memamah-mamah umbut. Seorang sudah berjalan menimbang-nimbang badan di atas batang kelapa melintang hingga ke tengah. Ada yang sudah pun duduk tercelapak di atas batang sambil mengodek-ngodek jari bila bertampan air keruh. Dekat dengan yang tercelapak kukuh ada pula seorang sengaja mendepa tangan kedua-dua belah, berdiri atas sebelah kaki dan melonjak-lonjak. Yang terdekat dengan Wak Da asyik merangkak-rangkak menghulur punggung dulu bagaikan sekor kakas meniti dahan durian. “Langkah Wak! Langkah!” “Horec! Langkah Wak! Langkah!”

Pada peringkat penghasilan karya-karya sastera Islam, Shahnnon memulakannya dengan penulisan cerpen. Salah satu cerpen yang membawa nada Islam ialah “Mayat dan Keluarga”. Cerpen ini menimbulkan suasana hening dan kudus ketika manusia menghadapi maut. Lihatlah sebahagian daripada cerpen tersebut.

Haji Ahmad meninggal dunia. Pagi dingin seperti biasa. Kabus tipis menyelubungi setiap lekuk dan penjuru daerah. Malamnya bulan mengambang bulat. Burung-burung

tukang galak berdekang-dekang sepanjang malam bagaikan tak sudah-sudah "memahat keranda". Para jemaah subuh sujud mendekati Allah jua.

Kecuali Azad, Zakuhan dan Fauzana, seluruh anak cucu yang lain berada di sisi waktu Haji Ahmad menutup mata. Hajah Jiwahir menyentuh belakang suaminya Haji Solih bila saja melihat wajah mentua benar-benar berubah. Mengejut Haji Soleh berhenti setakat *salamun qaulam mirrabirrahim*. Hawadah tersentak juga bila terdengar suara ayah terhenti. Dia cepat-cepat mengena noktah. Fauzan yang bersila di hujung kaki neneknya bingkas berdiri dan masuk bilik mengejutkan emak dan bapa yang baru saja tidur. Husin terkapa-kapa bangun, mengenakan pijamanya yang berjalur-jalur besar dan terus melangkah ke luar, diikuti isterinya Dasimah. Tapi bila terasa kepalanya tidak tertutup, kedua-dua patah kembali. Husin lantas kenakan songkok hitam baldu yang baru dan Dasimah pula dengan kain tudungnya. Dan waktu kedua mereka mendekati mayat orang tua itu hampir seluruh anggota keluarga sudah ada di sekeling, dan semua itu maklum. Azad, Zakuhan dan Fauzana cuma yang tidak ada.

Seketika sepi menangkap suasana kecuali diselangi dengan kokok ayam yang berculang-caling. Burung-burung tukang sudah lama berhenti "memahat keranda". Tiba-tiba terdengar suara membaca *Al-Quran* di sebelah; diikuti lagi oleh suara lain. Merdu dan nyaman suara itu bertelingkah dengan kokok ayam yang berculang-caling.

Salmah seisi keluarga berceratuk mengelilingi arwah kecuali Elf yang masih nyenyak di atas riba emaknya dan Buang yang kukuh bersila di penjuru, yang lain teresak-esak. Naelah dan Zalilah menyondol-nyondol pinggang nenek mereka, Hajah Kalsum. Esakan itu tiba-tiba ditingkah oleh tangisan yang agak menjadi-jadi dan tidak terduga. Dan tangisan itu tibanya daripada Husin sendiri—anak sulung Allahyarham. Dia menyembamkan mukanya ke atas tilam di hujung kepala mayat sambil kedua-dua belah tangan ramas-meramas. Melihat telatah suaminya, Dasimah juga turut menangis serta menggabus matanya dengan kain tudung. Fauzan menghampiri kedua-dua orang tuanya cuba memujuk, tapi tangisan terus juga terkial-kial.

### Petikan-petikan Novel

Daripada novel *Rentong* (1965), Shahnon melukiskan perwatakan Pak Senik, Ketua Kampung Banggul Derdap yang sangat faham

tentang anak buahnya:

...“Aku hafal setiap bucu dalam Banggul Derdap ini. Siapa baik, siapa jahat. Orang jahat aku boleh humban dalam jel. Tapi aku tak mau. Aku tak suka memaksa orang. Aku tak mau menyeksa orang. Aku suka hidup aman. Anak-anak Kampung Banggul Derdap ini semua anak buahku, termasuk Pak Kasa dan anaknya Semaun.”

(hlm 9)

Pak Senik meminta supaya orang-orang kampung faham tentang Pak Kasa. Dia memberi hujahnya:

“Pak Kasa bukan punca keganasan itu. Semaun belum tentu menakik keting lembu. Cuma kita menuduhnya. Kalaupun ya, dia pun bukan punca percaduhan. Yang bertanggungjawab ialah keadaan mereka. Mereka tak pernah bergaul dengan orang. Mereka tak pernah muafakat dengan orang. Hal-hal luar tak pernah diambil tahu. Mereka hanya tahu keadaan di rumah mereka. Dan kitalah wajib menyedarkan Pak Kasa sekeluarga itu.”

(hlm 10)

Pak Senik mempunyai cara untuk berdepan dengan keluarga Pak Kasa:

Dia harus memikir cara-cara memujuk Pak Kasa dan Semaun. Dia mesti pergi ke rumah Pak Kasa. Sebuas-buas manusia dia tidak akan menakik kepala manusia dengan tak bersebab. Pak Kasa bukan binatang. Mereka ada otak. Mereka ada hati perut. Dan manusia yang ada otak dan hati perut tidak akan bersikap semberono. Tidak akan bersikap kerbau jantan terluka. Ini dipercaya oleh Pak Senik. Dan dengan kepercayaan itulah dia sanggup memegang peranan pemujuk itu.

(hlm 18-19)

Apabila berdepan dengan Pak Kasa, Pak Senik memberi hujah tentang perubahan dan kemajuan zaman sekarang:

“Mereka tidak tahu. Tuk nenek kita semuanya pekak-pekkak. Sekarang bukan zaman tuk nenek moyang lagi. Sekarang bukan zaman orang putih. Sekarang kita sudah merdeka. Kita perintah diri kita sendiri. Dan kitalah mesti menolong diri kita sendiri.”

(hlm 39-40)

Pak Senik berani mencabar dan memarahi Dogol yang selama ini menjadi orang harapannya:

"Kerana kau tidak bersikap adil. Aku serah tugas pada kau suruh bahagikan lembu-lembu itu sama rata. Pada Semaun sekor pun kau tak beri. Pasal?"

Pak Senik jarang-jarang bersikap begitu. Anginnya sukar dinaiki. Dolah dan ibunya yang berada dalam rumah nampak gelisah; gelisah kalau-kalau terjadi sesuatu antara Dogol dengan Pak Senik.

"Kerana Semaun bersikap ganas."

"Dia tidak ganas."

"Dia ganas."

"Tidak ganas."

"Ganas."

"Kau yang mengganaskan. Kau yang ganas. Bukan Semaun."

(hlm 72)

Dalam menghadapi masalah, Pak Senik berpendirian tegas:

Dia sedar dia berdiri di atas kebenaran. Sikapnya yang lembut dan menyerah kalah terhadap Semaun itu berfaedah besar. Dia juga sedar bahawa tindak-tanduknya itu tidak akan diingini oleh Dogol, Jusuh, Lebai Debasa dan anak-anak buahnya yang lain. Tetapi kebenaran adalah kebenaran. Kebenaran adalah kemenangan. Dan Pak Senik sanggup berada di pihak kemenangan meskipun dia tidak disukai oleh anak buahnya.

(hlm 73)

Pak Senik mementingkan hujah, bukti dan lojik dalam menyelesaikan masalah tuduhan:

"Kita pergi mencari bangkai lembu itu," seru Pak Senik, "kita mesti tahu siapa bersalah dan siapa tidak bersalah. Kalau tak ada bangkai rumah Semaun ini kita bakar. Kita bakar sampai rentong."

Akhirnya Pak Senik merasa bahagia di atas segala usahanya menyelesaikan masalah dan membuat keputusan:

Ketenteraman membawa kebahagiaan. Dan dalam ketenteraman banyak rancangan boleh dijalankan. Pak Senik tidak suka rancangan menanam dua kali setahun itu tergendala akibat ketidaksesfahaman antara Semaun dan Dogol semata-

mata. Semaun kini pasti akan menurut telunjuknya. Lapanglah dada Pak Senik kalau telunjuknya itu juga dituruti oleh Dogol. Pak Senik hanya ingin pada keamanan. Dia rasa bila mencapai keamanan tugasnya telah terlaksana. Dan bila tugas telah terlaksana Pak Senik sanggup menemui maut dengan segala senang hati.

(hlm 104)

Pak Senik berasa optimis terhadap masa depan anak-anak buahnya:

Tak ada lagi penduduk-penduduk kampung yang merendamkan dendam antara satu sama lain. Semaun sekarang sudah berubah. Meskipun perhubungan dengan seluruh penduduk belum begitu mesra, Pak Senik sudah meyakini semuanya. Dia akan berusaha mengembalikan ketenteraman di kampung. Ketenteraman sajalah yang akan menjayakan segala rancangan yang tersimpan dalam kepalanya.

(hlm 114–115)

Dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966), kita melihat banyak gambaran suasana yang dilukiskan oleh Shahnon.

Lihat bagaimana pengarang menggambarkan suasana riang ketika Lahuma dan Jeha berbual. Jeha berkata:

“Itu apa? Itu apa? Yang tujuh orang itu apa? Busuk-busuk rambut ini pun kau kerabat juga siang malam. Busuk-busuk rambut ini pun dapat juga anak tujuh orang.”

(hlm 6)

Lahuma menjawab:

“Sekurang-kurangnya nasi serindit itu sedang masuk hidung juga. Lebih sedap dari bau hangit rambut kau.”

(hlm 6)

Lihat pula bagaimana gambaran khusyuk dan tawaduknya Lahuma ketika memohon doa:

“Oh Tuhan yang Maha Besar yang Maha Agung. Benarkan aku mula bekerja esok dan biarlah selama itu aku dilindungi oleh-Mu. Jauhkan aku daripada segala bencana alam, daripada segala penyakit, daripada lipan-lipan dan ular-ular dan kala jengking yang bisa-bisa. Singkirkan segala banjir yang besar yang boleh melimpah padiku. Singkirkan kemarau panjang yang mengeringkan tanah bendangku. Jauhkan segala

malapetaka yang menghalang kami. Jauhkan segala ketam-ketam putih yang mematahkan anak-anak padi kami selama ini. Jauhkan segala ribut dan taufan. Jauhkan dari tikus dan babi dan juga manusia-manusia yang mencuri padi kami. Lanjutkanlah usia aku, biniku Jeha dan anak-anakku Sanah, Milah, Jenab, Semek, Liah, Lebar dan Kiah. Jauhkanlah kami dari segala malapetaka."

(hlm 10)

Kemudian, lihat bagaimana gambaran hubungan erat Lahuma dan keluarga dengan padi, sawah dan bendang:

Lumpur dan lintah dan matahari dan hujan tak dapat dipisahkan dari kehidupannya dan kehidupan anak bininya turun-temurun. Lahuma hidup dari lumpur. Jeha hidup dari lumpur. Sanah hidup dari lumpur. Milah hidup dari lumpur. Jenab hidup dari lumpur. Semek hidup dari lumpur. Liah hidup dari lumpur. Lebar hidup dari lumpur. Dan Kiah pun hidup dari lumpur juga. Lambat bangat Sanah dan Milah akan ke sawah juga. Bila jadi bini orang Sanah dan Milah akan berlumpur dan berlintah kerbau juga. Hal itu tidak boleh dielakkan. Mereka tidak boleh tinggal di rumah menanak nasi dan mencari kutu di kepala bendul saja. Sejak datuk nenek dulu lagi lumpur dan lintah dan matahari dan hujan telah menguasai kehidupan keturunan Lahuma. Tak ada lain jalan untuk menyambung hidup ini.

(hlm 36)

Cuba lihat bagaimana gambaran Lahuma jatuh di tengah sawah seperti yang dilihat oleh Jeha:

Tiba-tiba pandangannya melompat ke arah Lahuma kembali. Lakinya berhenti mengayun tajak. Nampak dari tingkap rumahnya itu bagaikan Lahuma sedang menari sebelah kaki sedang kakinya yang sebelah lagi diampu dengan kedua belah tangan. Kemudian Lahuma jatuh ke dalam air. Nampak sedikit air mercik ke atas akibat kejatuhan itu. Kemudian nampak Sanah berhenti menajak. Dia lari ke arah bapanya. Kemudian Milah pun berhenti dan lari ke arah Lahuma yang terjatuh. Mereka memanggil sesuatu dan panggilan itu sayup-sayup ditangkap oleh Jeha yang berada di tingkap.

(hlm 55)

Ini gambaran kegigihan Lahuma:

Besok akan turun juga, fikir Lahuma lagi. Biar kakinya

sakit. Biar bengkaknya menanah hingga bosan. Lebih sakit daripada itu dia boleh tahan. Biar bengkaknya mlarat hingga tertampang jantung. Tuhan itu adil. Dia tahu siapa perlu hidup, siapa perlu mati. Aku akan turun ke sawah juga besok, fikirnya lagi. Dan di antara sawah dengan maut. Lahuma mulai serba salah. Tak turun ke sawah bererti kelaparan kesudahannya. Anak-pinaknya hendak makan. Sawah tidak boleh diabaikan walau bengkak sebesar busut jantan sekalipun.

(hlm 66)

Ini pula gambaran seksanya Lahuma menanggung derita penyakitnya:

Dan Lahuma di rumah jelas kelihatan bertambah banyak bengkaknya. Dan bengkak itu sekarang sudah setengah tubuh bahagian bawah. Dia tidak lagi sanggup mengheret tubuhnya ke tingkap. Jenab dan Semek tidak ke sekolah lagi. Bapanya mandi di tempat tidur. Berak di tempat tidur. Makan di tempat tidur. Tapi Jeha turun juga ke sawah. Tak lama lagi selesailah menjak. Tapi Lahuma sudah tidak dapat bergerak lagi. Kini pandangannya cuma tertumpu ke bumbung rumah yang serba kaya dengan jelaga-jelaga dan sawang itu. Bendang di luar tidak dapat dijamah dengan mata lagi.

(hlm 83)

Bengkaknya telah masak betul. Seluruh tubuh menjadi besar. Pada awalnya bibir mulut Lahuma boleh lagi bergerak. Jeha cuba juga ceritakan tentang bendang dan padi. Tapi kini bibir itu telah terkunci. Giginya atas bawah terkancing. Jeha cuba memukah gigi itu tapi tersangat kejap terkancing. Makanan sudah lama tidak masuk ke dalam perut. Kini air sudah sukar hendak dihulur masuk. Dan bila muka Lahuma menjadi biru, Jeha baru memanggil jiran-jiran malam itu. Tapi kedatangan mereka cuma untuk membaca surah-surah *Yasin* saja. Busung itu hanya menunggu ketika akan pecah. Tak ada jalan lain lagi untuk mengendurkan busung sebesar itu.

(hlm 85 – 86)

Akhirnya kita lihat bagaimana Jeha melihat kebanjiran sawahnya di tengah-tengah kegilaannya:

“Padiku! Padiku!”  
“Bah! Bah!”  
“Lahuma mana?”

"Lahuma bapamu mana?"

"Buka pagar ini."

"Buka pintu ini! Buka pintu ini! Padi kita akan rebah ditolak balak. Padi kita akan jahanam. Buka pintu ini. Buka! Buka pintu ini. Bapa kau mana? Mana Lahuma?"

(hlm 152 – 153)

Daripada novel *Terdedah* (1965), kita dapat melihat unsur-unsur psikologi atau kejiwaan yang dialami oleh watak Sharifah Shuhada. Dalam petikan-petikan ini, kita lihat kebanggaan dan kegilaan Sharifah Shuhada tentang darjat keturunannya, perbezaan statusnya dengan orang biasa, sikap, sifatnya dan cita-citanya.

Sharifah Shuhada cukup bangga dengan keturunannya:

Darjatnya sebagai berketurunan baik-baik mesti dijaga, meskipun dia sedar tentang usaha-usaha setengah-setengah golongan hendak membasmikan kasta-kasta dalam masyarakat sekarang, namun kepadanya itulah satu-satunya pusaka yang hendak dibanggakan. Hamid hanya orang biasa, orang biasa yang banyak menjadi rakyat negeri ini. Encik Adnan juga cuma orang biasa, orang kebanyakan dalam negeri ini. Yang membezakan mereka cuma sifat-sifat kelahiran. Kebatinan serupa sahaja. Darah Hamid tukang kebun dengan darah Encik Adnan wakil rakyat tidak ada perbezaan apa-apa. Sekuku beras pun tidak ada perbezaan. Tetapi darahnya dengan darah Encik Adnan memang tersangat jauh mutunya. Tersangat jauh susunan peringkatnya.

(hlm 4)

. Dia memang tidak ada perkiraan kepada orang-orang biasa yang menjadi nadi negara ini. Rakyat biasa cuma anjing-anjing sahaja. Anjing-anjing yang boleh dijinak dan disuruh-suruh apa sahaja. Anjing-anjing yang sanggup memungut tulang-tulang.

(hlm 28)

Apabila dahagakan nafsu seks, Sharifah Shuhada sanggup pula berpura-pura:

Meskipun ingatannya pada mutu darah dan darjah keturunan masih belum hilang tetapi kadang-kadang dirasainya terpaksa dibantah. Hidup kepura-puraan tidak salahnya. Manusia tidak boleh hidup terus-menerus

mempertahankan ideologinya. Kadang-kadang kepura-puraan juga membawa kemurniaan hidup.

(hlm 7)

Pada Sharifah Shuhada, perbezaan bukan sahaja pada darah dan keturunan malah perbezaan perlu ada pada alat-alat perkakas · kegunaan sehari-hari:

"Minta sediakan tangki!"

Tijah cepat-cepat meninggalkan tugasnya. Istilah "tangki" itu sebenarnya tidak tepat, tetapi Sharifah terlalu ingin menggunakannya. Istilah itu boleh membawa perbezaan yang besar juga. Ia menyebabkan perasaannya lebih besar. Ia menyebabkan nadinya berdenyut tenang. Ia boleh merendahkan darjah Tijah yang hanya layak mandi di bilik air yang kecil yang tidak ada tangkinya. Tangki yang besar memanjang itu hanya dibuat untuk menerima tubuh-tubuh yang separuh jinggang seperti tubuhnya sahaja. Hanya sanggup menerima tubuh-tubuh yang memiliki darah-darah yang bermutu sahaja.

(hlm 10)

Sharifah Shuhada mempunyai sikap dan sifat memandang rendah dan sinis terhadap ajaran agamanya:

Waktu di rumah Datuk Goh Eng Kong dahulu mereka begitu bergelut mengunyah daging ayam yang dikatakan disembelih oleh seorang lebai. Para tamu ketawa bila mendengar jaminan itu daripada mulut Datuk Goh Eng Kong sendiri. Sharifah Shuhada juga ketawa. Dan ketawa itu bukan pura-pura lagi. Dia sedar bagaimana setengah-setengah orang Melayu begitu pantang makan gulai ayam di rumah orang Cina. Sembelih atau tidak sembelih tidak ada perbezaannya. Ayam itu sudah tidak bernyawa lagi. Kemudian di rumah Setiausaha Negeri juga Sharifah Shuhada tidak dapat melupakannya. Tangannya ditarik ke sudut oleh Syed Mohsin dan diberinya gelas sejengkal tinggi. Ke dalam gelas itu dituangkan sejenis air berwarna hitam dan berbusa macam warna tahi besi berkarat.

(hlm 11)

Kadang-kadang Sharifah Shuhada berkonflik di antara memilih masa depan dan darah keturunan ketika berdamping dengan Encik Adnan:

Tapi Encik Adnan bukan rakyat biasa lagi. Dia sudah menjadi wakil rakyat. Peluangnya untuk meningkat sedang

terbuka. Mengingatkan itu wajah Syed Mohsin lesap dari ingatan Sharifah Shuhada.

Sharifah sedar tentang perkembangan pergolakan dunia sekarang. Syed dan Tunku tak ubah macam manusia biasa juga. Tak ubah macam rakyat biasa juga. Encik Adnan seorang wakil rakyat. Dia boleh jadi menteri kalau peluangnya ada. Seorang wakil rakyat dari lembah rakyat juga boleh jadi menteri sekarang.

(hlm 67 - 70)

Sharifah Shuhada ingin mendampingi Encik Adnan sungguhpun Encik Adnan adalah rakyat biasa. Dia mementingkan kemewahan material:

Dan kemenangan itulah yang sedang difikirkan oleh Sharifah Shuhada. Encik Adnan boleh jadi M.B. kalau perjuangannya menang. Dan Encik Adnan juga boleh menjadi Perdana Menteri kalau perjuangannya menang. Darjat darah dan keturunan tidak terhitung lagi dalam zaman ini. Orang tidak takut lagi kepada keturunan raja-raja. Orang di jalan raya tidak menyembah-nyembah raja lagi bila raja melintas jalan. Rakyat biasa sedang bergolak sekarang. Rakyat biasa sedang meningkat sekarang.

(hlm 79)

Novel *Menteri* mengisahkan kegelisahan Menteri Bahadur yang menghadapi berbagai-bagai masalah sebagai seorang pemimpin politik yang sangat memikirkan tentang nasib bangsanya.

Pada mulanya Menteri Bahadur mengenang tentang nasib iaitu asal-usul dan rumah tangganya pada peringkat awal:

Tentang usianya lima puluh tahun lebih itu Bahadur tak dapat kikis macam daki begitu saja. Lima puluh tahun hilang tanpa bekas yang sebenar-benarnya. Dihitung-hitungnya dari awal hingga sekarang. Sejak dilahirkan ibunya berpenyakit. Masuk sekolah Melayu. Sekolah Inggeris. Universiti luar negeri. Masuk partai. Partai diharamkan. Tubuh partai lagi. Partai diharamkan lagi. Undur diri dari politik. Masuk kerja kerajaan. Tinggal aman. Perang Dunia II. Diajak pimpin partai baru. Bergelut dengan teman. Pilihanraya. Menang. Tubuh kerajaan. Dan kini lantik jadi menteri.

(hlm 2 - 3)

Dia dan isterinya dulu pun bukan main susah. Dia tinggal di kampung di rumah papan yang kadang-kadang tiris atapnya.

Ini adalah satu jenis tuah juga meskipun Bahadur sedar bahawa tuah itu melalui perjuangan yang banyak bahaya. Tapi kini tuah itu bukan setakat membiar pergi macam angin saja. Dia harus membuat sesuatu kepada bangsanya.

(hlm 15)

Menteri Bahadur sangat tebal dengan sikap nasionalismenya:

Tentang ketuaan dirinya sendiri. Ini yang puncanya. Angka lima puluh yang terkapuk pada tubuhnya itu malas hendak diingatkannya. Angka itu terlalu buruk. Sama buruk dengan isterinya yang serba lusuh. Sama buruk dengan nasib bangsanya yang tak habis-habis melarat dan menderita semenjak timbulnya istilah "bangsa Melayu" lagi. Sama buruk dengan tanahairnya yang dikerumuni oleh bangsa-bangsa lain yang datang berkunjung tanpa sebarang jemputan apa pun itu.

(hlm 2)

Sebagai seorang menteri, dia dikecam oleh pihak pembangkang kerana katanya dia tidak mementingkan bangsanya sendiri:

Pihak pembangkang banyak mengatakan dia bersalah. Caranya menyimpang daripada dasar-dasar kebangsaan. Tidak menguntungkan bangsa Melayu. Bahadur pernah dengar kecaman-kecaman itu di mana-mana saja dia pergi. Orang tak habis-habis bercakap. Bahadur bukan hendak menolong bangsa Melayu. Bahadur hanya membenarkan bangsa Melayu bernafas dan bernafas siang malam saja. Bahadur sebenarnya telah membunuh bangsanya sendiri, anak buahnya sendiri, keluarganya sendiri dan barangkali akan membunuh dirinya sendiri bila telah tidak dapat menanggung penderitaan hati lagi.

(hlm 22)

Tetapi Menteri Bahadur tetap berjuang terus:

Bahadur tidak mahu membisu lagi. Biar partai membuangnya tanpa sebarang hormat. Biar partai kecamnya habis-habisan. Dia akan dedahkan sungguh-sungguh. Dasar partai kurang kukuh. Dasar partai tidak tegas dan berubah mengikut angin beredar.<sup>4</sup> Dasar partai tidak memberi keuntungan kepada bangsa sendiri dalam jangka waktu yang panjang. Dasar partai hanya teori-teori yang sementara saja.

(hlm 38)

Menteri Bahadur sanggup dan rela menghadapi bangsanya sendiri dengan menentang dasar parti:

Bahadur rasa sudah tiba masanya dia akan menentang parti. Sekurang-kurangnya dapat melapangkan hidupnya. Dia tidak mahu melibatkan diri dalam satu-satu dasar yang bertentangan dengan jiwanya. Dasar yang salah bererti dosa tujuh turunan. Generasi akan datang akan mengutuk kuburnya dan kubur keluarganya. Mereka akan siramkan kuburnya dengan air-air busuk. Itu dosa besar. Bangsanya akan lenyap begitu saja kalau benar-benar dasar itu longgar dan tidak tegas.

(hlm 38-39)

Dia tetap berjuang memperbaiki nasib bangsanya sehingga dia dituduh terlalu nasionalis:

Menteri (Bahadur) memang berubah sejak kebelakangan ini. Syarahan-syarahan yang disediakan itu kadang-kadang tidak diikuti langsung. Bercakap fasal-fasal yang lain yang terlalu sensitif. Sidek teringat beberapa hari yang lalu waktu membuka masjid di Kampung Cabang Tiga. Sedikit pun tak ada sangkut-paut dengan masjid. Fasal nasib bangsa Melayu. Fasal penderitaan bangsa Melayu hinggakan ada kecaman dalam akhbar tentang Menteri yang terlalu nasionalis.

(hlm 46-47)

Perjuangan Menteri Bahadur kerana beberapa faktor. Faktor pertama ialah ekonomi:

Yang pertama ialah tentang ekonomi. Ekonomi bumiputera. Ini yang melemaskan Bahadur. Dia rasa inilah puncanya yang paling besar. Selesaikan hal ini dan dia merasa yang paling besar. Selesaikan hal ini dan dia merasa berjaya kepada bangsanya. Masalah lain akan bangkit dengan sendirinya kalau ekonomi sudah dapat ditegak. Masalah lain hanya bergantung kepada masalah meninggikan ekonomi bumiputera.

(hlm 56)

Sesungguhnya masalah ekonomi bumiputera menjadi punca segala kemelaratan selama ini. Bahadur tidak dapat memisahkan fikirannya dari hal itu. Dia rasa puncanya terletak pada itu saja. Bila hal ini dapat dikembalikan pada dasar yang

PETIKAN KARYA POPULAR

benar-benar kebangsaan, masalah lain dengan sendirinya timbul. Ini sesungguhnya pegangan Bahadur.

(hlm 63)

Masalah kedua ialah berhubung dengan tanah:

Akan kuluahkan masalah tanah. Masalah tanah yang menjadi punca segala kemerosotan bumiputera. Ini perlu dibereskan oleh parti terlebih dulu. Ini perlu tegas. Tanah yang banyak tergadai perlu dikembalikan kepada hak yang mula. Tanah yang berpindah hak punya perlu diselidiki terlebih dulu oleh parti.

(hlm 57)

Dalam keghairahan perjuangannya, Menteri Bahadur kadang-kadang bertanya apakah negaranya benar-benar merdeka:

Benar-benarkah demokrasi yang diamalkan oleh parti aku selama ini? Hubungan demokrasi itu dihubungkan dengan anggukan tukang kebun yang sedang membelek-belek batang orkid itu. Apa hubungannya anggukan tukang kebun dengan demokrasi negara itu, Bahadur agak kabur juga tapi dia rasa selama ini hubungannya dengan tukang kebun tidak ada. Semua urusan itu dia serahkan pada mandur saja. Apa dia begitu autokrasi? Apa dasar autokrasikah yang dijalankan oleh kerajaan selama ini? Bahadur merenungi lagi pokok-pokok bunga orkid itu. Di antara demokrasi dan autokrasi Bahadur rasa negara boleh bangun. Memberi demokrasi seratus peratus merupakan bibit yang salah terutama kepada manusia-manusia zaman sekarang yang telah hilang kemanusiaannya. Memberi autokrasi pada pemerintah juga merupakan pemberian yang salah kerana manusia di mana-mana pun memang salah. Apa manusia salah atau dasarnya yang salah? Apa dia yang bersalah atau dasar partainya yang bersalah?

Atau benar-benarkah negaraku merdeka?

(hlm 61 - 62)

Menteri Bahadur merasakan halangan-halangan kemajuan bangsanya ialah kerana feudalisme, kapitalisme dan chauvinisme:

Dia renungi ke dalam kolam itu. Jernih airnya.

Dasar partainya juga perlu membuat '*turning point*' dalam sikap terhadap feudalisme. Feudalisme perlu dihapuskan kerana selagi ada feudalisme, kapitalisme akan bermaharajalela. Dan kapitalisme tidak akan dapat memberi peluang kepada ekonomi kebangsaan tegak setegak-tegaknya. Itu perlu

dijernihkan dulu hinggakan kejernihan feudalisme dan kapitalisme itu sama jernihnya dengan air kolam yang baru disalin.

(hlm 62)

Dan orang-orang chauvinistik juga perlu dihapuskan ataupun kalau perlu ditangkap saja untuk dikurung dalam jel lama-lama. Kadang-kadang Bahadur rasa dasar partainya selama ini bukan saja tak dapat menghapuskan feudalisme, kapitalisme dan chauvinisme tapi membiakkan ketiga-tiga penindasan itu. Penindasan akan bermaharajalela selagi ketiga-tiga sifat itu tidak dapat dihapuskan.

(hlm 63)

Oleh kerana dia banyak memikirkan tentang nasib bangsanya sendiri, Menteri Bahadur jatuh pengsan. Dan apabila dia sedar semula, dia merasa dirinya bersalah.

Begitulah terus-menerus Menteri Bahadur berjuang untuk bangsa yang dicintainya: bangsa Melayu.

Dalam novel *Srengenge*, kita dapat melihat betapa Shahnon Ahmad dapat memberi gambaran-gambaran yang begitu teliti terhadap tindak-tanduk dan gerak laku watak-wataknya:

Saad Cik Lah cukup seronok dan nikmat memerhati burung yang terkena getahnya:

Tapi Saad Cik Lah tidak peduli. Sementara menunggu padi masak di baruh, apalah hendak dia kerjakan selain menggetah puling dan punai. Bila getah geluk terlekat pada kepak punai, burung itu pastinya menggelupur. Dan sikap begitu menambahkan lagi getah geluk yang liat di bulunya. Terus menggelupur burung itu. Dan kemudian jatuh ke tanah. Kadang-kadang sementara tiba di perdu meranti, burung yang tidak upaya berkepak lagi itu tersangkut di celah dahan. Kadang-kadang Saad Cik Lah membiarkan saja burung itu busuk di dahan itu. Pernah sekali dulu seekor punai jantan tersangkut di dahan penuh kerengga. Burung itu menggelupur bukan main garang. Tapi kerengga menyerbu semakin banyak. Punai tinggal tidak menggelupur lagi. Saad Cik Lah tahu apa telah terjadi. Punai jantan sudah mati. Tapi Saad Cik Lah tidak peduli segala-galanya. Mati atau hidup tidak menjadi soal. Dia bukan hendak makan burung punai atau puling itu. Dagingnya liat. Kalau tidak mati dia campakkan saja ke dalam sangkar besarnya di rumah. Yang tergerak hati dia menggetah burung hanya kerana kegirangannya sukar diceritakan waktu burung

itu menggelupur lintang-pukang hendak merungkaikan getah geluk yang liat yang terkapuk kejap pada bulu kedua belah kepak. Semakin kuat menggelupur, semakin erat lagi getah itu melekat. Alangkah indahnya pandangan scumpama itu.

(hlm 22-23)

Diah pula cukup suka melihat burung terkukur terkena racik:

Diah bawa langkah lompat gagaknya gopoh-gapah. Tanah di sebelahnya agak mendatar. Dia mahu mencari sedikit tanah lapang di gigi rimba Srengenge itu. Dicantas-cantasnya anak-anak keduduk sambil mendongak-dongak kepala menentukan conggoh yang baik. Dia terus mencacak tumang tali Si Didik di tanah. Kaki-kaki racik ditekan masuk bumi; berbaris-baris gelung-gelung bulu ekor kuda melengkung macam buluh baur dengung layang-layang. Kemudian dia terbongkok-bongkok berlari masuk semak menyembunyikan diri. Dia terus bersila di atas tanah lembap beralaskan kain lilit kepalanya. Kedua belah matanya terbuka luas melihat Didik. Dan sekejap melihat conggoh dahan merbau. Tak lama lagi conggoh itu akan dihinggapi tekukur jalang. Kemudian melayang terjun ke atas racik. Diah dapat membayangkannya.

Dia memetik jari. Didik terjenguk-jenguk. Dan kemudian berkокok mencabar tekukur jalang bagaikan membawa pengertian: ayuh mara siapa berani. Ini Didik juara Bukit Srengenge.

(hlm 53)

Imam Hamad pula amat kecewa dengan burung denaknya. Dia bertindak begitu bengis sekali:

Sekaligus Jebat disentap dari tumang. Paha kanan Jebat tercabut. Darah keluar. Dia eratkan cekakannya hingga terkiak-kiak bunyi tulang Jebat berlaga. Dia mencabut bulu kepak sehelai demi sehelai. Dia mencabut bulu tengukur sehelai demi sehelai. Kemudian bulu ekor, bulu belakang, bulu perut hingga gondol. Hodoh bukan buatan.

Deraan itu disahut oleh Jebat dengan jalan mengelip-ngelempar matanya.

Sebelah kepak dicabut sekaligus. Dicabut pula sebelah lagi. Ditariknya kaki sebelah.

Perut Jebat masih terasa kembung kempisnya. Nadi masih ada. Tiba-tiba Imam Hamad cekak tembolok. Ada padi di dalam yang masih belum lumat. Tembolok ditujah dengan telunjuk. Hujung telunjuk yang bersarang dalam tembolok

dibengkok. Dan telunjuk itu disentap. Pecah dan tersembur keluar segala benda yang ada.

Jebat menggelupur sedikit. Kemudian senyap.

(hlm 57-58)

Akibat daripada perbuatannya yang ganas itu, Imam Hamad menghadapi tekanan jiwa dan membawa kepada penyakit jiwa pula:

Lampu itu, entah bagaimana, disuluh ke tiang tengah tempat yang biasanya tersangkut sangkar Jebat. Baru dia teringat. Jebat sudah tidak ada. Sangkar yang cantik itu pun sudah tidak ada. Tapi dia merenungi juga dawai bengkok yang jadi penyangkut sangkar Jebat. Dan dawai itu kaku tak bergerak sedikit pun. Dia terduduk; menyandarkan belakangnya ke tiang tengah itu. Tangan kanannya kejap-kejap memegang lampu picit, masih juga menyuluhan penyangkut sangkar Jebat.

Penyangkut itu bengkok macam mata kail. Rasa-rasanya bagaikan bergoyang pula. Imam merenungi penyangkut yang rasa-rasanya bergoyang itu. Tiba-tiba tangan kanannya memegang tangan kirinya. Tangan kanannya yang bergoyang; bukan penyangkut yang kaku. Dan goyangan itu semakin rancak hingga kemudiannya terketar-ketar. Sinar lampu picit liar tersuluh sana sini. Imam eratkan cekakan tangan kirinya. Tangan kanan tidak terketar-ketar lagi. Tapi ketaran itu melonjak naik ke jari-jarinya. Dan kelima-lima jari tangan kanannya terketar-ketar macam pucuk buluh. Lampu picit terlepas dari tangan. Terjatuh ke lantai. Padam. Dan ketaran jari-jari rancak menjadi-jadi.

(hlm 107)

Lihat pula bagaimana Useng menjalankan upacara "menurun" untuk menyembuhkan penyakit Imam Hamad:

...Useng bukan Useng lagi di kala itu. Dia sudah menjadi orang lain. Kakinya yang melangkah bukan kaki Useng yang gila menjebak landak. Kaki itu kaki orang lain. Kalau Useng sebagai Useng, dia tidak akan boleh berjalan begitu. Dia tidak akan berani masuk rimba raya Srengenge malam-malam buta. Dan ini menyebabkan pengikut-pengikutnya menaruh segala harapan kepada Useng kerana mereka sendiri bukan dipimpin oleh Useng. Mereka dipimpin oleh orang lain. Sengaja mereka tidak mahu sebut siapa orang itu. Semua sudah tahu. Useng ada orangnya. Dan orang itu pergi terlebih dulu ke depan. Kerana orang itu jugalah salam bersambut pintu terbuka. Kalau tidak, masakan.

Useng mencabut rumput peram seperdu. Dibungkusnya seperdu rumput peram itu dengan kain lilit kepala dan digantung ke pokok sebelah. Dengan syarat-syarat itu mereka yang lain mulai menurunkan badang dari kepala. Perlahan-lahan badang itu diletak ke tanah yang memang pun semak. Jamung dipacak. Geluk diletak. Kain putih diletak. Cepat pula mereka cerahkan semak di sekeliling perdu merbau berakar timbul itu. Yang mencabut, mencabut. Yang menebas, menebas. Yang merintis, merintislah. Cerahlah semak keliling perdu merbau yang enam tujuh pemeluk itu. Badang-badang yang terisi ayam panggang, diatur keliling perdu. Geluk dan lilin berbenang hitam pintal diletak ke atas kain putih terhampar. Useng mengambil lilin-lilin itu dan cucuk ke atas geluk air tawar. Cepat pula dia duduk bersela di atas hujung kain putih. Lampu picitnya dipadam. Yang lain duduk di atas tanah mengelilingi perdu merbau enam tujuh pemeluk itu. Useng terus menyeluk ke dalam geluk air tawar. Airnya dipercik-percik ke perdu merbau itu. Dia membaca sesuatu; entah dari ayat Quran entah dari kitab mana. Sekali-sekala sebut nama Adam. Sekali-sekala bercakap Siam. Sekali-sekala pula ada nada-nada bahasa Hindu. Campur-baurlah Siam, Melayu, Arab dan Hindu dalam doa itu. Yang lain duduk bersila cekup kemaluan masing-masing. Semua melihat batang merbau di tengah-tengah.

(hlm 196–198)

“Awang Cik Teh pula amat benci kepada Bukit Srengenge:

“Srengenge lawannya cuma kapak dan api. Lain tiada ada,” sambung Awang Cik Teh.

“Srengenge habuannya cuma kapak dan api. Merbaunya, merantinya, pinang baiknya, mesti ditutuh. Bukan berjamu ayam panggang lima enam ekor. Bukan menyembah. Srengenge bukan Tuhan. Srengenge hanya bukit.”

“Satu saja habuan Srengenge. Kapak,” kata Awang Cik Teh.

“Srengenge bedebah itu ubatnya cuma satu. Kapak,” ulangi Awang Cik Teh sambil menudingkan telunjuk kanannya ke arah Srengenge yang itu-itu juga.

“Hanya kapak dan api saja hadiah kepada Srengenge,” ulangi Awang Cik Teh.

(hlm 220–224)

Novel *Sampah* memperlihatkan banyak unsur abstrak dan unsur-unsur kejiwaan sesuai dengan teknik arus kesedaran yang

diterapkan oleh Shahnon. Daripada novel ini dapat diperhatikan banyak penggunaan nama terbitan. Misalnya seperti di bawah ini:

Tapi itu cuma kepercayaan palsu. Dia amat bencikan *kepsuan*. Yang diyakini ialah kebalikannya. Dialah *kenikmatan*; kenikmatan yang dihimpit oleh *deraan hidup*.

*Kepura-puraan* kadang-kadang cukup mustahak. Paling kurang ianya akan memberi tenaga supaya boleh terus menunggu *maut*.

Dan ini amat jelas buktinya kerana yang ditunggu bukan lagi *kematian* tapi *keabadian*.

Kalau satu persatu dibuang, dilontar jauh-jauh keluar daerahnya, barulah *ketenangan* dan *kebahagiaan* tercapai. Selagi harta-benda terpaut kukuh pada kehidupan selagi itulah segala *belengguan*, segala *kongkongan* dan deraan akan bermaharajalela.

Dia boleh pergi dari situ. Tapi bukan disebabkan *ketakutan*. Dia tidak takut. Ketakutan hanya ada kalau ada perasaannya. Dia tidak gusar. *Kegusaran* hanya ada kalau dirinya ada. Dia tidak ada apa-apa. Dia hanya *kekosongan*.

(hlm 20)

Satu perasaan *kebencian* menonjol tiba. Yang berkuasa yang bergelaran tuan betul-betul merupakan sejenis deraan pula. Dia tidak mahu dilepaskan lagi. Dia ingin *kebebasan* dalam kurungan. Deraan akan menerpa lagi kalau berada di luar kurungan. Terfikir olehnya bahawa yang berkuasa yang tidak bergelar apa-apa yang pada mulanya difikirkan sebagai deraan itulah sebenar-benarnya *kenikmatan* walaupun dia tahu kenikmatan itu hanya sekadar sementara.

*Kekalutan* timbul. Ianya cepat menyek nafas. Kebinuan pandangan cepat dikuasai. Ini satu *keganjilan* yang amat sangat. Keganjilan menimbulkan kekeliruan dalam diri orang lain. Apakah yang dilihat itu benar-benar dilihatnya. Dia mengejip matanya mencari *ketenangan*. Dia masih tidak percaya. Tapi kekalutan yang hampir tiba pada puncak itu tiba-tiba menurun dan terus menjadi dingin. Cepat dia mendapat kesimpulan: *kegilaan*. Alangkah mudah kesimpulan itu. Orang gila memanglah gila. Keluarbiasaan hanya disebabkan kegilaan.

Benar dia juga ingin memberi keabadian kepada semua tapi bukan dengan cara *kekejaman*. Dia sendiri bukan mengemis kekejaman. Peristiwa tadi di penjara jelas menunjukkan *keluhuran* dan *kesuciannya*. Tapi mereka lah yang mengemis kekejaman.

(hlm 42 & 52)

*Kebenciannya* terus memuncak. Pucuk-pucuk bangunan itu perlu dicantas saja biar terkulai patah menyembah bumi. *Keradangannya* menokok lagi bila teringat dia diejek-ejek dan diketawakan tadi. Dia selama ini tidak pernah lagi membalaas kekerasan dengan kekerasan.

"Pengecut kau!"

Suara dari dinding kalbu terus mencabar. *Kebanggaannya* sebagai manusia terus menggila.

(hlm 53)

Tapi *kemiskinan* dan *kepapaan* bukan lagi satu *kehinaan* satu *deraan*. Dia terlalu lama hidup bersama benda-benda itu. Sudah sebatи sesungguhnya kaitan dan hubungan itu. Kini telah dijadikan satu *keindahan* dan *kepuasan*. Juga *kehencian* dan *kedengkian* daripada pihak lain. Sudahlah tidak berdaya hidup dalam *kesenangan* penuh *kekayaan*, hidup dalam kemiskinan dan kepapaan penuh kenikmatan itu tidak dibenarkan.

(hlm 60)

Dalam novel *Seluang Menodak Baung*, terdapat beberapa peristiwa ngeri dan dahsyat. Di bawah ini diturunkan petikan-petikan yang menggambarkan peristiwa Suman membunuh ikan keli yang diibaratkan sebagai lambang kehidupan orang-orang mewah di kota:

Keenakan keli berteduh di bawah lumut yang permai itu serentak menimbulkan kebenciannya ....

Suman nampak keli gemuk berlemak itu tersadai di dasar gua. Geram rasanya hendak menujah ubun-ubun keli itu sekaligus. Biar mati begitu saja .... Suman menarik tali baur. Betul-betul dia perembang pada ubun-ubun keli itu. Tepat pada lekuk kecil di tengah tengkorak. Kedengkian kadang-kadang cepat lesap kalau yang didengki pantas menarik nyawa .... Panah dilucutkan dari tali baur. Siuuut bunyinya. Keli menggelupur. Air bendang berpusar dan lumut yang terkulai-kulai berpintal-pintal ....

Suman sendiri mengancing gigi. Perut keli yang tebal, berbintik kekuning-kuningan ditelitinya bagaikan menyoroti diri sendiri dan cuba membuat perbandingan .... Keli dalam cekakan entah bagaimana amat dibencinya. Terasa ada perbezaan besar antara keli yang gemuk berlemak, berperut buncit dengan kekeringan urat saraf keluarganya.

... Tidak banyak bicara, keli dalam cekakan dihempuk ke atas kayu mati. Daging keli berkecaci koyak-rabak. Kepalanya

bertaburan, putus dan isinya berdarah bertaburan. Suman tegak sejenak bila kecaian daging dan kepala keli berkeliaran sekeliling. Urat-urat perut terpisah daripada tubuh dan daripadanya mengalir sejenis air yang hanyir.

(hlm 55-57)

Giginya terkancing erat sehingga rahangnya sedikit menyembulkan ketul di kedua belah pipi. Anak panah dipasang pada baur dan menuju hujungnya ke arah langit biru bagaikan sasaran yang benar-benar itu terawang-awang di atasnya. Di udara terasa ada sasaran yang berkisar-kisar dengan perut yang buncit dan ketawa yang menjengkilkkan.

(hlm 57)

Suman kemudian membuka matanya kembali. Langit semakin redup cuacanya. Tak lama lagi hujan akan mencurah setiap pelosok tanah Terenas. Baur di tangan dilempar jauh-jauh ke dalam baruh. Dan dengan nafasnya yang terdengus-dengus, Suman melangkah panjang-panjang menuju ke rumah Fatah.

(hlm 58)

Kemudian terdapat pula peristiwa Salam terhadap anaknya Suman yang hendak menyertai demonstrasi besar-besaran para petani yang dirancangkan diadakan pada hari Ahad. Peristiwa ini dikisahkan dalam novel itu dari halaman 183 hingga halaman 209. Lihatlah beberapa petikan daripada halaman-halaman berikut yang menggambarkan kemarahan Salam hingga ke peristiwa Salam memukul anaknya dengan dahsyatnya:

"Jangan siapa masuk campur dengan bekas penarik beca dan bekas askar itu. Mereka cuba nak buat kakau kampung ini. Tak dapat tanah pun tak apa. Rezeki kita ada. Selama ini rezeki itu diberi oleh Tuhan. Jangan siapa masuk campur dengan pengacau-pengacau itu."

"Jangan siapa keluar berarak hari Ahad ini. Jangan siapa ikut Fatah dan Suud itu. Siapa nak keluar berarak hari Ahad ini, keluar dari rumah ini."

"Itu semua kerja salah, kerja langgar adat, derhaka kepada raja dan sesiapa saja. Itu cara tunjuk kekuatan sendiri. Dan cara itu adalah salah. Walau dengan apa cara sekalipun, kalau rezeki

“ tak diberi oleh Tuhan, tak diberi juga. Akibatnya banyak yang menimpa.”

(hlm 200)

“Jangan siapa keluar dan jangan siapa langgar kata aku.” ... “Apa kau akan ikut serta juga?”

(hlm 203)

Salam bingkas bangun, menerpa ke hala anak sulungnya duduk.

“Bangun!”

Suman bangun berdiri dengan tegaknya dan di tangan masih tercekat cawan kopi. Salam sentap senduk kayu di dapur dan belakang anak sulungnya disebat dan disebat dan disebat. Suman tegak berdiri tak berginjak meskipun sakitnya berbekas benar.

Adik-adik berkerumun keliling Piah dan mata mereka terbeliaik melihat abang dipukul dengan cara begitu.

“Ini semua kerja salah .... Cepat ikut orang yang suka buat kacau. Kalau hendak ikut barua-barua itu, ikut saja dan jangan pulang ke rumah aku ini. Ini pondok aku dengan anak-anaku yang tahu bawa perangai.”

(hlm 204)

Piah menekan perutnya lagi dan dari keningnya terpamer kedutan yang berlapisan.

“Kau nak ikut juga?”

Suman teguh dan berdiri tak berginjak. Dia membisu. Salam menjadi lupa ingatan sekaligus. Disepaknya pinggan yang tadi terhidang ubi kayu rebus dan pinggan itu hinggap di atas para.

“Kau nak ikut juga barua-barua itu?” Dibalunnya lagi belakang Suman dengan senduk. Patah senduk itu di hujung dan yang terpegang dilemparkannya menampar pintu depan. Matanya liar mencari sesuatu di atas para yang di sudutnya terbaring batang buluh belah pemanggang ikan kering. Disambarnya buluh itu dan terus memukul belakang anaknya. Belakang itu berbalur. Bajunya pecah-pecah tapi dari riak muka Suman secalit kegusaran pun tidak kelihatan bagaikan segalanya menjadi mangli kepadanya.

“Apa kau mau ikut juga?” Geramnya Salam dalam hati. Dia sambar geluk di lantai dan melontarnya ke luar rumah

tanpa sebab. Dan sekaligus dengan tangan kirinya dia cekak dagu anak sulungnya. Mata Suman kuyu dan dari kelopaknya mengalir titik air yang jernih, tapi dia masih juga tidak berkata apa-apa. Salam memicit pipi anaknya hingga mengopak rahang dan terbukalah mulut itu.

"Kau nak ikut juga?"

Suman tidak menunjukkan sebarang jawapan.

"Aku kata kau hendak ikut jugakah?"

Suman membisū juga.

(hlm 205)

"Aku nak tahu kau mau ikut lagi atau tidak?"

Salam terus mengulangi soalan itu. Dan Suman terus berdiam juga. Salam tiba-tiba lagi menyambar puntung kayu bakar di bawah belanga dan terus mengayun batang kayu itu membalun belakang Suman. Suman terbongkok bila terasa bebanan yang mengejut begitu.

"Apa kau nak bunuh anak?" Piah tersesak-sesak mengeluarkan suara.

(hlm 206)

Salam duduk di sisi Piah sambil merenungi wajah yang pucat dan lemah itu. Dan dari matanya tertitik jatuh beberapa ketulan air yang jernih. Dia menggabus air itu dengan belakang tapak tangan kanannya. Dia teringat fiulnya yang tiba-tiba membara tadi tanpa langsung teringat pada Piah yang sarat mengandung.

(hlm 209)

Pada tahun 1985, lahirlah pula novel *Al-Shiqaq* /karya Shahnon Ahmad. Dalam novel ini terdapat gambaran-gambaran yang luar biasa lagi. Di sini diberikan petikan tentang peristiwa keganasan manusia, Yaakub yang kecewa terhadap bapa saudaranya sendiri, Awang Kechik yang gila, dari halaman 283 hingga 291:

Awang Kechik masih tetap sehingga orang tidak lagi ambil kisah sangat. Dulu sewaktu Pataeng masih hidup dan Huduh masih ada, sekurang-kurangnya ada juga doa kepada Allah meminta agar Awang Kechik sembuh menjadi manusia biasa. Meskipun Awang Kechik tidak menjadi manusia biasa juga tapi doa itu tidak pernah putus-putus juga. Harapan untuk Awang Kechik sembuh masih tetap ada. Boleh dikatakan setiap lepas sembahyang, doa itu terucap dengan penuh keikhlasan dan

setia. Saman sendiri pun tidak pernah putus-putus mengikut jadual menjaga abangnya; malah jadual itu telah pun menjadi satu kebiasaan yang sukar lagi dibatalkan. Selesai doa subuh, dia terus ke kandang memberi makan, memandikannya dan juga mencuci kandang itu. Waktu tengah hari, waktu petang sebelum maghrib adalah ketika-ketika di mana kandang Awang Kechik dikunjungi.

Tapi sekarang keadaan sudah berubah jauh sekali, Awang Kechik yang gila tidak dipedulikan lagi. Saman sudah jarang-jarang menjenguk. Cuma dua tiga hari sekali berkunjung bila teringat. Makanan hanya dihulur melalui lubang saja seperti menghulur kepada binatang. Kadang-kadang Minah yang hulur. Kadang-kadang Kalsom yang hulur.

Dan sejak Saman membawa pulang isteri muda yang suka berhias, Awang Kechik terasa garang sedikit. Dia tidak tidur-tidur dan duduk-duduk melihat ruang lagi. Bau hamis dan hancing dari kandang itu mulai meruap naik menguasai udara di sekitar. Awang Kechik kadang-kadang sengaja mendedahkan kemaluannya dan terus kencing sambil melingkar-lingkar kemaluannya itu sampai berseleraklah menitik air najis itu sana sini. Kadang-kadang lagi dia berak di dalam kandang itu kemudian dikais-kaiskan najis itu macam ayam mencakar bumi. Bau tahi bergelumang dengan bau air keneing melonjak naik sehingga keluarga di atas rumah tidak senang bernafas lagi.

Zainab terpaksa menyuruh Saman menguruskan Awang Kechik. Saman gagah-gagah melakukannya juga tapi bukan lagi satu kebiasaan seperti waktu ada gemulah ayah dulu. Selesai membasuh Awang Kechik dan kandang itu, Saman pergi ke pondok isteri muda meninggalkan abangnya di situ beberapa hari pula.

Hari itu sejak pagi lagi kegarangan Awang Kechik sudah terbayang. Goncangan pada tiang-tiang dan dinding-dinding kandang menjadi-jadi. Dan dari mana kekuatan itu diperolehi sukar pula dikesani. Tapi daripada tubuh yang nipis penuh kerangka-kerangka itu jelas membulat satu kekuatan dalam diri Awang Kechik. Dia goncang seluruh rumah. Pada mulanya Zainab dan keluarga anggap seperti perkara biasa saja, tapi bila sebiji dua periuk atas para terpelanting jatuh, mereka mulai takut lalu menjenguk turun. Awang Kechik dengan matanya yang merah terbeliak benar-benar mengganas sambil itu dia menjerit menyebut sesuatu yang tidak siapa memahaminya. Mulutnya berbuih sehingga busa-busa kecil itu meleleh jatuh ke bumi yang kembali berwaspada dengan bau busuk tahi dan bau hancing kencing.

Zainab akhirnya meminta salah seorang anak buah pondok memanggil Saman, tapi Saman tidak ada dalam pondok waktu itu. Sudah dua hari dia pulang ke Gurun mengunjungi mentuanya bersama Siti Hajar. Akhirnya anak buah pondok terpaksa dikerah untuk memberkas Awang Kechik supaya tidak lagi guncang kandangnya itu. Tapi tidak ada siapa pula yang berani buka pintu kandang. Orang gila memang teguh kekuatannya kerana kekuatan itu adalah kekuatan iblis dan syaitan yang berpusat di hati.

Petang itu Yaacob kebetulan pulang ke rumah dari gelanggang Hussin Wak Dogol untuk mencari habuan lagi daripada ibu tirinya. Tubuhnya berpeluh dan langkahnya cepat-cepat melintasi telaga tapi bila diketahuinya ibu tirinya tidak ada, dia melambatkan langkahnya tapi hatinya radang dan bengis. Dan bila didapati Awang Kechik masih garang menggongcang kandang, Yaacob naik berang serentak kehampaannya untuk memenuhi panggilan nafsu ditokok dengan rasa pintarnya bergocoh sekarang menyebabkan perasaan berangnya itu sukar dikawal lagi. Dirasakannya kelakuan Awang Kechik itu sengaja mengejek kepulangannya bagaikan goncangan kandang itu benar-benar menempelak perbuatannya. Yaakob tidak terus naik ke atas rumahnya tapi melangkah menuju Awang Kechik waktu itu bagaikan mahu huik-huik macam ranting kayu yang rapuh. Rasa radang meruap naik kerana perbuatan itu bagaikan benar-benar mengejek perbuatan di telaga dulu dan berulang kali selepas itu.

"Diam!"

Tempik Yaakob lagi sambil bercekak pinggang. Zainab bersama Minah dan Kalsom mendengar jeritan itu dan meluruturun; malah anak buah pondok yang lain pun serentak berganjak ke arah pekarangan rumah Zainab.

"Diam!"

Tempik Yaakob lagi sambil menghimbau kain selambai melangkah bahunya. Yaakob sudah benar-benar menjadi ceredung dan kemas. Dia sudah lama benar berulang-alik antara rumahnya dengan gelanggang Hussin Wak Dogol. Geraknya cepat dan setiap yang terasa sekali imbas tergeraklah anggotanya. Kadang-kadang tangan sengaja menetak angin. Kadang-kadang kaki menendang batang pisang. Dia mulai tidak boleh terkejut. Darahnya gobra dan cepat panas; lebih-lebih lagi kerana petang itu diketahui bapanya tidak ada.

"Akob!" seru Zainab apabila melihat anaknya menghampiri kandang Awang Kechik yang masih galak. Awang Kechik tidak juga meredakan guncangannya bagaikan tidak langsung hirau tempikan Yaakob tadi. Yaakob tidak meng-

endahkan bantahan ibu.

"Akob!" seru Zainab lagi bila ternyata anaknya itu hendak bertindak ke atas Awang Kechik. Tapi Yaakob terus melangkah ke arah kandang dan terus jengkal muka Awang Kechik melalui jerjak dinding kurungan. Jengkalan itu betul-betul tercelapak ke muka Awang Kechik. Dia tersentak ke belakang tapi mara lagi mencekak tiang kandang sambil mulutnya yang berbusa merungut-rungut sesuatu yang tidak ada makna apa-apa. Yaakob menghulur tangan kanannya masuk ke dalam kandang dan sekali lagi menolak Awang Kechik kuat-kuat. Awang Kechik tergeleleh dan jatuh tersepuk atas tanah bergelumang dengan air kencing dan tahi.

"Orang gila memang celaka!"

Yaakob bersuara sambil melihat keliling. Anak buah pondok sudah banyak yang berkumpul. Mereka langsung tidak berani masuk campur. Melihat orang begitu banyak berkumpul, Yaakob bertambah ligat kegarangannya. Bantahan dari ibunya tidak lagi dipedulikan lagi.

"Akob! Apa yang kaubuat ni!" bantah Zainab keluh-kesah tidak tahu berbuat apa. Dia bimbang kalau Awang Kechik dihenyek begitu saja oleh anaknya itu.

"Orang gila ini memang celaka. Berapa lama lagi dia nak kacau kita sekeluarga."

"Tapi ini Awang Kechik, bapa saudara kau."

"Orang gila ini memang celaka. Setiap rahsia orang dia tahu dan mahu pula beritahu orang lain," sambung Yaakob bagaikan Awang Kechik yang gila itu menjadi sasaran untuk melepaskan nafsunya yang panas mendidih.

"Tapi kau tak boleh gitu," bantah ibunya. Minah dan Kalsom yang ada bersama tersebak-sebak menyepi diri.

"Dulu nenek beri hati kepada dia. Sekarang? Sekarang siapa lagi?" soal Yaakob sambil kedua-dua belah tangan memegang jerjak kandang.

"Tapi dia bapa saudara kau juga."

"Tapi dia kacau mak, kacau kita semua. Lihat kandangnya. Busuk lebih dari jamban tepi sungai."

Awang Kechik berkisar sedikit dalam kubang najis yang busuk dan hancing itu. Dia bangun perlahan-lahan sambil mulutnya yang berbusa terus merungut-rungut sesuatu. Dan bila tegak di atas kedua belah kakinya semula, dia cuba lagi menghampiri tiang kandang yang sekarang sedang dicekak oleh Yaakob.

"Dia ni baik mampus aje!" tempik Yaakob sambil lagi sekali menjengkal muka Awang Kechik dan menolaknya ke dalam. Lagi sekali Awang Kechik jatuh atas bumi yang kotor.

Awang Kechik genggam najis-najis yang berselerak dan sekaligus lambung ke muka Yaakob yang tegak berdiri di luar memegang tiang kandang. Lemparan itu hinggap di muka Yaakob, melengket najis-najis yang cair itu pada kening, pipi, hidung dan mulutnya. Yaakob tersentak rancak, menunjuk cuba juga lagi hendak mengelak tapi kemudian meluru lari dari situ mencari tempayan air. Kotoran yang melengket itu dibasuhnya. Awang Kechik ketawa terbahak-bahak sampai tersembur buih-buih di mulut bagaikan sedar tentang tindak balasnya. Dia bangun dan berjalan terhuyung-hayang membuat bulatan dalam kandangnya.

"Jangan!" laung Zainab sambil menerpa ke depan cuba menyekat kemaraan semula anak sulungnya Yaakob. Mata Yaakob merah bersaga dan tangannya kedua-dua belah menggigil-gigil. Ibunya dikuak ke samping.

"Binatang ini elok mati saja."

"Jangan!" Zainab kembali lagi cuba menyekat. Minah dan Kalsom menangis teresak-esak. Para anak buah Pondok Teloi Tua menonton begitu saja; tidak ada siapa yang berani menentang Yaakob.

"Binatang ni kacau mak, kacau kita. Siapa yang larat jaganya? Mandinya, makannya. Bapa? Bapa nak beri makan? Bapa sekarang asyik dengan bini mudanya saja."

Anak buah Pondok Teloi Tua mendengar ucapan ringkas itu dan melihat sama sendiri. Mereka tahu gelagat tuk guru mereka sekarang sejak mendapat isteri muda yang cantik. Zainab serba tak kena dibuatnya. Para lebai pondok sudah banyak berkumpul sementara menunggu kaluk berbunyi menandakan masuknya waktu maghrib. Mereka tidak mencelah dalam perkara itu. Kata-kata Yaakob membawa bahana yang cepat bergema kerana setiap anak buah sedar sekarang tentang apa yang dikatakan.

Yaakob menyambar parang yang tersadai di jemuran dan mula mencantas akar-akar kering yang mengikat tiang-tiang kandang itu serta mulutnya merungut-rungut sesuatu. Dua batang tiang itu dipukah keluar. Zainab menjerit meminta tolong tetapi tidak ada kaki yang berani menentang Yaakob di kala itu. Pak-pak lebai bertinggung melihat keadaan bagaikan melongo melihat sesuatu yang takjub.

"Bangkit! Bangkit!" seru Yaakob kepada Awang Kechik bila tiang-tiang kandang telah terpukah keluar. Dia melangkah masuk, berdiri tegak kedua-dua belah kaki mengejap di bumi yang kotor. Kedua belah tangannya terketar-ketar sedikit cuba menguasai keradangan yang meluap-luap. Tangan yang sedia saja membidas atau menepis sekiranya terbayang gerak lawan.

"Bangkiiit!" jerkahnya sekutu tenaga. Anak buah pondok tercungap.

Awang Kechik masih berdekah ketawa sambil perlahan-lahan cuba berdiri dengan tegak.

"Bangkit!" jerkah Yaakob lagi. Kedua belah tangannya terus terketar bagaikan benar-benar menghadapi lawan yang betul-betul sebaya dan segagah. Tangan kanannya dibengkok sedikit dan seperti kilat diayun ke arah Awang Kechik yang terhinggut-hinggut. Penumbuk Yaakob yang bulat kemas hinggap tepat di rahang Awang Kechik. Leher Awang Kecik terkeleluk lalu tersepuh jatuh menyembah tanah.

"Bangkit! Bangkit!"

Zainab menerpa masuk tapi dihadang oleh lebai-lebai yang tadi menyerangguh di sekitar. Minah dan Kalsom menangis bagaikan dirasuk hantu.

Awang Kechik bangun lagi terketar-ketar tapi kali ini tidak ketawa terbahak-bahak lagi. Tak ada apa yang terkeluar dari mulutnya kecuali busa-busa kecil yang pintal-memintal berjelajela berumbai jatuh ke tanah. Yaakob melangkah ke belakang sedikit dan dengan sekali himbau kakinya melayang ke udara dan hinggap di batang leher Awang Kechik yang terhegeh-hegeh. Awang Kechik terbelia matanya, terus terbusa mulutnya dan tubuhnya yang kurus tersepuh jatuh lagi sekali ke tanah macam kain buruk yang basah. Yaakob sudah tiba pada puncak kegarangannya dan kepungahannya. "Bangkit! Bangkit!" Tapi Awang Kechik tidak berusaha bangkit lagi. Dia tidak bergerak lagi. Dia jatuh tersepuh menyembah bumi. Kedua belah kakinya terkangkang luas. Sebelah tangannya tertindih oleh perutnya sendiri dan sebelah lagi bergelumang dengan kelebur tahi dan air kencing.

Zainab menerpa masuk menyentuh tubuh dan nadi abang iparnya yang tersepuh itu. Yaakob melangkah keluar. Langkahnya langkah gagah perkasa. Dadanya terbuka, kepalanya terpanggung dan kedua-dua belah tangannya membedal-bedal bagaikan melontar segala hampas-hampas yang melekat. Dan dari situ dia berjalan menuju telaga menghilangkan diri dalam suasana senja. Para lebai yang tercangak selama itu bangun mengiring Zainab yang sudah berada dalam kandang. Awang Kechik diusung keluar. Seorang lebai datang membawa sebaldi air. Awang Kechik dibasuh cukup-cukup dan sesudah selesai, dibawanya naik ke atas rumah. Tubuh yang luruh itu dibaringkan di atas gerai tempat gemulah Pataeng Sagalas tersadai beberapa tahun sebelum mati dulu. Dan sewaktu Zainab sedang menjulum kepala Awang Kechik dengan kain basahan, kaluk pun dipukul orang, diikuti

dengan azan yang mersik memecah kesepian perkampungan Pondok Teloj Tua.

Pada tahun 1988, novel terbaharu Shahnon Ahmad, *Tunggul-Tunggul Gerigis* dihasilkan. Novel ini membentangkan detik-detik peristiwa yang gamat dan cemas.

Dalam bab 25, iaitu bab yang terakhir ini, terdapat kesan ketegangan dan konflik di antara dua pihak manusia dan yang menjadi sasarannya ialah masjid, tempat ibadat di Kampung Poseng. Gambaran itu jelas dilihat pada halaman 288 hingga tamat novel ini iaitu di halaman 305:

USIA Poseng bukan hanya disarathkan dengan ketuaan masjid dan ketuaan anak buah yang hanya menunggu keremukan dan kemusnahan, tapi juga usia yang digelumangi dengan kegilaan kuasa dan kedengkian hati. Pertumbuhannya semenjak dari awal hingga kini adalah pertumbuhan sebuah tubuh yang cergas penuh dengan darah-darah bernas yang banyak menyumbangkan perkembangannya tapi terarah akhirnya kepada matlamat kehancuran kerana kekuasaan dan kedengkian yang menyumbat hati yang tak pernah langsailangsai. Sejarah ini sama seperti sejarah di mana-mana pun kerana ia bermula dari ketiadaan dan kemudian dari ketiadaan itu muncul kewujudan dan dari kewujudan berkembang kepada pergolakan dan pergolakan penuh dengan gelombang serta ketenangan, jenuh dengan kelurusuan yang bercanggah dengan kesongsongan menuju kehancuran dan kepunahan dan akhirnya kembali lagi kepada ketiadaan. Ini adalah juga sejarah insan. Dan ini jugalah sejarah Poseng yang ternyata masih tegak atas tahap pergolakan dan pertentangan antara kelurusuan dengan kesongsongan, antara ketenangan dengan kepongahan. Segalanya cuma ujian-ujian tapi ternyata Poseng tidak lulus dengan ujian-ujian yang bertubi-tubi itu. Kini sama seperti masjidnya dan Su Usulnya, Poseng juga menunggu kemusnahan; baik dalam bentuk kematian, ketiadaan ataupun pengembalian ke tempat asal.

Yang pertama bergolak dalam Poseng bukan sangat kerana kesesatan dan kesongsongan orang lain tapi lebih kerana pegangan kuasa dalam kejahilan. Imam Itam dengan kelompoknya bukan satu bala yang tidak boleh ditahan kemaraannya kerana kelompok itu hanya secalit kudis yang tumbuh kerana kesalahan penggunaan kekuasaan juga. Bukan. Bukan itu yang menjadi punat dalam bisul Poseng, tapi lebih yang berpunca dari kegilaan untuk mencakar kerana kuku-

kuku yang ada benar-benar besi dan kemudian menokak daging-daging yang tercakar itu bukan kerana lapar tapi lebih berpunca dari gigi-gigi yang juga dari taring-taring besi yang ganas. Kuku besi perlu mencakar kerana kalau tidak mencakar, dia bukan lagi kuku besi. Gigi besi juga bukan lagi gigi besi kalau tidak menokak dan menanamkan taring ke dalam tubuh-tubuh. Tak kira siapa yang hendak dicakar atau siapa yang hendak ditokak kecuali jangan diri sendiri atau anak buah sendiri.

Dan Poseng memperlihatkan kuku besi dan gigi besi ini dalam wajah PBB. Itulah sebenarnya yang berkuku besi dan bergigi besi yang kerjanya asyik mencakar dan menokak orang lain; malah mencakar dan menokak Su Usul dan masjid sekalipun. Cakaran dan tokakannya bukan sangat kerana kesalahan orang lain itu tapi lebih kerana kenikmatan yang diterima dari cakaran dan tokakan itu.

Yang kedua bergolak dalam Poseng bukan sangat kerana kesesatan dan kesongsangan orang lain tapi lebih kerana cepat sangat merasai diri begitu lurus dan bersih sedangkan orang lain itu hanya najis dan anjing yang tak boleh disentuh. Mereka lah kelompok terpilih sedangkan orang lain adalah kelompok terbuang kerana tidak ada jalan yang lurus dalam perjalanan. Dan sebagai kelompok terpilih yang disayangi dan selalu dalam kebaikan, ianya perlu bertindak meneruskan pembuangan orang lain ke lembah-lembah yang hina-dina kerana orang lain itu bukan insan tapi anjing, kucing kurap sampah-sarap, najis dan lakin-lakin yang wajib dijauhi; malah wajib dicincang-cincang saja seperti melumatkan batang-batang pisang. Imam Itam cukup meyakini hal ini; malah begitu kuat keyakinannya bahawa mereka adalah kelompok yang sengaja diuji dan kini sudah benar-benar berada dalam golongan orang-orang fasiq, murtad dan kafir. Orang-orang ini perlu dibuang jauh-jauh kerana kalau mati pun hanya mati kojol seperti mampusnya ayam itik digolek lori balak. Itulah Imam Itam memberi penekanan persiapan diri secara dalaman kerana untuk membuang sampah dan anjing serta kucing kurap ini bukan satu kerja yang iseng-iseng. Sampah kadang-kadang begitu membusuk sehingga boleh melemahkan hidung dan menyekat nafas dari keluar masuk. Anjing pun kadang-kadang ganas menokak orang lain dan kucing-kucing kurap kerapnya rajin mencakar diri dan mencakar orang lain. Kuku-kukunya pun adalah kuku-kuku besi yang sukar mencakar dan bercakar.

Tapi Imam Itam tidak gusar lagi sekarang ini. Beberapa tahun rahsia kebatinan dilalui dan dibongkar supaya anak buah benar-benar terasa keindahannya, terutama keindahan

menemui kematian itu. Kalau sekarang pun Imam Itam percaya mereka boleh membuang sampah-sarap, anjing dan kucing-kucing kurap itu. Ini bukan sangat kerana apa-apa. Ini adalah kewajipan juga dan kewajipan yang paling puncak ialah cuba mencari kematian dengan kaedah yang diterima oleh Allah.

Yang ketiga bergolak dalam Poseng bukan sangat kerana kesesatan diri tapi kesesatan orang lain. Dia tidak begitu hiraukan sangat. Kereputan tiang-tiangnya, kesemakan kawasannya dan keruntuhan sebagian besar darinya hanya cara-cara dia menemui kemusnahan itu. Tapi dia tidak dapat melupakan sejarahnya yang bermula dari kewujudan, berkembang ke arah kecemerlangan dan kini benar-benar menunggu kematian juga. Semenjak Lebai Memok dan kemudian Haji Kerchut dan seterusnya Pataeng Sagalas dan membawa kepada Haji Deramang, perasaannya benar-benar murni dan lapang. Dirinya tidak pernah sunyi dari azan dan doa serta zikrullah; malah kadang-kadang yang datang begitu banyak sekali sehingga sendat ruang-ruangnya. Haji Deramang terutamanya yang sering membuat kenduri dan semua anak buah Poseng berkumpul. Dia tidak dapat melupakan sejarah itu. Tapi semenjak bergolak PBB dan PSS dan kemudian masing-masing cuba mengemaskan kuku besi dan taring besi, dia mulai bimbang. Mulai sedikit orang datang menziarahinya; malah bila Imam Itam terlucut dari jawatannya menjadi imam, dirinya terasa sepi dan lengang. Kadang-kadang begitu sayu berada dalam Poseng yang bising dengan lori balak motosikal itu. Dan bila Imam Itam membawa anak buahnya ke madrasah, dia benar-benar pakum kecuali sekali-sekala angin Poseng berembus masuk dan kemudian kambing mulai naik tangga. Dan akhirnya anai-anai, sawang-sawang, lumut-lumut yang menutupi pantat kolah dan tikus-tikus yang berkejaran di atas rasuk, kuda-kuda dan alang-alang. Kini dia hanya menunggu kematian dan keremukan saja. Dia tidak susah hati kerana dia tahu itulah dia perjalanan di mana-mana pun. Ia bermula dari ketiadaan, kemudian diadakan, kemudian bergolak dan akhirnya ditiadakan kembali. Dia yakin kini bahawa masanya untuk wujud hanya sebagai tunggal itu sudah tiba; tiba bersama kuku besi dan hati yang reput. Sama reputnya dengan tiang-tiangnya yang dimakan anai-anai. Hanya yang keempat sahaja pergolakan Poseng benar-benar tumbuh dari cinta yang sejati kerana pilihan lain sudah tidak ada lagi selain cinta itu. Su Usul tidak ambil kisah. Dia benar-benar telah membuat keputusan. Dan keputusan itu bukan dibuat sekarang, malah dibuatnya semenjak tertubuh PBB dan PSS kerana dia tau pergolakan Poseng adalah pergolakan gelombang dan badai yang tak akan

tamat sampai hari kiamat. Kini dia telah melepaskan Goh dengan selamat. Goh sudah lama kembali dan pengembalian Goh bukan pengembalian seperti yang ditempuh oleh ayam itik atau kucing dan biawak tapi ia pergi dengan penuh kesucian dan kekudusan. Dia yakin Imam Itam menamatkan Goh dengan goyokan itu diiringi dengan sebutan Allah dan selawat para Rasul. Nah! Goh sedang menunggu. Juga gemulah Bunga dan gemulah Meli, gemulah Debasa, gemulah Usung, Haji Kassim, Tok Heja, Mak Dewa, Pak Dewa, Keghesom dan Pak Su Mat dan gemulah Tok Liah. Semua menunggu kedatangannya. Juga Bedul, cucunya yang amat disayanginya itu. Dia benar-benar sudah lupa kepada Mahathir dan Aminah yang terus meninggalkan Poseng. Meninggalkan Poseng samalah seperti mati juga tapi kematian itu tak pasti boleh menjaminkan kesejahteraan seperti yang dialami oleh Bunga dan Bedul dan Goh.

Su Usul tersepuk dalam kandangnya menunggu ketika untuknya dijemput pulang. Keindahan rasanya begitu nyata kini kerana dia tidak melintaskan fikirannya dengan wabak-wabak yang lain. Dia sudah tidak ada lagi wabak-wabak itu. Tadi ada lagi orang datang menghulur sesuatu masuk ke dalam lubang mulutnya. Su Usul masih dapat merasai sumbatan itu yang kemudiannya ditolak oleh air yang payau. Dia menelan dan kemudian dia masih boleh merasa bungkusan yang ada di sebelahnya. Tapi hatinya kini sudah benar-benar dipenuhi oleh kerinduan untuk kematian kerana itulah saja jalan yang ada padanya untuk meneruskan kehidupannya. Dan kehidupan itu bukan lagi di Poseng ini tapi di sana – nun – jauh yang sedang dilampaikan oleh Bunga, Bedul, Meli, Debasa dan lain-lain. Kerinduan itu begitu memuncak kini sehingga Su Usu tidak bersabar lagi untuk memulakan perjalanan itu. Kerinduan itu begitu indah sehingga terasa benar nafasnya yang masih berdenyut itu berada dalam perjalanan untuk keluar terus dari tubuhnya yang renggeh dan gerigis. Su Usul merasai benar denyutan yang bakal berhenti itu. Degup-degupnya begitu rancak untuk keluar dari tubuh. Dan inilah yang Su Usul hendak tunggu kerana kerinduan yang diidam-idamkan itu akan benar-benar terhidang dengan penuh kelunukan. Dia akan bersama Bunga, Bedul dan Goh dan semua yang sedang menikmati kerinduan itu.

Dan Poseng membiarkan kesemua kecelaruan itu bercerai dalam jasadnya kerana semuanya sudah wujud di luar kawalannya. Dia tidak dapat mengawal lagi kerancakan dan perkembangannya. Dan dia juga tahu ke arah mana kerancakan dan perkembangan itu kini. Lain tidak ada hanya

kehancuran dan keluputan; malah dia benar-benar merasai kini bahawa dia juga menunggu kematian itu. Kelompok Imam Itam dengan segala kerahsiaan kebatinannya sudah jelas bahawa mereka merindui kematian itu meskipun kematian yang mereka rindui itu lain dari yang lain. Su Usul ternyata sudah ketara kerana Su Usul itu sendiri pun sebenarnya sudah mati. Dia hanya menunggu untuk diperakukan saja. Masjid Poseng sendiri dengan sejarah kegemilangannya itu hanya menunggu kematian. Segalanya sudah renggeh dan setiap keping jasadnya roboh dan relai gugur ke tanah seperti sagun berkecaci dari kelongsongnya. Dan PBB dengan anak buahnya itu pun hanya kelihatan bergerak dan bernafas tapi mereka pun sebenarnya menunggu kehancuran kerana sejarah telah terbukti bahawa di mana-mana tumbuh kuku besi dan taring besi yang kejam dan yang suka menghina orang lain dengan penuh ketidakadilan akan hancur-lebur. Kehancurannya lebih memalukan lagi kerana dia bukan kehancuran suci atau kudus tapi setaraf dengan kematian kojol ayam dan itik yang sering digelek oleh lori-lori balak kepunyaan Merbau Holdings.

Dan seterusnya Poseng hanya membiarkan saja kuman-kuman itu melata mereputkan daging-dagingnya sehingga kelak tiba ketika untuk terus luput dari kenyataan. Dan kejutan-kejutan perlu berlaku kerana keluputan kuman-kuman itu bukan sejenis dan mempunyai fiil-fiil yang tersendiri. Dan itulah yang tercetus di Poseng sesudah beberapa waktu membiar kuman melata dan membahamkan daging dan tulang tubuhnya.

Yang berkuku besi dan bertaring besi sudah siap siaga untuk menghancurkan segala. Subuh pagi itu adalah sebuah subuh yang amat tenteram. Ayam berkокok sampai tumpu subuh dan seluruh Poseng memang bersedia menerima ketenangan subuh pagi itu. Tapi malam sebelum subuh itu segala persiapan untuk meluputkan kuman-kuman telah siap, tapi nampak benar bukan kuman yang dimusuhi oleh kuku besi dan taring besi itu kerana persiapan benar-benar di luar dugaan. Seratus orang serdadu dengan penuh kelengkapan melenyapkan musuh sudah mencelah masuk melalui lurah-lurah yang ternganga; dingangkan oleh kekuasaan dan kesombongan yang mereka sendiri cipta. Malah malam itu yang melanda masuk Poseng bukan hanya serdadu upahan tapi juga kereta-kereta kebal yang bergigi dan bersiung dengan wajah-wajah yang hodoh serta menggerunkan. Segala senjata yang terdapat dibawa bersama termasuk buldozer-buldozer, bazuka yang luas mulutnya supaya mudah memuntahkan besi-besi berbisa. Dan bila ayam-ayam Poseng mula berkokok selepas dinihari,

pasukan kuku besi dan taring besi sudah siap untuk menunggu kedatangan subuh kerana waktu itulah mereka akan menyerang kuman-kuman itu. Tapi ternyata bukan kuman yang menjadi sasaran mereka. Bukan musuh yang menjadi matlamat mereka kerana musuh-musuh itu boleh dihapuskan dengan tindasan belakang kuku saja, boleh dipenyet-penyet macam memenyet pijat-pijat, boleh dijentik-jentik seperti menjentik tahi hidung kering sahaja. Bukan. Bukan musuh yang menjadi matlamat, tapi lebih untuk memperlihatkan kekuasaan dan kesombongan diri melalui kuku besi dan taring besi itu. Dengan persiapan itu mereka boleh meruntuhkan gunung-ganang, boleh merelaikan bukit-bukau dan mereka boleh menguakkan hutan belantara dengan amat mudah. Bukan. Sama sekali bukan. Mereka bukan hendak menghapuskan kuman-kuman yang kerdil penuh kerangka dan bertulang gerigis itu. Sesungguhnya mereka lebih untuk menunjukkan kekuasaan yang ada pada mereka. Dan mereka boleh membuat apa saja yang mereka suka; termasuk menindas kuman-kuman kerdil dengan tank-tank, meriam-meriam, bazuka-bazuka dan seratus serdadu yang serba lengkap.

Tapi malam itu malam peristiwa serentak berlaku dalam Poseng. Sedang yang berkuasa mengangakan mulut-mulut untuk menelan musuh, beberapa keping papan di masjid Poseng relai dan gugur ke bumi. Malam itu angin berpuput agak kuat; malah malam itu kepala angin kecil yang datang dari rimba tandus akibat ditebang, telah datang menempuh rasuk besar masjid Poseng. Rasuk itu pun berkeriak dan akhirnya jatuh menyembah bumi Poseng sendiri. Dan bersamanya yang turun menyembah bumi ialah papan-papan, atap-atap, alang-alang, sawang-sawang, sarang akop-akop dan beberapa ekor tikus yang bercericau di celah-celah. Dan dengan keruntuhan rasuk besar itu masjid Poseng ranap ke bumi mencerahkan suasana tapi menimbunkan bumi dengan kayu-kayu mati dan tak berguna. Tak lama lagi papan-papan itu akan hancur lebur dan tinggal hanya bekas tapak masjid yang bersejarah dengan beberapa buah tunggul yang akhirnya juga akan luput ditelan ketika.

Di madrasah Imam Itam seperti biasa juga pada belah awalnya. Rahsia kebatinan betul-betul diungkap seluruhnya sehingga gelengan kepala malam itu benar-benar dalam kemabukan dan zuuq. Dan bila tiba tengah malam, Imam Itam menerima isyarat dari dunia luar. Ada bahana yang menyampaikan khabar. Bahana itu terhenti dan membisikkan sesuatu ke telinga hati Imam Itam. Perasaannya mulai kurang sedap bagaikan dia tahu di luar sana itu sedang menunggu

raksasa dan gergasi bermulut besar dengan berkuku besi dan bertaring besi untuk menyerangnya dan meluputkan semua anak buahnya dari bumi Poseng. Bisikan itu berulang dan berulang dan degupan jantung Imam Itam semakin rancak. Benar-benar hatinya menerima bisikan itu. Tapi Imam Itam tidak berganjak dari tempat duduknya. Sejadah yang melapikkan punggungnya keredut sedikit kerana kisaran punggungnya yang besar itu. Wajah Kaabah yang berwarna-warni itu memperlihatkan keindahan yang luar biasa. Menara-menara masjidilharam tegak menujoh langit Mekah bagaikan batu-batu nisan yang menandakan mayat terbaring dalam liang lahad. Selesai sembahyang isyak, dia terus berzikrullah dan gelangan kepala semakin lama semakin meliuk dan semakin gedik pendek-pendek kerana kelajuan mulut menyebut ik ik ik. Imam Itam melihat keliling dan kemudian dia cuba mengikuti setiap anggotanya dalam setiap saf dengan hujung matanya. Sedikit demi sedikit mereka tenggelam dalam ik ik ik, mabuk berzuuq dan ghaib dalam Allah Allah Allah Allah. Ada yang mengepak kedua belah kepala lutut di samping gelangan kepala yang terkejang terkejal; malah ada yang begitu dalam zuuqnya sehingga seluruh tubuh berdenut bagaikan ada tusukan jarum halus dan terus-menerus menyucuk daging punggung. Biar para kuku besi dan gigi besi haram zadah penuh laknat itu menyerang dalam keadaan kemabukan ini. Biarkan. Inilah peluang yang paling murni untuk melihat siapa gagah siapa kalah, siapa hak siapa batil, siapa makruf siapa mungkar. Itu yang berbaris di saf dengan gelangan kepala dan kepakan kepala lutut serta denyutan para tubuh bukan lagi jasad yang boleh dilebur. Itu sudah menjadi titik-titik yang tersebat antara roh dan jasad, yang pejal dan tidak boleh dileburkan oleh sesiapa pun di alam buana ini selain Allah. Imam Itam amat yakin dengan perasaannya itu. Allah dan Rasul bersamanya. Dia tahu. Gelangan kepala anak buahnya jelas memperlihatkan kewujudan kekuatan itu; malah suara yang terbit dari mulut yang terkatup menyebut ik ik ik itu pun semakin lama semakin dalam dan perbalahan sehingga bahananya benar-benar menyayukan hati. Biar mereka melepaskan muntahan mereka setakat mana yang mereka ingin muntahkan kerana titik-titik yang berbaris ini tidak akan lut oleh apa sekalipun jenis muntahannya.

Malam itu pun Su Usul seperti biasa juga. Sesudah mulutnya dihulur ketulan-ketulan dan mulutnya itu menyambut ketulan-ketulan itu dengan susah payah, dia menelan air supaya segala ketulan tertolak masuk. Kemudian dia merebahkan tubuh gerigis dan renggehnya itu. Rebah

tubuhnya itu pun sudah tidak disedari lagi kerana Su Usul lebih tenggelam dalam keasyikannya untuk pulang serta-merta. Mereka sedang menunggu tak habis-habis. Itu pun gemulah Bunga melambaikan tangan dengan rancaknya. Itu pun Bedul dengan gamitan dan senyumannya tak juga putus-putus. Mereka semua tenang dan gembira di sana. Su Usul gagah-gagah menyamakan rebahan belakang dan kakinya dengan lembik yang melapikkan tubuhnya itu. Urat saraf sudah terlalu cegang dan kejang hingga tarikannya menyengatkan sedikit pinggang dan kedua belah pahanya. Dia menarik bungkusannya yang berada di sebelahnya kalau dia tidak mahu pergi tanpa bungkusannya. Lain dia tidak ada. Dan malam itu dia cepat memejamkan matanya yang kendur dan berair itu kerana dia benar-benar mendapat nikmat dari hasratnya untuk pulang malam itu juga. Gamitan Bunga dan Bedul dan yang lain-lain itu perlu disambut dengan segera penuh kemesraan. Goh juga tentu berada bersama mereka di sana. Mereka benar-benar bertuah kerana boleh berada di sana lebih awal daripadanya. Tapi bila Su Usul melupakan ingatannya malam itu dia melihat lain pula. Gamitan dan senyuman Bunga serta Bedul tidak kelihatan lagi; diganti dengan kemunculan asap di sana sini. Pada mulanya Su Usul menyangka asap itu tercetus dari gamitan Bunga dan Bedul tapi kemudian ternyata bukan. Dari bumi Poseng itu sendiri berceretek lubang-lubang kecil yang tidak tertutup. Dan dari lubang itulah tumbuhnya ketulan asap yang banyak. Ketulan-ketulan asap itu kemudiannya berpecah dan bertaburan menutupi bumi dan ruang Poseng. Dan bila angin bukit Poseng melintas, asap itu bercempera dan berpusar-pusar mengepul naik ke udara dan habis terbang entah ke mana. Tapi kemudiannya ketulan-ketulan asap baru muncul lagi dari lubang-lubang di bumi Poseng. Dan asap itu berpecah dan menutupi ruang-ruang. Dan bila asap menipis, Su Usul tiba-tiba menatap seekor binatang yang berwajah manusia. Dan bila dia lebih dalam menatap wajah itu, dia teringat pada Bedul. Muka itu muka Bedul, cucunya yang ditindih lori dulu. Telinganya saja begitu besar dan debeng bagaikan telinga gajah. Kedua belah telinga itu terkibar-kibar sehingga angin keliling yang penuh dengan asap turut berputar-putar. Dan bila Su Usul menatap lebih jauh lagi dengan mata tuanya, ternyata kedua belah mata wajah itu tak ubah seperti mata babi; kecil dan dalam kelopaknya menutupi biji mata hitam. Su Usul cuba mendekati binatang itu tapi binatang itu tegak membuka mulutnya yang penuh dengan taring-taring sambil kakinya mencakar bumi Poseng dengan kuku-kukunya yang keras lagi tajam itu. Tanah Poseng terkobak dan ketulan tanah itu

terpelanting hilang ditutupi oleh asap yang tebal. Su Usul disergahnya. Dan Su Usul lari dan lari menyelinap di celah asap yang masih tebal. Dan binatang berwajah manusia bermata babi dan bertelinga gajah itu mengejarnya lintang-pukang. Su Usul terus lari untuk menyelamatkan diri. Dan dirinya yang renggeh, gerigis serta penuh dengan kerangka-kerangka itu benar-benar lari dari binatang yang pelik itu. Dia lari melintas beberapa tunggul yang reput, melangkah masjid yang rebah, dan mengelilingi rimba Poseng yang gersang itu. Tapi binatang itu terus juga mengejarnya. Binatang itu meranduk balak-balak yang tertimbun dan balak-balak itu terpelanting; malah ada yang melambung naik ke udara seperti serpihan papan-papan yang ditakik-takik. Su Usul terus lari melanda semak dan seribu tunggul yang berceretek di bumi Poseng, tapi binatang itu terus mengejar tanpa menghiraukan sebarang halangan. Tiba-tiba sewaktu dia melangkah seketul balak merbau yang agak besar dan tiba di sebelah sana, nampak Goh yang gagah sasa sedang menunggu dengan bengisnya. Kaki kanan depannya mencakar bumi Poseng. Goh membiarkan Su Usul lepas dan bila tiba binatang itu, Goh menanti dengan penuh waspada. Mereka bertentangan dan bergomolan, rebah-merebah tindih-menindih. Masing-masing cendas-mencendas antara satu sama lain, tapi binatang berwajah manusia bermata babi dan bertelinga gajah itu begitu kuat. Dia menindih Goh dan kemudian tegak menghenyakkan kaki-kakinya ke atas perut Goh. Goh mengeruh dan menggelupur dan dari perutnya itu terbit tali-tali perut yang berjela-jela panjangnya. Dan bersama tali-tali perut itu terbit lagi lendir-lendir, darah-darah dan daging-daging yang hancur lebur. Binatang itu tegak berdiri bagaikan untuk memperlihatkan kebesarannya. Su Usul cuba lari lagi tapi binatang itu tegak berdiri di situ. Su Usul beralih ke kiri dan nampak cahaya yang terang tiba-tiba saja muncul dari barat Poseng. Lama dia mengamati cahaya itu dan bila kemunculannya lebih jelas, baru Su Usul sedar. Bola cahaya itu adalah bola matahari yang muncul begitu terang memanaskan bumi Poseng. Segala asap luput dengan serta-merta. Dan bila Su Usul beralih kembali, binatang berwajah manusia, bermata babi dan bertelinga gajah itu sudah tidak ada. Dia hilang bersama asap yang tadi begitu ghairah berkepul-kepulan. Su Usul beralih lagi ke kiri dan bola matahari itu begitu cepat bergerak naik memancarkan sinarnya yang terik itu. Terasa benar bahangnya menyiat kulit-kulit di tubuh. Dan kulit-kulit di tubuh Su Usul mengelupas dan kepingan-kepingan kulit yang mengelupas itu luruh ke bumi Poseng meninggalkan daging-daging yang kemerah-merahan. Tiba-tiba Su Usul menangkap

suara sayup-sayup dari jauh laksana bunyi sesuatu yang terbit dari sejenis tiupan. Begitu sayup dan memanjang bunyi tiupan itu sehingga memedihkan anak telinganya. Dari sebelah matahari terbit itu maralah gelombang itu bergulung, melipatkan apa saja yang tegak di bumi Poseng. Satu persatu segala benda dilipatkannya masuk ke dalam gulungan itu. Su Usul tersenyum. Sekarang tidak ada siapa lagi yang boleh menyekatnya untuk meneruskan perjalanan pulang menemui gemulah-gemulah yang dikasihinya. Gelombang itu akan tiba kepadanya dan dia sendiri akan dilipat dan dimasukkan dalam gelombang itu. Perlahan-lahan dia merebahkan badannya yang tua, menarik bungkusan yang teguh dikapitnya di celah ketiaknya. Nah! sekarang tibalah ketika yang selama ini diidam-idamkan. Dia akan meninggalkan bumi Poseng yang membosankan ini. Dia akan pergi menemui gemulah-gemulah yang sekian lama menunggu kepu langannya. Dia akan pulang kali ini tanpa sebarang halangan lagi. Dia mengalihkan tubuhnya yang renggeh itu supaya terlentang. Kedua belah tangan diangkat untuk mendakap dadanya yang kerangka. Kedua belah kakinya diluruskan merapatkan keduanya ke tubuhnya bagaikan dia sudah pun dikafankan. Su Usul masih dapat tersenyum kerana kali ini kepu langannya benar-benar menjadi nyata. Dan dia menunggu dan menunggu ketibaan gelombang itu ....

Di balai raya, Mahmud akan isytiharkan satu berita yang baik kerana dia baru saja pulang bersama Tok Wakil dari ibu kota. Ada berita baik dari MB. Dan bila PBB cawangan Poseng bertemu malam itu, semua ahli riang tak kira-kira kerana Mahmud akan menyampaikan berita baik meskipun waktu itu jenis beritanya masih rahsia. Cu Leman, Mihat, Saad, Junuh, Kata O, Salleh, Ramli, Dolah, Pak Lang Baka, Amir, Mohd. Dee, Sahak, Lahamad, Zemi Peng, Cunong, Mat Demang Lebar Daun, Mat Bin Kayu Balak dan Mat Isa Merbau Holdings semuanya datang untuk mendengar khabar baik itu. Tak ketinggalan juga para ahli kaum ibu. Dan ini termasuklah jaguhnya Kak Yon Esa isteri Mahmud, Timah isteri Cu Leman, Mak Cik Jan isteri Mihat, Kak Lat isteri Saad, Maznah Bidan yang masih tak berpunya, Kiah Li, Kiah Leh, Kiah Lah dan beberapa orang lagi ahli baru.

Masjid lama Poseng akan dirobohkan secepat mungkin. Boleh jadi minggu depan traktor masuk menolak sisa-sisa yang ada. Mahmud terus terang saja kerana Tok Wakil meminta dia berterus terang fasal masjid itu. Segala simen, kayu reput, paku berkarat, alang, kuda-kuda, termasuk mimbar, termasuk sejada yang lapuk-lapuk dan rihal-rihal yang tak boleh

bercabang lagi akan dibuang. Semua akan diangkut dengan lori, dibuang di penjuru Poseng dan tanah itu akan diratakan. Segala saki-baki akan dibakar jadi abu. Tak ada gunanya lagi simpan masjid itu. Akan diganti dengan masjid baru. Dalam setahun saja masjid itu akan siap. Makan belanja dekat-dekat satu juta. MB sudah berjanji. Dan MB kata biar masjid baru Poseng itu tersergam dengan indahnya mengatasi masjid-masjid lain di daerah itu, menelan madrasah Imam Itam. Kecubungnya tinggi melangit, bulat dan tirus di hujung dengan sinaran cahaya yang tak hilang pancarannya. Kolah dari batu marmar khusus dari Langkawi supaya lumut tak lekat lagi. Air bersih sampai bila-bila. Lepau tak akan didirikan tapi diganti dengan serambi yang lebih selesa. Tempat pukul gebang sampai tumpu siang. Mimbarnya pula akan dibawa dari Kelantan. Dibuat dari kayu meranti jenis yang hanya boleh didapati dari belantara Gua Musang. Diukir dengan baik bercorak bunga petola bercampur dengan bunga melur bukit. Menaranya tinggi sekali supaya azan berkumandang memenuhi setiap sudut Poseng dan menenggelami azan dari madrasah Imam Itam.

"Biar kita ajar mereka kali ini. Biar tersergam di situ sampai tak terkata," ujar Kak Yon.

"Ajar siapa?" tanya Mihat.

"Siapa lagi kalau bukan Imam Itam dengan anak buahnya. Padan muka mereka. Cakap besar tak padan dengan madrasah macam reban ayam," sambung Kak Yon.

"Cuma serambi itu kelak jangan jadi gelanggang pukul terup sudah!"

"Serambi itu dibuat untuk berbincang."

"Berbincang tu bagus, tapi sekali-sekala elok juga kita ubah selera."

"Berbincang boleh, tapi dua orang pun boleh berbincang." Mencelah Cu Leman.

"Kalau dua orang, Cu Leman dengan Kak Yon pun dah cukup," Mencelah pula Mihat.

"Itu bukan bincang lagi. Dah jadi serambi lain pula."

"Jangan cuba bawa perkara lain. Ini fasal masjid kita bincang. Masjid itu rumah Allah, kalau tak tau sangat pun."

"Siapa yang tak tau."

"Masjid tempat sembahyang, bukan tempat main terup."

"Ada tempat kita bersungguh. Ada tempat kita bermain," sambung Mihat.

"Berbincang dua orang di serambi bukan bersungguh? Bukan bermain?"

"Perbincangan itu ada bersungguh. Kalau tak bersungguh, macam mana nak keluar peluh. Kalau tak bermain dulu,

macam mana nak bersungguh. Kalau terus bersungguh, macam kapuk batang pisang tepi paya sajalah." Mencelah Cu Leman.

Malam pun masa beredar dengan lajunya. Balai raya menjadi lengang kembali bila para ahli PBB pulang. Angin Poseng berpuput dengan lunaknya. Ada beberapa keping papan lagi luruh di masjid lama. Su Usul sedang menunggu ketibaan ketikanya untuk pulang. Imam Itam dan anak buah terus tenggelam dalam zuuq. Dan dalam semak ternganga para kuku besi dan gigi besi untuk membaham mangsanya. Mereka pun menunggu ketika juga sama seperti Su Usul, tapi ketika mereka lain dengan ketika Su Usul. Kelak bila menerima arahan, segala peluru akan dimuntahkan ke atas madrasah itu, menghujani ketulan-ketulan besi itu sehingga tak seorang pun boleh tenggelam dalam zuuq lagi. Su Usul masih menunggu ketibaan gelombang besar itu kerana dia sudah benar-benar bersedia.

Malam merangkak terus hingga tumpu dinihari. Ayam mulai berkокok awal menyahut kokok-kokok yang lain dari setiap bucu Poseng. Papan dinding masjid lama Poseng serpih dan gugur lagi ke bumi menindih apa yang ada tertiarap di situ. Para ahli PBB tidur dengan nyenyak mengigaukan kesergaman masjid baru yang bakal dibina dengan kucubung yang tinggi bersinar dan lantai batu marmar yang tak pecah. Su Usul masih menunggu ketibaan gelombang yang dicita-citakan. Dan Imam Itam dengan anak buahnya terkulai dengan gelengan kepala menyebut ik ik ik. Mereka sungguh-sungguh tenggelam dalam mencintai Allah dan bergelumang dalam zuuq yang cukup mesra penuh keajaiban.

Dan di kala itulah seratus serdadu mengorak langkah menuju madrasah yang bakal menjadi sasaran. Tiba-tiba saja madrasah dikepung di empat-empat penahap. Meriam dan tank menghulurkan muncung menunggu detik untuk memuntahkan belerang. Semua siap siaga dengan bazuka, senapang, mesingan, bom tangan bagaikan benar-benar hendak meruntuhkan gunung-gunung; bukan menundukkan kuman-kuman yang kerdil-kerdil. Dan bila dinihari jauh merayap ke hujung dan kokok ayam mulai rancak bersahutan, madrasah dihujani peluru dan peluru. Semua menjadi gamat dan gawat. Papan dinding masjid tua terus luruh lagi. Su Usul terkedang menunggu ketibaan gelombang. Para ahli PBB juga mabuk dalam iguan masjid baru yang gemerencing itu. Tapi dalam madrasah anak buah Imam Itam semuanya benar-benar tenggelam dalam kemabukan rasa, benar-benar tersebat dalam zuuq yang merupakan segala selain Allah. Dan belulang-belulang yang terkulai rapuh itu terus-menerus ditembusi besi-

besi waja yang berbisa, menikam hati dan jantung, menujah tulang-tulang dan tengkorak-tengkorak yang masih mengepung otak-otak. Para kuku besi terus menjunamkan kuku ke atas madrasah. Dan semua menjadi sepi seketika. Ayam berhenti berkокok. Papan masjid tua juga berhenti luruh ke bumi. Su Usul tetap juga menunggu. Dan Imam Itam serta anak buahnya terus berhenti menggeleng kepala kerana tubuh-tubuh itu telah hancur lebur memancutkan darah membanjiri lantai papan madrasah itu. Mereka benar-benar berada dalam kelemasan dan zuuq berpanjangan. Dan mereka tidak akan patah kembali lagi. Su Usul yang sedang menunggu tiba-tiba merasai jantungnya mulai kendur. Degupannya perlahan-lahan. Gelombang tiba dan melanda jasadnya dan jasad itu dilipat masuk dalam gulungan gelombang itu dan terus berpusar dan berputar hingga setiap yang ada direntap bersama; termasuk sisa-sisa masjid tua, sisa-sisa madrasah, khayalan-khayalan masjid baru dan segala isi kandungan Poseng.

Poseng menyambut kemunculan subuh pagi itu dengan keredupan rasa dan keserabutan akal meskipun jelas benar sinaran matahari cukup terik dan berani. Lori-lori kepunyaan Merbau Holdings tidak menghenyakkan tayar-tayar atas bumi Poseng pagi itu. Semua turut terkeok entah di mana. Motosikal-motosikal anak-anak muda berjulung pucuk lalang pun hilang entah di mana bagaikan dijemput buang oleh bomoh-bomoh sendiri. Ayam itik kerbau lembu biawak dan mengkarung tidak terbit dari reban dan kandang dan lubang. Semuanya berpunca dari kekuasaan dan kesombongan. Kekuasaan dan kesombongan kuku besi dan gigi besi yang memegang teraju pusat negara sungguh-sungguh menggigit dan menokak. Mereka betul-betul tak ada tali perut dan tali hati kerana sengaja hendak mempamerkan kekuasaan yang ada.

Madrasah remuk seremuk-remuknya. Tiang-tiang, papan-papan dinding, lantai-lantai, jerjak-jerjak, alang dan kasau, kuda-kuda dan kecubung; sejadah dan tikar mengkuang, tirai kain perca dan biji-biji tasbih yang bertali tersangkut di pakupaku. Semuanya remuk dimakan peluru dari kuku besi dan gigi besi. Dan daging-daging bugar bersama dengan tulang-tulang, lendir-lendir hempedu dan jantung, hati dan usus-usus, darah-darah dan lemak-lemak bergelumang bersama tanah merah bumi Poseng bertindihan dengan papan-papan dan sejadah-sejadah. Dan tulang-tulang itu bergerigis. Ada yang besar. Ada yang kecil. Dan banyak juga tulang-tulang kerdil dan tulang-tulang cilik kepunyaan budak-budak dan bayi-bayi. Jasad Imam Itam, Mawardi, Lahamad, Derani, Mat Sin, Jumaat,

Abdul Wahab dan semuanya tidak dapat dikenali lagi kerana muka-muka hancur dan tulang-tulang berkecaci. Yang nampak bagai tanda hanya ketayap-ketayap, tali pinggang mamak, kain pelekat cap tarbus, rumbai-rumbai serban dan kancing-kancing baju teluk belanga. Itu pun banyak yang merah berlendir kerana bergelumang dengan darah dan lemak-lemak.

Tapi yang remuk dan hancur cuma daging dan tulang saja. Dan dalam kemabukan kebatinan serta teguh dalam iklim zuuq itu daging dan tulang hanya benda-benda yang disisip untuk dijadikan sangkar sahaja. Tulang dan daging tidak penting. Sangkar tidak penting. Malah dalam kemabukan zuuq itu tulang daging yang dikatakan jasad itu sebenarnya tidak wujud. Tidak ada. Yang wujud hanya roh. Dan roh dalam keadaan zuuq itu ditarik kembali oleh Allah dengan penuh kerahmatannya. Roh tidak mati; malah orang-orang yang gugur di jalan Allah sebegitu sebenarnya tidak mati. Mereka tetap hidup; bahkan mereka hidup di sisi Allah dengan mendapat banyak rahmat dan banyak rezeki. Mereka selalu dalam keadaan gembira disebabkan kurnia Allah yang dijanjikan kepada mereka.

Di dalam kandang di bawah rumah, Su Usul juga akhirnya dapat pulang untuk menemui gemulah-gemulah. Dan kali ini dia tidak khayal-khayal lagi. Terasa benar dia turut digulung macam tikar. Tapi Su Usul pun berada dalam zuuq juga meskipun zuuqnya tidak setara dengan zuuq Imam Itam dan anggota harakahnya. Tapi dia berada dalam zuuq juga. Dan yang paling cantik sekali ialah Su Usul ada Bedul yang sedang menunggunya di sana, Bedul masih lincah macam anak kijang. Bedul pasti akan berada menunggunya. Kelak Bedul akan memimpinnya dan memimpin Bunga untuk terus pergi ke al-jannah. Dan Su Usul pun sebenarnya tidak mati. Dia hanya berpindah dari Poseng ke alam barzakh. Dan alam barzakh jelas bukan hak kuku besi atau gigi besi. Tak ada kuasa sesiapa di sana selain Allah.

Dan masjid tua Poseng turut ranap semuanya menyembah bumi bagaikan turut bersama dengan zuuq-zuuq yang sedang memagut. Papan-papan itu akan dibakar dan dibuang begitu saja untuk digantikan dengan jasad-jasad yang lebih teguh dan megah untuk benar-benar melambangkan kekuasaan dan kesombongan kuku besi dan gigi besi juga. Itu hanya jasad-jasad yang tidak bermakna dan kelak akan hancur lebur sama seperti daging dan tulang.

Matahari semakin tinggi memancarkan sinarnya di seluruh Poseng. Secalit sinaran itu menikam batang pokok medang yang renggeh dan gerigis itu pun akan tumbang hancur juga.

Tapi di perdunya terhulur puncak baru yang cuba menujah untuk bersama mengecap cahaya matahari. Dan pucuk itu tajam bulat lagi untuk kelak mengembang menjadi batang, dahan dan ranting. Akan berkepaklah daun-daun medang itu kelak sebagai ganti medang yang renggeh dan gerigis. Sesungguhnya patah tumbuh hilang berganti.

Wallahuaklam.

## BAB LIMA

### UCAPAN KERTAS KERJA TERPENTING

DALAM bab ini diberi petikan-petikan daripada ucapan atau kertas kerja terpenting Shahnon Ahmad yang memperlihatkan sikap dan sifatnya terhadap perkembangan kesusastraan Melayu secara umum. Daripada sikap dan sifat itulah dapat dijelaskan secara khusus tentang penghasilan karya-karyanya. Jelas dalam perkembangan penulisan Shahnon, terdapat ciri-ciri teori yang dikehendaki dan amali daripada teori tadi. Ertinya di samping memberi kaedah-kaedahnya, dia sekaligus mempraktikkannya.

Ucapan-ucapan dan kertas-kertas kerja penting Shahnon menonjol sekitar pertengahan tahun 1970-an, apabila dia mula ghairah dengan konsep sastera Islamnya.

Dalam ucapan pada Hari Sastera di Kedah, 1–5 Ogos 1976, bertajuk "Ke Mana Harus Kita Pergi", dia berkata:

Dan akhirnya kita berkesudahan dengan satu titik sesat yang kita sendiri tidak tahu ke mana harus kita pergi. Untuk terus ke Barat, kita sendiri rasa canggung dan malu kerana kita berkulit sawo matang dan berpijak di bumi yang terkeluar dari peradaban Barat. Untuk mengekalkan tapak pada tradisi kebangsaan dan Islam, akar dan tunjang kita selama ini tidak pula kukuh. Maka bergoyanglah kita mengikuti angin dan rasa.

Bertolak dari situ, Shahnon menulis secara ringkas tentang konsep Sastera Islamnya di *Dewan Bahasa*, Julai 1977:

Berbudaya, berseni atau bersastera bertunggakkan Islam, sama saja seperti beribadah atau berbakti kerana Allah. Di sini

beribadah membawa pengertian yang luas mencakup sebarang perbuatan manusia demi kerana Allah semata-mata; bukan sekadar bersembahyang, berpuasa, menunaikan fardu haji atau berzakat. Dalam beribadah (seperti dalam proses penciptaan karya sastera) pokok pangkal wajib bertolak dari tauhid – keyakinan seluruh jiwa raga tentang Keesaan dan Ketunggalan Allah. Bersastera mengikut Islam wajib dijalankan kerana Allah, tidak ada yang lain melainkan Allah, tetapi sama seperti beribadah yang berbagai-bagai corak, hikmahnya adalah untuk manusia. Dan ungkapan "kerana Allah" dan "untuk manusia" cukup erat kerana bila bersastera kerana Allah dengan sendirinya kita yakin tanpa berbelah bagi bahawa setiap yang diperintah oleh Allah (melalui al-Quran dan al-Sunnah) adalah untuk kesejahteraan dan kebahagiaan hidup manusia. Kerana itu sastera Islam dapat kita lihat sebagai sastera kerana Allah berhikmah untuk manusia sejagat.

Pada Hari Sastera, 24–27 Julai 1978, di Kuala Terengganu, Shahnon membahas sebuah kertas kerja bertajuk "Sastera Melayu dan Islam". Katanya:

Namun begitu kita tidak seharusnya pesimistik dalam perjuangan kita menuju ke arah "keislaman". Tidak ada pessimisme dalam Islam. Kita kini telah kenal siapa kita, siapa yang sebenarnya "menghilangkan" dan "mengurangkan" unsur-unsur keislaman kita dalam kesusasteraan dan bidang-bidang yang lain. Langkah ke arah itu telah banyak sekarang.

Dalam bulan Disember 1978, Shahnon membentangkan satu kertas bertajuk "Penerangan Islam Menerusi Penulisan Kreatif", anjuran GAPIM (Gabungan Penulis Islam Malaysia). Dia membincangkan tentang isi dan teknik:

Kedua-dua nilai positif "indah" dan "baik" ini bertemu pada zat Allah. Oleh itu wajib berpadu dalam setiap kegiatan seni ciptaan sesiapa yang mengabdikan diri kepada Allah. Oleh itu juga setiap karya sastera kreatif perlu "indah" dan "baik". Perseimbangan antara dua ciri ini dalam sesebuah karya, baik puisi atau cereka, telah lama diterima umum. Selalunya kita gunakan istilah "isi" dan "teknik". Isi perlu baik dan manfaat dan teknik perlu indah dan cantik.

(hlm 22–23)

Dalam bulan Disember 1979, Shahnon membuat ucapan bertajuk "Kesusasteraan Antara yang Hak dan yang Batil" pada

## UCAPAN KERTAS KERJA TERPENTING

Simposium Kesusasteraan, anjuran Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Katanya:

Pada hemat saya, sesudah turut juga menceburkan diri dalam kegiatan bersastera yang agak lama, saya kembali yakin kepada premis lama yang kini selalu juga dianggap ketinggalan zaman tetapi yang tak lapuk dik hujan dan tak lekang dik panas bahawa kesusasteraan yang hak adalah kesusasteraan yang berakhhlak, kesusasteraan yang bermoral, bertujuan meningkatkan kehidupan manusia terus-menerus ke arah kesempurnaan dan sedia, dalam waktu yang sama, menentang kesusasteraan yang batil; bukan kesusasteraan yang merendah dan menghina kehidupan ini. Seni sastera yang remeh-temeh yang tidak bertunggakkan etika yang baik, yang hanya hanyut dibawa arus kemabukan rasa, yang hanya mudah diluah untuk sekadar sementara memenuhi panggilan nafsu atau sekadar mengisi keperluan indera di luar kawalan, walau seindah mana sekalipun, tidak akan membawa rahmat dan manfaat apa-apa selain menebalkan lagi egoisme si pencipta. Kegiatan dan hasil penulisan hanyut dan akhirnya luput. Hanya kebatilan yang menguasai karya-karya begitu dan pengarang kemabukan rasa begini hanya mensia-siakan saja daya dan bakat yang diberi oleh Khaliq.

Pada Hari Sastera di Ipoh, April 1980, Shahnon membentangkan kertas kerja bertajuk "Sastera dalam Pembinaan Akhlak – Satu Renungan dari Sejarah Sastera Melayu". Dia membincangkan makna Islam, hubungan Islam dengan kesusasteraan, soal akhlak dan kesusasteraan dan sejarah kesusasteraan sebagai asas akhlak.

Ketika berucap mengenai hubungan Islam dan kesusasteraan, Shahnon menjelaskan:

Oleh sebab kesusasteraan adalah manifestasi dan refleksi daripada kehidupan dan kesusasteraan juga perlu digiat mengikut lunas-lunas fitrah manusia, maka soal bersastera tidak perlu dipertikaikan lagi. Kita kembali kepada pangkal persoalan dan kita akan tiba pada tahap di mana tujuan bersastera akur dengan tujuan hidup yang sebenarnya, iaitu: "Solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam" (*al-An'am* (6); [162].

Menurut tanggapan Islam yang sebenar jelas bahawa berseni (meliputi bersastera) adalah satu ibadah, satu kegiatan yang diusahakan oleh mereka yang dianugerahkan bakat ber-

sastera khusus kerana Allah kerana tahap puncaknya seiring dengan manusia-manusia lain yang lain pula bakatnya untuk membina peradaban dan kebudayaan di atas muka bumi sesuai dengan petunjuk Allah.

Selepas itu, Shahnon membentangkan kertas-kertas kerja tentang sastera Islam. Dalam bulan Mac 1981, dia membentangkan kertas kerja berjudul "Pemeliharaan Nilai-nilai Sosial dan Kebudayaan Islam dalam Menghadapi Pembangunan Perindustrian" di Seminar Kebangsaan tentang Konsep Pembangunan. Sebulan selepas itu, dia membentangkan kertas kerja di Seminar Penulis, di Institut Teknologi Mara, bertajuk "Penulisan Kreatif – Persoalan Nilai dalam Penghasilan". Katanya tumpuan penulis perlulah kepada peranan manusia itu sendiri dan bukannya tentang stail dan plot sahaja:

Allah menganugerahkan bakat mengarang kepada kita dengan harapan bakat itu dipergunakan untuk meningkatkan kehumanian agar bertambah takwa kepada Allah. Setiap pengarang Muslim yang tidak menjalankan tugasnya ini ternyata lah penilaianya negatif kerana sanggup mensiasati anugerah gaya yang diberikan oleh Allah. Dia tidak menjalankan tanggungjawab yang sebenar. Dan ini bererti dia tidak mengenal dirinya dan tidak memperalatkan media kreatif itu untuk mensyukuri nikmat Allah. Dia tidak mengeksplotkan keupayaan dan kebolehannya menguasai bahasa untuk tujuan meningkatkan kehidupan dan penghidupan mengikut yang direndai Allah.

Di samping menulis cerpen-cerpen yang berunsur Islam, Shahnon juga memberi pendapat-pendapat tentang teori dan konsep sastera Islam. Penghasilan karya-karya cerpennya yang enam buah itu ingin disesuaikan dengan teori-teori dan konsep yang dibentangkanannya dalam artikel-artikel itu.

Di antara konsep-konsep yang dibentangkan ialah mengenai moral manusia. Jelasnya:

Tetapi etika seseorang Muslim yang sempurna perlu ada empat cirinya. Di samping itu "tahu" tentang kebaikan Islam, "sedar" tentang kebaikan Islam dan "amal" sedikit sebanyak apa yang disuruh oleh Islam, kita perlu "hayati" Islam itu. Hayat erti nya hidup, jiwa atau roh. Hidup kita perlu dirohkan atau dijiwai oleh roh Islam; hayati Islam dalam erti kata hidup dalam semua

aspek mengikut Islam. Ciri hayati inilah yang masih tidak ada dalam etika masyarakat Islam kita. Akibatnya kita menjadi watak-watak Muslim yang ragu, yang berberaian peribadinya. Kita menjadi manusia kacau, bertentang antara banyak nilai. Kita tahu dan sedar dan dalam banyak hal mempraktikkan pula beberapa amalan dasar tetapi sayangnya penghayatan tidak ada. Dalam keadaan ragu dan gelisah itu, timbulah berbagai helah untuk menunjukkan lagi keraguan itu.

(*Kesusasteraan dan Etika Islam*, hlm 103)

Dalam kertas kerja Simposium Darul Iman, Kuala Terengganu, pada 8 Disember 1981, Shahnon membicarakan sifat-sifat seseorang pengarang, objek penceritaan, stail penceritaan dan kesan pence-ritaan. Mengikutnya sifat-sifat pencerita adalah:

Seseorang pengarang cereka Islam adalah seorang Muslim dalam erti kata yang sebenar-benarnya. Dia benar-benar mengenal Allah yang mengenal dirinya. Dia yakin mengapa dia berada di dunia ini, yakin tentang tugasnya kepada Allah dan juga sesama manusia, yakin matlamat hidupnya yang sebenar serta balasan baik buruknya di Hari Kemudian. Dia amat sedar bahawa kewujudannya adalah dalam realiti dua dimensi: vertikal dan horizontal, iaitu fizikal dan spiritual. Dia berdaging darah, bekerja menentukan hidupnya, sedar tentang batasan-batasan keupayaannya tapi juga dia boleh mendapat pertolongan Allah kerana Allah adalah Maha Penyayang, Maha Pemurah dan Maha Adil. Dia sedar bahawa akhirnya akan kembali kepada Allah kerana datangnya pun daripada Allah. Dia sedia menerima ganjaran yang akan diterima kelak.

Tentang objek penceritaaan pula:

Keperihalan manusia menjadi objek penyampaian. Keperihalan ini mencakupi bidang yang amat luas dan menyeluruh; tersimpul dalam kewujudan dan peranan manusia itu sebagai hamba dan khalifah Allah. Berpunca dari itu sebagai hamba dan khalifah Allah, manusia wujud dalam realiti dua dimensi: vertikal dan horizontal, fizikal dan spiritual.

Tentang stail pula katanya:

Secara struktur, cereka Islam sememangnya mengandungi dan mengakui antara lain, unsur-unsur plot seperti *deus ex machina*, kebetulan, ketentuan Allah dan sebagainya. Juga unsur-unsur perwatakan seperti sifat-sifat kewalian dan penga-

ruh hidayah serta makhluk-makhluk dan kejadian-kejadian ghaib ke atas pembentukan peribadi watak dan seumpamanya yang tidak bercanggah dengan Islam; bukan sekadar pengaruh nafsu yang berbagai lapisan seperti Ammarah, Syaitaniah, Sububiyah dan Bahimiyah. Atau unsur-unsur persekitaran badani-material-intelektual saja.

Tentang kesan dijelaskan empat kesan positif iaitu:

- a. Kesan epik, iaitu semangat keperwiraan/kepahlawanan dalam menegakkan yang hak seperti karya-karya tentang Iskandar Zulkarnain dan Amir Hamzah.
- b. Kesan didaktik pengajaran dari peristiwa kebenaran dan kebatilan dalam kehidupan.
- c. Kesan mistik iaitu rasa kemesraan atau kesatuan yang tulen antara insan dengan Allah, asyik dengan maksyuk seperti dalam karya-karya sufi.
- d. Kesan kebebasan dalam erti kata yang sebenar-benarnya dalam peribadi, jiwa dan pemikiran.

Dalam bulan Oktober 1982, Shahnon membuat ucapan penting bertajuk "Cinta" dalam Majlis Anugerah Sastera Negara oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong di Bangunan Parlimen:

Para sasterawan kita ternyata telah maklum bahawa bakat yang dianugerahkan oleh Allah kepada mereka itu hanya untuk merakamkan cinta dan kebenaran abadi martabat tertinggi; bukan menggiurkan daya persepsi pembaca dengan berbagai jenis cinta martabat rendah. Para sasterawan kita telah faham bahawa objek penyampaian dalam karya-karya mereka adalah keperihalan pengalaman badani, perasaan, indera-indera tetapi juga aspek-aspek akaliah, rohaniah dalam konteks hubungan manusia dengan Allah. Sasterawan-sasterawan kita juga telah tahu bahawa teknik penyampaian mereka ialah penampilan struktur dan gaya yang mengutamakan kemuliaan daripada kehinaan, yang terpuji daripada yang terkeji, yang makruf daripada yang mungkar. Dan sasterawan-sasterawan kita juga sudah ada yang sedar bahawa kesan-kesan karya mereka hendaklah semuanya memuncak kepada cinta keindahan abadi dan cinta kebenaran abadi.

Di bawah ini, diturunkan petikan ucapan terpenting Shahnon Ahmad dalam bentuk wawancara yang dibuat oleh Salmiah Ismail

pada 14 Jun 1987. Ini merupakan pendapat atau gagasan mutakhir Shahnon yang disiarkan dalam *Dewan Sastera*, Ogos 1987 bertajuk "Kita Bebas Berkreatif Tetapi Harus Ada Landasannya":

SALMIAH ISMAIL: *Apa pandangan Datuk, tentang kedudukan sastera kita sekarang dan apakah yang perlu dibuat sekiranya ada masalah di dalam perkembangannya?*

SHAHNON AHMAD: Saya rasa sastera Malaysia secara umumnya sekarang masih belum menampakkan peningkatan yang sepatutnya, kecuali karangan beberapa pengarang. Salah satu sebabnya, kita begitu ghairah dengan soal keislaman dan masing-masing pengarang cuba hendak menerapkan nilai-nilai Islam dalam karya-karya mereka, baik puisi, cerpen ataupun novel. Tetapi penerapan nilai-nilai Islam ini saya dapati hanya penerapan fakta-fakta sahaja, tidak merupakan penerapan yang bersepadan di antara fakta Islam dengan seni. Ini yang menyusahkan saya, sehingga apabila kita membaca novel, kita dapati aspek seninya itu begitu tawar sehingga karya itu sebenarnya hanya karya luahan-luhan tentang beberapa konsep Islam, perwatakan yang daripada jahat menjadi baik dalam Islam, soal-soal taubat dan sebagainya. Tetapi tidak pada aspek-aspek kesenian, sedangkan bagi saya, kesenian itu merupakan nadi sebuah karya sastera – aspek-aspek kesenian sangat penting dalam berkarya. Punca kelemahan ialah pengarang-pengarang kita masih belum lagi dapat menangkap apakah yang dikatakan novel yang sebenar, Islam dan juga gabungan ataupun kesepadan di antara estetika dan faktafakta Islam. Tetapi ada juga karangan seperti yang saya katakan tadi daripada pengarang-pengarang novel, cerpen dan puisi, yang saya rasa ada peningkatan, cuma jumlah sedikit, masih belum memuaskan. Salah satu lagi sebabnya, saya rasa, ialah kefahaman dan kesedaran mereka tentang Islam belum sampai ke peringkat penghayatan. Ini menyebabkan mereka memasukkan unsur Islam itu secara longgokan-longgokan pada sastera mereka dan kita rasa karya-karya itu kadang-kadang lucu dan agak terlalu kering dan tidak mesra apabila kita membacanya. Kita rasa terpisah, seolah-olah ia dibuat-buat sahaja. Dan ini menyebabkan mutu kesusteraan kita itu tidak meningkat.

*Pada pandangan Datuk adakah karya yang bercorak Islam itu sahaja yang paling baik, atau adakah sastera itu hanya baik apabila ia mempunyai nilai estetikanya?*

Dulu memang saya beranggapan begitu. Tetapi bagi saya, karya sastera ini merupakan satu unsur pendidikan, salah satu bahan untuk membina kita, iaitu menerusi bacaan yang dapat kita rasai secara halus. Bagi saya, apabila dikatakan begitu bermakna bahawa karya sastera ini mestilah dapat membina kita. Kaedah membina itu ialah satu kaedah seni tetapi matlamat membina itu harus berdasarkan Islam. Jadi, banyak karya yang hanya mementingkan soal-soal estetika sahaja tapi tidak jelas tujuannya ke arah pembangunan. Pembangunan ini maksud saya, seharusnya memperlihatkan kebenaran berdasarkan Islam, memperlihatkan kejujuran, memperlihatkan pertentangan di antara kebenaran dan kebatilan, memperlihatkan kebaikan dan kejahatan manusia supaya kita dapat menilai – kerana dalam karya sastera, pembangunan juga merupakan satu faktor nilai. Apabila kita membaca sebuah karya sastera itu kita harus dapat menilai yang mana yang baik dan yang tidak baik berdasarkan Islam. Tetapi kesan penilaian itu mestilah kesan seni tadi, kesan estetika dan sekiranya kita boleh dapat kesan seumpama itu, maka ia adalah cukup baik.

*Dalam hubungan ini apakah kita perlu menolak karya yang ditulis oleh penulis bukan Islam tetapi mempunyai nilai estetika dan nilai pengajaran yang tinggi?*

Kalau daripada segi penerimaan, karya pengarang bukan Islam yang mempunyai nilai seni yang tinggi di samping menerapkan unsur-unsur pendidikan yang baik maka kita memang menerima sebagai sebuah karya sastera. Cuma bagi saya kita menerimaanya pada tahap itu sahaja, sedang saya melihat kesusteraan pada tahap yang lebih tinggi. Ada tahapnya karya itu kita anggap sebagai satu ibadat, kerana kita mempunyai bakat mengarang dan bakat mengarang itu diberikan oleh Allah. Manakala orang-orang yang bukan Islam mereka juga membuat baik sesama manusia tetapi oleh sebab hakikat soal-soal tauhid mereka tidak dapat diterima oleh Allah. Sebagai sebuah karya, kita boleh membaca dan nikmat.

*Sekarang telah timbul kecenderungan beberapa pihak mengadakan peraduan penulisan yang bertemakan keislaman. Jadi tidakkah nanti akan timbul masalah penulis hanya menempel unsur-unsur Islam semata-mata, sedangkan sebenarnya yang timbul dalam masyarakat bukan itu sahaja?*

Ini memang telah saya tentang dari dulu lagi dan saya juga pernah berdebat dengan Prof. Ismail Hussein daripada segi

tema. Prof. Ismail Hussein, kalau saya tidak silap, ingin menetapkan tema. Saya kata, tema seharusnya bebas. Begitu juga dalam keadaan perkembangan sastera Islam sekarang ini, kita tidak perlu menganjurkan peraduan novel Islam, ataupun cerpen Islam. Kita hanya perlu menganjurkan peraduan, maka terpulanglah kepada pengarang itu menentukan tema. Kalau pengarang itu benar-benar hidup cara Islam, maka pada pandangan saya dia akan melahirkannya, iaitu kita dapat lihat wajah-wajah ataupun natijah-natijah yang merupakan karya itu. Di sini dapat kita lihat sama ada ia berunsur Islam atau tidak. Tapi kalau kita memberi satu 'cap' seperti cuba menempelkan, cuba mencari yang mana Islam yang mana tidak Islam, ini merupakan satu proses kreativiti yang palsu, pura-pura dan sebagainya. Saya rasa, kalau pengarang itu sudah sedar dan dia rasa dia boleh menerapkan nilai-nilai Islam maka dia akan melahirkan karya-karya Islam. Lagipun pengertian tentang Islam itu sendiri di kalangan pengarang-pengarang novel-novel kita lebih kepada pengertian sebagai mata pelajaran di sekolah, soal-soal halal haram, hukum-hakam dan soal-soal pergaulan. Perkara-perkara seumpama inilah yang hendak ditempelkan di dalam karya. Tetapi bagi saya, apabila kita mengarang sebuah novel yang baik, ia seperti novel-novel dahulu juga, tetapi kehidupan, nilai, watak dan sebagainya itu dapat mencerminkan kehidupan Islam secara tidak berterus terang, yang mungkin menggunakan simbol-simbol. Maka ini dapat memberi kesan kepada kita, berbeza dengan karya-karya sekarang ini yang kita dapati lebih menonjolkan soal-soal luaran. Sedangkan soal-soal yang lain, katakan pada sebuah novel, kesan Islamnya itu adalah kesan sejepit-sejepit sahaja. Sebuah novel itu merupakan suatu penghidupan yang panjang yang berbagai-bagai yang akan memberi satu cahaya kepada kita. Ia satu karya yang memperlihatkan secara halus dan berseri unsur-unsur Islam yang memang sulit untuk dihasilkan. Saya sendiri pun tidak dapat hendak mengarangnya, tetapi secara teorinya memanglah begitu.

*Novel Muhammad Akhir oleh Anas K. Hadimaja ataupun novel Hari-hari Terakhir Seorang Seniman oleh Anwar Ridhwan ada menunjukkan dua dunia yang berbeza. Muhammad Akhir mengemukakan satu watak yang seluruh kehidupannya dalam kegiatan agama dan Hari-hari Terakhir Seorang Seniman menggambarkan seorang seniman yang juga beragama Islam. Apa pendapat Datuk?*

Saya telah membuat ulasan kedua-dua novel itu. Tetapi bagi saya novel *Muhammad Akhir* ini sebenarnya memperlihatkan

watak yang lain daripada yang lain. Kalau dilihat daripada segi Islam, seorang manusia itu mesti tumbuh dengan tiga ciri, iaitu soal-soal rohaniah, akaliah dan jasmaniah. *Muhammad Akhir* lebih cenderung kepada soal-soal rohaniah. Jadi soal-soal akaliah dan soal-soal jasmaniah menjadi tidak penting, maka pertumbuhan itu bukan seperti dikehendaki oleh Islam yang sebenarnya. *Muhammad Akhir* hanya memperlihatkan semacam satu keramat dan sebagainya. Ini sebenarnya watak-watak yang ganjil, ahli-ahli sufi yang ganjil. Daripada segi Islam saya rasa kita tidaklah perlu meratib sepanjang masa, kerana kita juga perlu berkhidmat kepada masyarakat, kesihatan pun perlu dijaga dan sebagainya. Tapi dalam *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*, Anwar Ridhwan banyak memperlihatkan sesuatu yang implisit, sesuatu yang halus. Kadang-kadang dia banyak menggunakan alegori, memberi kita daya kreatif, ertinya kita tidak boleh hendak memahami dengan mudah. Sama halnya dengan A. Samad Said, kita tidak boleh memahaminya kalau kita tidak berkreatif sedikit, ertinya kita perlu menyelam lebih jauh sedikit. Maka pada pandangan saya daripada segi Islam *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* itu lebih berhasil sebagai sebuah karya seni.

*Akhir-akhir ini kita dapati ada pandangan beberapa golongan agama yang menolak seni dengan menyatakan seni boleh menyatkan. Apa pandangan Datuk dalam hal ini?*

Saya anggap mereka ini ulama yang jahil, ulama yang tidak memberi kesempatan kepada sebilangan orang yang mempunyai bakat yang dianugerahi oleh Allah. Bagi mereka hasil daripada seni ini dianggap sebagai suatu yang cemar, kerana mereka hanya melihat aspek-aspek yang mungkar, yang tidak baik. Sedangkan kita dapati al-Quran sendiri merupakan satu daripada kitab-kitab yang mementingkan soal-soal seni, baik bunyinya, baik susunan ayatnya dan keindahan-keindahannya. Maka pada pandangan saya, ulama yang seumpama ini tidak mengenal kehidupan secara menyeluruh. Kalau mereka kata "Islam sebagai cara hidup", maka mereka tidaklah "sempurna". Mereka tidak boleh disalahkan juga, kerana berdasarkan realiti di sekeliling kita didapati soal-soal seni ini lebih kepada kegiatan-kegiatan "budaya rendah". Sedangkan seni yang sebenarnya merupakan keindahan-keindahan dalam sastera, dalam bentuk bahasa dan sebagainya yang dapat menerapkan kebenaran supaya hak kita, akal kita, pancaindera kita dapat menerima sesuatu gagasan itu menerusi karya secara lebih berkesan dan berseni.

## UCAPAN KERTAS KERJA TERPENTING

*Teori Barat banyak mempengaruhi kita dalam berbagai-bagai bidang termasuk penulisan. Apakah kita, sebagai umat Islam perlu menolaknya kerana ia adalah hasil daripada pemikiran orang bukan Islam ataupun kita perlu menerapkannya dengan menyesuaikan dengan suasana kita sebagai umat Islam?*

Bagi saya, faktor utamanya bukanlah dia seorang kafir atau tidak tetapi sama ada benar atau tidak teori-teori itu. Dan kalau kita melihat di Barat – dilihat dari segi intelektual – khususnya teori kesusteraan, mereka membuat banyak kajian yang begitu mendalam dan kajian-kajian itu memberi manfaat kepada kita. Malah teori-teori kritikan yang saya ajar pun sebenarnya banyak dari Barat, baik teori sosiologi, psikologi dan berbagai-bagai lagi. Teori-teori ini yang begitu cemerlang dan tepat adalah hasil kajian mereka. Jadi kita harus sandarkan kepada konsep-konsep tauhid, sama ada teori-teori ini, ataupun kaedah-kaedah mereka itu bertentangan dengan aspek-aspek tauhid atau aspek-aspek Islam. Umpamanya Teori Psikoanalisis yang sering diperkatakan oleh Freud, sedangkan Islam mementingkan soal-soal kejawaan, psikologi, maka kita harus kembali kepada Islam. Barangkali kita tidak setuju dengan Freud tetapi kita harus menghormati hakikat bahawa beliau membawa satu pendekatan yang agak menarik. Kesimpulannya, kita menerima ilmu bukan sahaja dari Barat, malah dari mana-mana sahaja, tetapi kesepaduannya itu mestilah berteraskan kepada tauhid, kepada Islam.

*Ada pendapat menyatakan, dalam kita mengkaji sebuah karya sastera, kita meski mengetepikan biografi penulis berkenaan. Apakah ini sesuai untuk sebuah karya yang mencerminkan zaman penulis?*

Bagi saya proses kreativiti ini adalah salah satu faktor yang penting. Ciri yang penting dalam proses kreativiti yang boleh menghasilkan natijah novel atau cerpen adalah diri pengarang itu sendiri. Dalam proses kreativiti, pengarang bukan hanya melontarkan fakta, malah menggunakan daya apresiasi dan imaginasinya dengan kekuatan gaya bahasa. Ini adalah perkara-perkara dalam diri pengarang, soal-soal diri pengarang, yang kadang-kadang dia sendiri tidak terfikir untuk melambangkan riwayat hidupnya. Tetapi saya rasa kita tidak dapat pisahkan karya sastera daripada diri pengarang. Maka itulah sebabnya di Malaysia ini karya-karya sastera kita sebahagian besarnya adalah bertitik-tolak daripada biografi pengarang, sama ada secara langsung ataupun tidak. Biografi di sini bukan-

lah semestinya riwayat hidup pengarang, tetapi soal-soal sistem nilainya, sikapnya, soal-soal yang ada hubungan dengan dirinya. Bagi saya soal biografi dalam kajian kita merupakan satu aspek yang penting.

*Tetapi ada orang menyatakan apabila kita menggunakan latar belakang penulis sebagai asas, maka hasil kajian mungkin akan menimbulkan kesan yang berat sebelah?*

Dalam hal ini ada dua kaedah. Pertama, kita mengenal pengarang menerusi karya, terutama apabila kita membaca karya-karyanya secara keseluruhan. Apabila seseorang pengarang telah meninggal dunia kita kumpulkan semua karyanya, dan berdasarkan karya-karya itu kita dapat mengenal pengarang tersebut. Kedua, ialah kita cuba secara lebih mendalam mengenal karya dengan bertolak daripada sejarah hidupnya. *Al-Syiqaq I* umpsamanya. Sebenarnya *Al-Syiqaq I* ini ialah riwayat hidup saya. Bapa saya dari Sumatera, emak saya dari Thailand bertemu di sini dan sebagainya. Jadi soal 'bias' ini, walaupun tidak berdasarkan kepada biografi pun, saya rasa akan terbukti juga. Inilah kelemahan-kelemahan manusia. Tapi kita cubalah dan bagi saya peranan pengarang ataupun soal-soal biografi ini memang penting dalam sesbuah karya sastera.

*Dalam Seminar Semiotik kelmarin Datuk ada menyebutkan tentang kebebasan akal dalam kesusteraan. Boleh Datuk terangkan sedikit apa yang dimaksudkan itu?*

Saya rasa ini merupakan satu paksi di dalam perkembangan intelektual, terutama dalam perkembangan pendidikan sastera dan kreativiti sastera di Barat, yang menganggap kebebasan akal ini merupakan suatu sifat organisasi yang diagung-agungkan. Setiap orang cuba hendak membuat sesuatu yang original terutama dalam bidang kreatif, kritikan dan sebagainya. Masing-masing hendak berkreatif secara yang original, berdasarkan kepada akal. Maka mereka akan banyak berfikir, tanpa ada batasan bagaimana caranya hendak menghasilkan sesbuah karya. Ini satu perkara yang baik, tetapi kalau akal ini dibiarkan meleluasa dan menerawang ke mana sahaja, maka ia tidak ada batasnya. Akal harus mempunyai satu landasan, kerana akal mesti bersepada dengan akli dari nakli, ertinya dengan Allah, dengan wahyu dan sebagainya. Maka daripada sitolah baru kita dapat manfaat. Kita boleh berkreatif dengan bermacam-macam cara, tetapi mesti ada landasan. Landasan itu ialah sama ada bermanfaat atau tidak ke arah membina

manusia, ke arah memberi manfaat kepada manusia, di samping keindahan tadi. Tetapi setengah-setengah orang menganggap ini sebagai sesuatu yang menyekat kebebasan. Bagi saya kita boleh bebas, sebebas-bebasnya, kecuali menentang Allah. Kita ada batasan, yang sebenarnya bukan batasan melainkan pertolongan kepada kelemahan kita sebagai manusia. Kita ini lemah, jadi kita mesti ada batasan yang murni, kerana hanya Allah sahaja yang tahu batasan kita. Kita mesti pegang hak-hak Allah, iaitu al-Quran dan sebagainya. Inilah ertiinya kemerdekaan dalam Islam. Kemerdekaan ini, atau kebebasan ini, ertiinya "saudara boleh bebas, sebebasnya, boleh mengarang apa yang saudara hendak karang, tetapi mestilah berlandaskan kepada al-Quran, berlandaskan soal-soal tauhid supaya jangan terlalu bebas."

*Di negara kita terdapat aliran sastera dan sains di mana penuntut aliran sains tidak diberi peluang untuk mempelajari sastera tetapi akhir-akhir ini kami dapat penuntut-penuntut sains, mula berminat untuk menulis cerpen, sajak.*

Memanglah kita ada akal tapi akal kita terbatas, jadi kita tidak bolehlah hendak mempelajari semua. Dan di tanahair kita ada pelajaran sains ataupun sastera yang merupakan fardu kifayah. Tiap-tiap seorang mengikut kebolehan masing-masing. Sains pun ada macam-macam lagi, iaitu kejuruteraan, perubatan dan lain-lain lagi. Tetapi saya rasa di dalam kedua-dua aliran, harus mempunyai teras. Pertama, teras Islam kalau kita hendak kembali kepada Islam, yang kedua kita mesti membuka peluang – daripada segi kesusasteraan umpamanya – memberi peluang supaya pelajar yang mempunyai bakat berkreatif harus diberi baja dan dipupuk. Tidak kira sama ada aliran sastera atau sains. Dalam kesusasteraan, mengarang ini bukan soal sastera atau sains – sesiapa sahaja boleh mengarang kalau dia mempunyai bakat. Di Barat kita dapat banyak tokoh politik, jurutera, doktor menghasilkan novel, kerana mereka diberi kesempatan di sekolah – barangkali untuk berkreatif. Di sekolah-sekolah umpamanya, kita dapat ada bakat-bakat yang datang daripada mereka yang daripada aliran sains, tetapi tidak begitu ramai, dan ini menjadi tugas Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memberi pimpinan kepada semua, baik orang sastera atau orang sains dalam bidang karang-mengarang. Malah mereka yang daripada aliran sains itu barangkali boleh menghasilkan fiksyen sains dan lain-lain cerita yang berhubung dengan sains. Tetapi agak pelik sedikit di tanahair kita tidak ada orang-orang yang seumpama itu. Tapi di Universiti Sains Malaysia mulai

tahun ini akan menerima pelajar-pelajar yang berkelulusan sains Sijil Tinggi Pelajaran tetapi datang ke sini membuat *double major* iaitu sains dan sastera. Entinya, mereka membuat major fizik, umpamanya, dan mesti membuat satu *major* yang lain dalam sastera, sama ada sejarah, kesusasteraan, bahasa Inggeris, geografi atau sebagainya. Jadi pelajar-pelajar sains membuat '*double major*' supaya dirinya lebih terbuka.

**GAMBAR-GAMBAR SHAHNON AHMAD**





Semasa kecil bersama-sama ibu, kakak dan adik-adik.



Rumahnya di Kampung Banggul Derdap, Sik, Kedah.



Ibunya, Puan Hajah Kelsum binti Haji Mohd. Saman yang berasal dari Pattani, Selatan Thailand.



Kakak dan ibu di rumahnya di kampung.



Di Tanah Suci Makkah ketika menunaikan rukun Islam yang kelima.



Di samping isteri (gambar yang dirakam pada tahun 1982)



– Memperkatakan proses penciptaan kreatif di Bengkel Penulisan Kreatif di Port Dickson pada tahun 1974.



Dua pemenang Hadiah Karya Sastera 1974; Shanon Ahmad (novel) dan Syed Alwi (drama).



Memperkatakan "Kesusasteraan dan Permasalahan Manusia"; syarahan umum yang disampaikan dalam Minggu Sastera 1987.



Menerima watikah Anugerah Sastera Negara daripada DYMM Seri Paduka Baginda yang Dipertuan Agong.



Menyampaikan Pidato Penerima Anugerah Sastera Negara di Bangunan Parlimen pada tahun 1982.



## BIBLIOGRAFI

- A.A. Navis, 1983. "Sastera Islam; Satu Utopia", dlm *Dewan Sastera*, Oktober 1983, hlm 45–58.
- A.H. John, 1971. "Sumbangan Shahnnon kepada Sastera Melayu Menak-jubkan", dlm *Mingguan Malaysia*, 28 Februari 1971.
- \_\_\_\_\_, 1971. "Manusia dalam Alam Tanpa Belas Kasihan", dlm *Dewan Sastera*, Mac 1971, hlm 34–38 dan 56–59.
- \_\_\_\_\_, 1974. "Man in a Merciless World", dlm *Search for Identity Modern Literature and the Creative Arts in Asia*, Sydney: Agus and Robertson Publishers.
- \_\_\_\_\_, 1979. *Culture Options and the Role of Tradition*. Canberra: Australian National University Press.
- A. Bakar Hamid, 1973. "Arah Perkembangan Kesusasteraan Melayu moden di Malaysia", dlm *Seminar Kesusasteraan Nusantara 1973*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Wahab Ali, 1972. "Rentong", dlm *Penulis*, April/Ogos 1972, hlm 344–356.
- A. Teeuw, 1966. "Dua Novelet Karangan Shahnnon Ahmad", dlm *Dewan Bahasa*, Mac 1966, hlm 107–113.
- Abdul Ahmad, 1980. "Sastera yang Hak, Sastera yang Bermoral," dalam *Dewan Masyarakat*, Mac 1980, hlm 38–39.
- Abdul Rahman Rukaini, 1982. "Percubaan Awal Mendekati Kesusasteraan dari Pandangan Islam", dlm *Dewan Sastera*, Jun 1982, hlm 52–53.
- Abdul Rahman Yusof, 1976. "Protes dan Ziarah: Satu Perbandingan", dlm *Dewan Bahasa*, April 1976, hlm 220–227.
- Abdullah Hussain, 1974. "Kenduri Srengenge di Banggul Derdap", dlm *Dewan Sastera*, Jun 1974, hlm 30–32.
- Abdullah Tahir, 1973. "Satu Tinjauan Singkat Rentong", dlm *Widya*, Februari 1973.
- \_\_\_\_\_, 1976. "Kajian Ekstrinsik Ranjau Sepanjang Jalan dan Nectar in a Siere", dlm *Berita Harian*, 8 Januari 1976.
- Achdiat Kartamihardja, 1972. "Ranjau Sepanjang Jalan", dlm *Dewan Sastera*, Jun 1972, hlm 40–41.

## BIBLIOGRAFI

- Ahmad Kamal Abdullah, 1978. "Bawuk dan Riak: Bahasa Sebagai Tampuk Sastera" dlm *Dewan Sastera*, Mei 1978, hlm 36–38.
- Ainon Muhammad, 1975. "Wawancara dengan Adibah Amin Sekitar Penjemahan Novel *Ranjau Sepanjang Jalan*", dlm *Dewan Sastera*, Mei 1975, hlm 2–5.
- Ali Haji Ahmad (Alis Murni), 1969. "Perdana Novel Karya Shahnon Ahmad", dlm *Dewan Bahasa*, Ogos 1969, hlm 368–371.
- Baharuddin Zainal, Safian Hussain, A.M.Thani, Sarah Sadon (Pny) 1981. "Shahnon Ahmad", dlm *Wajah: Biografi Seratus Penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- C. Skinner, 1969. "A Note on Communalism in Malay Literature", dlm *May Tragedy in Malaysia*, B, Kinley of Hawit Hall, Melbourne: Monash University Malaysia – Singapore Student Organization, Julai 1969.
- David J. Banks, 1980. "Islam and Political Change in Rural Malay Society: Novel as Data". Kertas Kerja di Satu Pertemuan anjuran Persatuan Antropologi Amerika di State University of New York, November 1980.
- David Prescott, 1980. "Translation Does Not Affect Quality of Work: Tale of How Superstitions Rule Life in a Malay Village", dlm *The Straits Times*, 17 Mei 1979.
- Dharmala N.S., 1978. "Novel Shahnon Tiada Ada Plot", dlm *Variasi*, Mei 1978, hlm. 116–121.
- Edwin Thumboo, 1979. "Shahnon Ahmad No Harvest but a Thorn", dlm *Jurnal SEA Studies*, Mac 1979.
- H.B. Jassin, 1968. "*Ranjau Sepanjang Jalan*, Novel Ketiga Shahnon Ahmad", dlm *Harison*, Ogos 1969, hlm 271–280.
- Ilias Zaidi, 1976. "Shahnon Ahmad", dlm *Biografi Penulis dan Karya*, Kuala Lumpur: Penerbitan Fargoes, 1976, hlm 246–251.
- Ismail Hussein, 1969. "Sastera Melayu dan Perpaduan Kaum", dlm *Mastika*, Disember 1969, hlm 15–22.
- Jenit Chen, 1980. "More with a Whimper Than with a Bang", dlm *Business Times*, Ogos 1980.
- Juma'noh Abdul Bunga, 1977. "Wawancara dengan Shahnon Ahmad", dlm *Mastika*, September 1977, hlm 76–81.
- K.S. Maniam, 1980. "Dual Role A Writer, Seeker", dlm *Business Times*, 1980.
- Kassim Ahmad, 1974. "*Ranjau Sepanjang Jalan* Karya yang Aneh", dlm *Sukses*, 1974, hlm 12–16.
- \_\_\_\_\_, 1975. "Shahnon Ahmad: Novelis Pencari Kebenaran Asli", dlm *Dewan Sastera*, April 1975, hlm 38–42.
- \_\_\_\_\_, 1976. "Pesimisme Sepanjang Jalan", dlm *Dialog Dengan Sasterawan*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena, 1976.
- \_\_\_\_\_, 1982. "Menuju Sebuah Teori Sastera Islam", dlm *Dewan Sastera*, November 1982.

## BIBLIOGRAFI

- \_\_\_\_\_, 1983. "Menuju Sebuah teori Sastera Islam: Jawapan kepada Shahnon", dlm *Dewan Sastera*, Februari 1983, hlm 33–37.
- \_\_\_\_\_, 1983. "Soal Definisi dan Penilaian", dlm *Dewan Sastera*, April 1983, hlm 45–47.
- \_\_\_\_\_, 1983. "Pandangan Hidup Tauhid dan Estetika Islam", dlm *Dewan Sastera*, Jun 1983, hlm. 45–59.
- Laurent Metzger, 1976. "Keazaman dalam Watak-watak Shahnon Ahmad", dlm *Dewan Sastera*, Oktober 1976, hlm 43–44.
- Li Chuan Siu, 1975. "Shahnon Ahmad (1933–1945)", dlm *An Introduction to the Promotion and Development of Modern Malay Literature 1942–1962*, Yogyakarta: Penerbitan Yayasan Kanisius, 1975, hlm 185–190.
- \_\_\_\_\_, 1978. "Shahnon Ahmad", dlm *Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusastraan Melayu moden (1945–1965)*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1978, Cetakan Kedua hlm 502–509.
- Lloyd Fernando, 1976. "Semangat Mengenal Diri dalam Cerpen-cerpen Shahnon Ahmad", dlm *Dewan Sastera*, September 1976, hlm 51–55.
- M. Balfas, 1966. "Rentong oleh Shahnon", dlm *Dewan Bahasa*, Januari 1966, hlm 16–20.
- Mana Sikana, 1976. "Sumpah: Dengan Tema Kewujudan", dlm *Dewan Sastera*, Oktober 1976, hlm 43–44.
- Mary Gee, 1979. "Shahnon's Search for Identity", dlm *Asiaweek*, 20 Disember 1979.
- Md. Salleh Yaafar, 1972. "Shahnon's No Harvest but a Thorn: On the Fate of the Malay Peasantry". Kertas Kerja Seminar Jabatan Pengajian Inggeris, University of the Philippine, Quezon City, 20 Mac 1977.
- \_\_\_\_\_, 1982. "Imaginasi Moden dalam Karya-karya Shahnon Ahmad". Kertas kerja Dialog Utara, Pulau Pinang, 5–7 Ogos 1982.
- Mohd. Ismail Othman, 1971. *Kajian dan Pembicaraan Rentong*. Alor Setar: Syarikat Kerjasama Kredit dan Perkhidmatan Pegawai-pegawai Melayu Negeri Kedah.
- Mohd. Noor Azam, 1967. "Tragedi Banggul Derdap", dlm *Dewan Bahasa*, Jun 1967, hlm 265–269.
- Mohd. Yusof Hasan, 1968. "Tinjauan Selayang Pandang *Ranjau Sepanjang Jalan*", dlm *Mastika*, Disember 1968, hlm 44–50.
- \_\_\_\_\_, 1971. *Ranjau Sepanjang Jalan Suatu Kajian*. Alor Setar: Dinas Penerbitan Pustaka Sekolah.
- \_\_\_\_\_, 1972. *Kajian dan Pembicaraan Novel Rentong*. Alor Setar: Dinas Penerbitan Pustaka Sekolah.
- \_\_\_\_\_, 1974. "Srengenge: Simbolisme Konflik Nilai", dlm *Dewan Sastera*, Jun 1974, hlm 302–307.
- \_\_\_\_\_, 1976. "Kegelisahan Jiwa Manusia dalam Cerpen-cerpen Shahnon Ahmad", dlm *Jurnal Budaya Melayu*, 1976, hlm 1–10.
- \_\_\_\_\_, 1978. "Riak", dlm *Dewan Sastera*, Januari 1978, hlm 27–32.

## BIBLIOGRAFI

- \_\_\_\_\_, 1979. "Kata-kata Daerah dalam Karya Shahnon Ahmad", dlm *Dewan Sastera*, Disember 1979, hlm 74–85.
- Norman Simms, 1980. "Eloquent Silence", dlm *CRNLE Review Journal*, Adelaide: Flinder University, 1980.
- Pena Patriot, 1973. "Shahnon Ahmad's Novels: A Critical Evaluations", dlm *Truth I*, Februari/Mac 1973, hlm 3–6.
- Patrick Yeoh, 1980. "Bid Against Awesome' Power of the Mountain", dlm *Business Times*, 22 Februari 1980.
- Ramli Leman Soemowidagdo, 1973. "Catatan Singkat Tentang Protes: Sebuah Novel Shahnon Ahmad", dlm *Dewan Bahasa*, Mei 1973, hlm 194–210.
- Rosnah Abdul Majid, 1981. "Shahnon yang Berubah", dlm *Mingguan Malaysia* 22 Mac 1981.
- \_\_\_\_\_, 1981. "Shahnon Lain Hulu Lain Parang", dlm *Utusan Zaman*, 22 Mac 1981.
- Rusdi Hj. Salleh, 1968. "Ranjau Sepanjang Jalan Membicarakan Faktor-faktor dan Masanya", dlm *Penulis*, Februari 1968, hlm 159–163.
- Sidang Pengarang, 1982. "Antara Sastera dan Islam," dlm *Sarina*, Jun 1982, hlm 12–15.
- Siti Hawa Salleh, 1968. "Dari Kelab Kritik Pena, Ranjau Sepanjang Jalan Karya Shahnon Ahmad" dlm *Dewan Bahasa*, Disember 1968, hlm 544–546.
- Suhaimi Haji Muhammad, 1979. "Tanggapan Mutakhir Shahnon Ahmad Terhadap Kesusasteraan", dlm *Mastika*, Mac 1979, hlm 104–117.
- Suratman Markasan, 1971. "Gaya Bahasa Ranjau Sepanjang Jalan", dlm *Sasterawan*, Oktober 1971, hlm 108–111.
- Umar Junus, 1971. "Menteri", dlm *Ikhtisar dan Analisa Novel-novel Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, 1971, hlm 99–103.
- \_\_\_\_\_, 1971. "Ranjau Sepanjang Jalan", dlm *Ikhtisar dan Analisa Novel-novel Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, 1971, hlm 104–109.
- \_\_\_\_\_, 1971. "Rentong", dlm *Ikhtisar dan Analisa Novel-novel Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, 1971, hlm 91–98.
- \_\_\_\_\_, 1978. "Seluang Menodak Baung", dlm *Dewan Sastera*, Ogos 1978, hlm 56–57.
- \_\_\_\_\_, 1979. "Suatu Sikap Tentang Modernisasi: Penampilannya pada Novel-novel Shahnon Ahmad", dlm *Widya*, Ogos 1979, hlm 14–16.
- Yahaya Ismail, 1965. "Rentong: Menggemparkan Watak dan Mentaliti Orang-orang Melayu di Kampung", dlm *Mingguan Malaysia*, 16 Mei 1965.
- \_\_\_\_\_, 1965. "Terdedah Lahir atau Batinnya?" dlm *Berita Minggu*, 14 November 1965.
- \_\_\_\_\_, 1967. "Krisis dalam Sastera Melayu Modern", dlm *Mastika*, Februari 1967, hlm 15–22.

#### BIBLIOGRAFI

- \_\_\_\_\_, 1968. "Menteri oleh Shahnon Ahmad" dlm *Kesusasteraan Modern dalam Esei dan Kritik 2*, Singapura: Penerbitan Pustaka Nasional, 1968, hlm 137-142.
- \_\_\_\_\_, 1973. "Srengenge: Sebuah Ulasan Novel", dlm *Dewan Sastera*, September 1973, hlm 45-47.
- \_\_\_\_\_, 1975. "Sampah", dlm *Dewan Bahasa*, Mei 1975, hlm 349-351.
- \_\_\_\_\_, 1978. "Yahaya Ismail Menyorot Shahnon Ahmad", dlm *Widya*, 15 Ogos 1978, hlm 6-8.
- Yut Yusof, 1981. "Srengenge Hasil Karya Shahnon Ahmad", dlm *Permai*, Bil. 2, 1981, hlm 28-29.
- Zainal Abidin Hj. Baharuddin, 1966. "Karya-karya Shahnon Ahmad: Anjing-anjing, Rentong dan Terdedah", dlm *Bahasa*, Ogos 1966, hlm 139-142.
- \_\_\_\_\_, 1975. "Shahnon Ahmad dan Karya", dlm *Dewan Bahasa*, Disember 1975, hlm 846-849.
- Zurinah Hassan, 1973. "Shahnon Ahmad", dlm *The Sunday Mail*, 11 Februari 1973.



## INDEKS

### A

- A. Rashid Ngah, 45  
A. Samad Ismail, 7  
A. Samad Said, 7, 32–3, 132  
A. Wahab Ali, 33  
Abdul Razak, Tun, 39  
“Ada”, 11, 15, 24, 61–4  
Adi Mas, 32  
Adibah Amin, 39  
Afro-Asian Writers Conference, 6  
Ahmad bin Haji Abu Bakar, Haji, 1–2  
Ajikik, 32  
“Aku Tidak Cinta Padamu”, 29  
“AI”, 21, 23, 57  
*al-Quran*, 44, 70, 124, 132, 135  
*Al-Syiqqaq* 1, 11, 15, 24, 61–2, 65, 67–70,  
    72, 102, 134  
Ali Majod, 45  
Alias Ali, 32–3  
Amir Hamzah, 128  
Anas K. Hadimaja, 131  
“Angan-angan Mr. Proudfoot”, 22–3,  
    60  
*Angin Hitam dari Kota*, 33  
*Angin Retak*, 18, 39  
“Angin Timur Angin Barat”, 27  
Anis Sabirin, 32  
Anjing-anjing, 10, 12–3, 18, 26, 34, 39  
Anugerah Sastera Negara, 7, 128  
Anwar Ridhwan, 131–2  
Arena Wati, 32  
ASAS 50, 5, 30, 40, 42  
*Asiaweek*, 7  
Askar Melayu, 6  
Asraf, 5

Atan Long, 32–3

- Australian National University, 6, 11,  
    16, 42  
Awam il-Sarkam, 5  
Awang Had Salleh, 32–3  
“Ayam dan Manusia”, 25–6  
Aziz Jahpin, 32  
Azizi Haji Abdullah, 45

### B

- “Babi Hutan”, 29, 40  
“Bapa”, 12, 29, 32, 74, 77  
“Barang”, 29  
*Berita Minggu*, 39, 43, 45, 55  
“Beruk”, 45  
“Bingung”, 25  
*Birth Warna*, 33  
“Borang G. 147”, 28, 40  
“Bung Besar Punya Pasal”, 27

### C

- “Cacingmu Bukan Cacingku”, 26  
“Catitanku”, 27  
*Cepu Kencana*, 30  
“Cinta”, 128  
“committed writer”, 39  
“cynicism”, 32

### D

- Dahaga*, 33  
*Dalam Perjalanan*, 39

## INDEKS

- "Darah Daging", 31  
Dato Setia Diraja Kedah (DSDK), 7  
*Debu Merah*, 10, 12-3, 18, 39, 74  
"Denak", 21, 37  
*deus ex machina*, 127  
*Dewan Bahasa*, 15, 39, 53, 57, 123  
Dewan Bahasa dan Pustaka, 135  
*Dewan Masyarakat*, 39, 46  
*Dewan Sastera*, 39, 48, 50-1, 54, 129  
"Di Tengah Keluarga", 29, 74  
"Dongeng Merdeka", 11, 15, 24, 61-2,  
    64-5  
"Dr. Zaqlol", 12, 27  
*Dua Zaman*, 18, 39  
"Dunia Tuhan yang Indah", 27  
DYMM Yang di-Pertuan Agong, 7,  
    128
- E**  
English Grammar School, 5
- F**  
Freud, 133
- G**  
Gabungan Penulis Islam Malaysia  
    (GAPIM), 124  
Gabungan Persatuan Penulis Nasional  
    Malaysia (GAPENA), 7  
Gabungan Sasterawan Sedar (GAT-  
RA), 6, 41-2  
"Gelungnya Terpokah", 33, 74-5  
"Gembung-gembung Jakarta", 32  
*Gersang*, 33  
"Guntur", 27
- H**  
Hadiah Karya Sastera, 7, 39  
Hamzah, 5, 40  
Hari Sastera, 15, 123-5  
*Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*,  
    131-2
- Hasan Ali, 32  
"Hati Seorang Pemimpin", 11, 61  
"Hikmat Bulan Sabit Haji Taha", 26
- I**  
"Ibu Pergi ke Syurga", 48  
"Igau", 15, 22, 40, 50  
"immanent", 35  
Institut Teknologi Mara, 126  
Ishak Haji Muhammad, 7  
Iskandar Zulkarnain, 128  
Ismail Hussein, Prof Dato', 6, 41, 130-  
    1
- J**  
Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 7  
"Jahanam", 28  
"Jangan Beritahu Orang Lain", 27, 34  
"Jijak Kepala Nenek Moyang", 12, 33  
Johns, A.H., Prof., 6, 46
- K**  
K.T. Mohamed, 31  
"Kahwin Kerekot Tiga Tiga", 74, 76  
Kala Dewata, 32  
Kalam Hamidy, 32  
"Kalau Ibu Sampai Takah Tiga", 12,  
    22, 40, 48, 78  
"Kalbu", 15, 22-3, 53, 58  
"Kawan-kawan dan Pangkat-pang-  
    kat", 25  
"Ke mana Harus Kita Pergi", 123  
*Kebangkitan*, 42  
"Kehilangan", 26  
"Kelapa Nan Sebatang", 22, 40, 54, 78,  
    80  
Kelsum binti Haji Mohd. Saman,  
    Hajah, 2  
*Kemelut*, 11, 13, 60-1  
"Kemelut", 11, 15, 24, 61-3, 69  
"Kepulangan", 28  
Keris Mas, 5, 7  
Kesatria Mangku Negara (KMN), 7  
"Kesusasteraan : Antara yang Hak dan  
    yang Batil", 124

## INDEKS

*Kesusasteraan dan Etika Islam*, 127  
"Kipas Angin Mitsubishi Kami", 26  
"Kodok", 28  
Kolej Sultan Abdul Hamid, 5-6  
*Konflik*, 18, 39

## L

"Lagi Kitkitkit", 22, 40, 43, 78-9

## M

*Majalah Guru*, 25  
Maktab Perguruan Sultan Idris, 6, 11  
"Malam Begitu Indah", 27  
"Malay Power", 14, 41  
"Malay Centric Approach", 41  
Malungun, 32  
Mastika, 5, 30, 39-40  
Masuri S.N., 5  
"Mata", 31  
"Mayat dan Keluarga", 11, 15, 24, 61-4, 69, 81  
"Mengapa Saya Menulis *Ranjau Sepanjang Jalan*", 16  
Menteri, 11-2, 14, 19, 36, 90  
"Mimpi di Caroll Street", 21, 45  
*Mingguan Malaysia*, 39  
"Miting di Kuala Lumpur", 12, 28  
"Monyet", 31  
"Moyok", 60  
*Muhammad Akhir*, 131-2  
Muhammad S.A.W., 70

## N

"Nadinya Masih Berdenyut", 29  
"Nafsu", 28, 34  
"Nak Serang Tuan D.O.", 12  
"Napuh", 29  
"Nasib Seorang Buruh", 25  
*No Harvest but a Thorn*, 39  
Nora, 32

## O

"Ombak Kecil Berkocak", 27

## P

"Pak Utih", 12, 26  
Parnickel, Boris, Prof. 40  
"Pejuang Sastera", 7  
"Pelita Sebuah", 45  
"Pemeliharaan Nilai-nilai Sosial dan Kebudayaan Islam dalam Menghadapi Pembangunan Perindustrian", 126  
"Penerangan Islam Menerusi Penulisan Kreatif", 124  
"Pensel Sebatang", 45  
"Penulisan Kreatif – Persoalan Nilai dalam Penghasilan", 126  
"Penyambutan", 28, 34  
*Perajurit yang Pulang*, 18, 39  
Perang Dunia Kedua, 1  
*Perdana*, 12, 19, 36  
"Perempuan", 22, 40, 55, 57  
Pertentangan, 39  
Projek Pengairan Muda, 10  
*Protes*, 11-2, 19, 35

## R

*Ranjau Sepanjang Jalan*, 10-3, 19-20, 34-5, 38, 41, 69, 85  
*Rentong*, 10-3, 18-20, 33-4, 38, 69, 82  
"Riak", 11, 15, 24, 61-3, 69  
Rokiah Abu Bakar, 32  
Rosbiwo, 32

## S

"Sajak-sajak A.S. Amin", 6  
"Salam Sekeluarga", 21, 46, 48  
*Salina*, 33  
Salmiah Ismail, 128  
*Sampah*, 11, 15, 22-3, 38, 97  
*Sarcasm*, 32  
"Sastera dalam Pembinaan Akhlak – Satu Renungan dari Sejarah Sastera Melayu", 125  
"Sastera Islam", 15, 62, 70, 81, 123, 126, 131  
"Sastera Melayu dan Islam", 124  
Sayembara Mengarang Novel Hadiah Tun Mustafa, 41

## INDEKS

- Sekolah Melayu Bukit Besar, 6  
Sekolah Melayu Gunung, 6  
Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, 6  
*Selesai Sudah*, 11-3, 15, 74, 78  
*Sehuang Menodak Baung*, 10-3, 24, 60-1, 69, 72-3, 99  
Seminar Kebangsaan tentang Konsep Pembangunan, 126  
Seminar Penulis, 126  
Seminar Semiotik, 134  
"Seni untuk Masyarakat", 5  
*sense of humour*, 26  
"Serangan", 28  
*Setanggi (Timur dan Barat)*, 13, 30  
"Si Anak Rempang", 31  
*Si Anak Rempang Karam di Kota*, 31  
Simposium Darul Iman, 127  
Simposium Kesusastraan, 125  
"Siplis", 27  
Sitor Situmorang, 48  
*Srengenge*, 7, 10-3, 22, 37, 40, 59, 69, 94  
"stream-of-consciousness", 14, 55  
"Suamiku", 28  
*Suara Semusim*, 39  
*Subuh*, 33  
"Tak Keruan", 15, 22, 40, 51-2  
"Tak Sehaluan", 31  
"Temanku Afrika", 21, 28  
Teori Psikoanalisis, 133  
*Terdedah*, 11-2, 19, 34, 88  
"Tetamu dari Kuala Lumpur", 12, 60  
"Tiga Kali Gagal", 25  
*Tok Guru*, 11  
Tongkat Warrant, 5, 7  
"Tonil Purbawara", 11, 15, 24, 61-2, 64-5
- "*trancendental*", 35  
"Tudawali", 21  
*Tunggul-tunggul Gerigis*, 11, 24, 61-2, 72, 108
- U**
- Umar Junus, 41  
"Ungkapan", 61  
Universiti Moskow, 40  
Universiti Sains Malaysia, 6-7, 11, 59, 125, 135  
*Utusan Pemuda*, 39  
*Utusan Zaman*, 39-40
- V**
- "Victor Hugo", 39
- W**
- Wijaya Mala, 5
- Y**
- Yahaya Ismail, 40-1  
Yahya Samah, 33  
*Yasin*, 44-5  
Yayasan Sabah, 7
- Z**
- Zulastry, 32

